

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



UUM
Universiti Utara Malaysia

**MIGRASI DALAMAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PEMBOLEH UBAH MAKROEKONOMI DI MALAYSIA**



NOR ERMAWATI HUSSAIN

UUM
Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Ogos 2015**

**MIGRASI DALAMAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBOLEH
UBAH MAKROEKONOMI DI MALAYSIA**



UUM

Oleh:
Universiti Utara Malaysia

NOR ERMAWATI HUSSAIN

**Tesis diserahkan kepada:
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan & Perbankan,
Kolej Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia
Bagi memenuhi prasyarat untuk Ijazah Doktor Falsafah**

KEBENARAN UNTUK MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi sebahagian daripada prasyarat Doktor Falsafah dari Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju bersetuju memberi kebenaran kepada pihak Perpustakaan universiti ini untuk menyalin karya ini dalam apa-apa cara, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dan bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada saya atau penyelia jika tidak mendapat apa-apa tindakbalas, maka kebenaran juga boleh diperoleh dari Dekan Othman Yeop Abdullah, Kolej Perniagaan. Difahami bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan karya ini atau sebahagian daripadanya untuk keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak saya. Kebenaran untuk menyalin atau kegunaan lain bahan-bahan dalam tesis ini secara keseluruhan atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:



ABSTRAK

Migrasi dalaman merupakan penghijrahan yang berlaku dalam sesebuah negara sama ada merentasi sempadan daerah mahupun sempadan negeri. Bagi sesetengah negeri, migrasi masuk menyebabkan berlakunya kepadatan penduduk, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan, pengangguran dan kemiskinan di kawasan bandar. Namun bagi sesetengah negeri pula, migrasi masuk bagi golongan profesional penting untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan yang wujud di antara migrasi masuk dengan faktor-faktor penentu makroekonomi, khususnya populasi, pelaburan asing, pelaburan domestik, pendapatan isi rumah, pengangguran, kemiskinan dan penyertaan tenaga buruh dalam jangka pendek dan jangka panjang serta membuat unjuran migrasi masuk. Dengan menggunakan data siri masa 33 tahun mulai tahun 1980 hingga 2012 yang diperolehi dari 14 buah negeri, kaedah ujian kuasa dua terkecil, sebab-akibat, autoregresi lat tertabur (ARDL) serta ujian unjuran telah dijalankan. Hasil kajian menunjukkan sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah bebas bagi setiap negeri mempunyai hubungan sebab-akibat dengan migrasi masuk. Didapati wujud hubungan jangka panjang bagi faktor pelaburan asing dengan migrasi masuk bagi beberapa buah negeri manakala bagi kesan jangka pendek pula, tiada pemboleh ubah bebas dilihat mempunyai hubungan jangka pendek dengan migrasi masuk bagi negeri Kelantan dan Sabah. Hasil unjuran sehingga tahun 2020 pula menunjukkan sebanyak lapan buah negeri akan mengalami penurunan kadar migrasi masuk, sebanyak lima negeri dijangkakan mengalami pertambahan peratusan migrasi masuk. Manakala peratusan migrasi masuk ke negeri Kelantan dijangkakan tidak berubah. Migrasi masuk yang berlaku ini telah menyebabkan berlakunya pelbagai masalah dan perlu diberi perhatian khusus. Faktor pelaburan asing dan pelaburan domestik yang tidak sekata dan hanya tertumpu kepada kawasan maju telah menjadi faktor pendorong penduduk untuk berhijrah. Bagi negeri yang mempunyai hubungan pelaburan asing serta hubungan pelaburan domestik yang positif dengan migrasi masuk, Negeri-negeri ini perlu mengekalkan polisi sedia ada atau sekurang-kurangnya menambahbaik polisi tersebut agar pertumbuhan ekonomi di negeri tersebut terus berkembang.

Kata kunci: migrasi dalaman, pertumbuhan ekonomi, pelaburan asing, pengangguran, unjuran

ABSTRACT

Internal migration refers to the migration of people that occurs within a country, whether cross-border of regions or state boundaries. For some states, in-migration causes population density, competition for employment, unemployment and poverty in urban areas. But for some states, in-migration of professional workers is important to improve the economic growth in that area. The objective of this study was to analyze the relationship that exists between in-migration and macroeconomic determinant factors, particularly population, foreign investment, domestic investment, household income, unemployment, poverty and labor force participation in the short- and long- terms, and thus make an in-migration forecast. By using time series data of 33 years starting from 1980 to 2012 obtained from the 14 states, ordinary least squared (OLS), causality test, autocorrelation distributed lag (ARDL) and forecasting tests were carried out. This study found that at least one independent variable for each state has a causal relationship with internal migration. It was also found that there is a significant relationship between foreign direct investment and in-migration in several states in the long- term, while for the short- term relationship, there is no independent variable which is significant with in-migration in Kelantan and Sabah. The forecast result for the year 2020 is: in eight states the percentage of migration will decrease, in five states it is expected to increase, while the percentage of migration into the state of Kelantan is not expected to change. In-migration has caused problems and need special attention from the government. Foreign direct investment and domestic investment are uneven and just focus on developed areas and encourage people to migrate. Some states which have a positive relationship between foreign direct investment and domestic investment with in-migration, should maintain the existing policy, or at least improve their policies in order to increase economic growth.

Keywords: internal migration, economic growth, foreign investment, unemployment, forecast

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana memberi saya kekuatan untuk menyiapkan tesis PhD saya ini setelah mengharungi pelbagai kesulitan dan cabaran sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Norehan Abdullah dan Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

Dan tidak lupa juga buat ayahanda serta ibunda tercinta iaitu Hussain Naina Mohd serta Rohani Mohd Saad, abang, Mohd Zamzuri dan juga Kakak, Nor Hasnida, yang telah banyak memberi sokongan moral, galakan, kewangan serta tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya untuk terus berjuang dan bagi menyiapkan penyelidikan ini. Kepada bapa Saudara saya iaitu Prof. Dr Johari Mohd Saad kerana senantiasa memberi galakan untuk saya terus berjaya seperti dirinya sama ada dari segi nasihat, tunjuk ajar serta bantuan kewangan.

Buat sahabat baik saya, Mohd Shahidan Shaari, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kerana telah banyak membantu saya untuk belajar sesuatu benda yang baru dan menjadi rakan penulisan saya terutamanya bagi penulisan jurnal serta menghasilkan buku Ekonomi serta menjadi kekuatan saya untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga buat Diana Nabila Chau, Normizan Yusof serta Faiz Masnan yang senantiasa memberi kata-kata semangat di saat saya hampir berputus asa untuk meneruskan perjalanan penyelidikan ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan buat sahabat-sahabat seperjuangan kerana banyak membantu sepanjang saya berada di sini. Akhir kata, saya berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada semua pihak khususnya pihak pembuat dasar dan juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Nor Ermawati Binti Hussain
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan,
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
PENGHARGAAN	ix
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.4.1 Objektif Umum	10
1.4.2 Objektif Khusus	11
1.5 Kepentingan dan Sumbangan Kajian	11
1.5.1 Kepentingan Kajian Kepada Kerajaan Pusat/Kerajaan Negeri	12
1.5.2 Kepentingan Kajian Kepada Pelabur Luar (Asing dan Domestik)	12
1.5.3 Kepentingan Kajian Kepada Individu Yang Ingin Berhijrah	12
1.5.4 Kepentingan Kajian Kepada Bidang Ilmu	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Organisasi Kajian	13

BAB DUA: MIGRASI DALAMAN DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan	14
2.2 Penghijrahan Penduduk di Malaysia	14
2.3 Arah Aliran Migrasi Masuk Bagi Setiap Negeri di Malaysia	19
2.4 Kesan Migrasi Penduduk	21
2.5 Pembangunan dan Urbanisasi di Malaysia Sehingga Kini	25
2.6 Pendapatan Isi Rumah, Kemiskinan, Pengangguran dan Penyertaan Tenaga Buruh	28
2.6.1 Pendapatan Isi Rumah Penduduk	32
2.6.2 Kemiskinan	35
2.6.3 Pengangguran dan Penyertaan Tenaga Buruh	40
2.7 Pelaburan Asing dan Pelaburan Domestik	48
2.8 Polisi dan Dasar Pihak Tertentu Dalam Mempengaruhi Migrasi Serta Kebajikan	51
2.9 Rumusan	57

BAB TIGA: KAJIAN LITERATUR

3.1 Pengenalan	58
3.2 Kerangka Teori Migrasi	58
3.2.1 Teori Model Graviti/Hukum Migrasi	59
3.2.2 Teori Neoklasik	60
3.2.3 Teori Membuat Keputusan Lee	61

3.2.4 Teori Zelinky	63
3.3 Kajian Empirikal	65
3.3.1 Faktor Yang Mempengaruhi Migrasi Dalaman	66
3.3.2 Migrasi dan Populasi Penduduk	71
3.3.3 Migrasi dan Pelaburan	81
3.3.4 Migrasi, Pendapatan Isi Rumah dan Kemiskinan	85
3.3.5 Migrasi, Pengangguran dan Penyertaan Tenaga Buruh	93
3.4 Rumusan	102

BAB EMPAT: METODOLOGI

4.1 Pengenalan	103
4.2 Kerangka Kajian	103
4.3 Metodologi Kajian	106
4.3.1 Kaedah Kuasa Dua Terkecil (<i>Ordinary Least Square</i>)	108
4.3.2 Kaedah Sebab-Akibat	109
4.3.3 Kaedah Autoregresi Lat Tertabur (ARDL)	111
4.3.4 Kaedah Unjuran (<i>Forecasting</i>)	117
4.4 Rumusan	125

BAB LIMA: FAKTOR PENENTU MIGRASI DAN HUBUNGAN SEBAB-AKIBAT

5.1 Pengenalan	127
5.2 Faktor Penentu Migrasi	127
5.3 Hubungan Sebab-Akibat	139
5.4 Rumusan	145

BAB ENAM: HUBUNGAN JANGKA PENDEK, JANGKA PANJANG DAN UNJURAN

6.1 Pengenalan	146
6.2 Hubungan Jangka Pendek dan Jangka Panjang	146
6.3 Unjuran	159
6.4 Rumusan	169

BAB TUJUH: KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

7.1 Pengenalan	171
7.2 Kesimpulan	171
7.3 Implikasi Dasar dan Cadangan Penambahbaikan	177
7.4 Kajian di Masa Akan Datang	179

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Bilangan Penduduk, Peraturan Pertambahan Penduduk dan Kepadatan Penduduk Bagi Negeri-Negeri di Malaysia	31
2.2	Peraturan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Mengikut Strata Bagi Negeri-Negeri di Malaysia	47
2.3	Jumlah Suntikan Pelaburan Asing dan Pelaburan Domestik Mengikut Negeri di Malaysia	50
2.4	Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan di Bawah Rancangan 5 Tahun Malaysia	53
4.1	Definisi dan Ukuran Pemboleh Ubah Kajian Migrasi Dalaman dan Hubungannya Dengan Pemboleh Ubah Makroekonomi di Malaysia	105
5.1	Ujian Kuasa Dua Terkecil Bagi Semua Negeri di Malaysia	138
5.2	Ujian Sebab-Akibat Negeri Maju	143
5.3	Ujian Sebab-Akibat Negeri Kurang Maju	144
6.1	Ujian Sempadan Untuk Melihat Kewujudan Hubungan Jangka Panjang Bagi Semua Negeri di Malaysia	148
6.2	Anggaran Koefisien Jangka Panjang Negeri Maju	152
6.3	Anggaran Koefisien Jangka Panjang Negeri Kurang Maju	153
6.4	Penganggaran Model Pembetulan Ralat (VECM) Bagi Pilihan Model ARDL Negeri Maju	157
6.5	Penganggaran Model Pembetulan Ralat (VECM) Bagi Pilihan Model ARDL Negeri Kurang Maju	158
6.6	Ujian ARIMA Bagi Negeri Maju dan Kurang Maju	160
6.7	Perbandingan Ujian Unjuran dan Eksponen Penghalusan Bagi Semua Negeri	163
6.8	Ujian Pecahan Tempoh Masa Bagi Migrasi Masuk	168

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Taraf Migrasi di Malaysia	15
2.2	Peratusan Populasi Penduduk Bandar dan Desa Serta Aliran Penghijrahan Penduduk di Malaysia	18
2.3(a)	Arah Airan Migrasi Masuk Bagi Negeri-Negeri di Malaysia	20
2.3(b)	Arah Airan Migrasi Masuk Bagi Negeri-Negeri di Malaysia	21
2.4	Peratusan Paras Urbanisasi Bagi Negeri-Negeri di Malaysia	27
2.5	Kawasan Negeri Maju dan Kurang Maju Bagi Negeri-Negeri di Malaysia	29
2.6(a)	Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata (RM) Mengikut Strata dan Negeri di Malaysia	33
2.6(b)	Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata (RM) Mengikut Negeri di Malaysia	34
2.7	Hubungan Migrasi Dengan Faktor Kemiskinan Bandar dan Cara Mengatasi	36
2.8(a)	Peratusan Kadar Kemiskinan Serta Miskin Tegar Mengikut Strata dan Negeri di Malaysia	38
2.8(b)	Peratusan Kadar Kemiskinan Serta Miskin Tegar Mengikut Negeri di Malaysia	39
2.9(a)	Peratusan Kadar Pengangguran Bagi Malaysia, Zon Utara dan Zon Selatan Mengikut Strata	42
2.9(b)	Peratusan Kadar Pengangguran Bagi Zon Timur, Zon Barat dan Zon Borneo Mengikut Strata	43
2.10	Peruntukan Bagi Tujuan Pertanian dan Pembangunan Desa (RM juta) di Bawah RMK-9	55
2.11	Agihan Peruntukan Pembangunan RMK-9 Mengikut Teras Strategik KKLW	56
3.1	Faktor Penolak dan Penarik Migrasi	62
3.2	Faktor Penyebab Kepada Penghijrahan Penduduk Mengikut Norris	63
3.3	Hipotesis Perkembangan Manusia Mengikut Kemampuan dan Aspirasi Bermigrasi	64
3.4	Graf Teori Transisi Penghijrahan Mengikut Haas	65
3.5	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Migrasi Dalam	70
4.1	Kerangka Kajian Migrasi Dalam dan Hubungannya Dengan Pemboleh Ubah Makroekonomi di Malaysia	105
6.1(a)	Unjuran Bagi Negeri Johor, Kuala Lumpur dan Melaka	164
6.1(b)	Unjuran Bagi Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.	165
6.1(c)	Unjuran Bagi Negeri Kedah, Kelantan dan Perlis.	166
6.1(d)	Unjuran Bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu	167

SENARAI SINGKATAN

AHP	Proses Analitikal Hirarki
AR	Model Autoregresi
CUSUM	<i>Cumulative Sum of Recursive Residual</i>
CUSUMSQ	<i>Cumulative Sum of Squares of Recursive Residual</i>
DARA	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DI	Pelaburan domestic
ECER	Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur
ECM	Model Pembetulan Ralat
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FDI	Pelaburan Asing
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
HHI	Purata pendapatan per kapita
IDR	Wilayah Pembangunan Iskandar
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Wilayah
KLCC	<i>Kuala Lumpur City Centre</i>
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MA	Model Purata Pergerakan
MAE	Ralat Mutlak Min
MAPE	Peratusan Ralat Mutlak Min
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MIDA	<i>Malaysian Investment Development Authorities</i>
MM	Migrasi Masuk
MSC	<i>Multimedia Super Corridor</i>
NCER	Wilayah Ekonomi Koridor Utara
NPC	Perbadanan Produktiviti Negara,
ODI	<i>Overseas Development Institute</i>
OIM	<i>International Organization For Migration</i>
OLS	Kuasa dua terkecil (<i>Ordinary Least Squares</i>)
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
POP	Populasi
POV	Kemiskinan
RISDA	Lembaga Kemajuan Industri Pekebun Getah
RMK	Rancangan Malaysia
RMSE	Ralat Min Kuasa Dua
SCORE	<i>Sarawak Corridor of Renewable Energy</i>
SDC	Wilayah Pembangunan Sabah
SSR	Jumlah Residual Kuasa Dua
TB	Tenaga buruh
UN	Pengangguran
UNFPA	<i>United Nations Population Fund</i>
WML	Wilayah Metropolitan Lanjutan

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Migrasi merupakan pergerakan atau penghijrahan penduduk dari satu kawasan ke kawasan yang lain sama ada merentasi sempadan antarabangsa mahupun sempadan negeri (Usman dan Tarmiji, 2010; *International Organization for Migration (OIM)*, 2011). Menurut Prijono (2000), migrasi berlaku adalah secara sukarela dan bukanlah berunsur paksaan, kerana penduduk yang ingin berhijrah kebiasaannya telah membuat perhitungan dari segi kebaikan dan keburukan sebelum mereka membuat keputusan untuk berhijrah. Etzo (2008) pula berpendapat bahawa arah aliran migrasi bermula apabila seseorang individu itu membuat keputusan untuk berhijrah dengan mengandaikan bahawa individu tersebut akan cuba untuk memaksimum utiliti jangkaan yang akan diperolehi sebelum mereka membuat keputusan tersebut.

Penghijrahan penduduk merupakan salah satu fenomena penting pada masa kini kerana ianya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi urbanisasi dan pembangunan sesebuah negara. Penghijrahan penduduk ini sebenarnya telah bermula sejak dari zaman kuno, di mana masyarakat dunia mula berhijrah untuk kegemilangan tamadun dan seterusnya mula membentuk pempodaran. Migrasi umumnya terbahagi kepada dua jenis iaitu migrasi antarabangsa dan migrasi dalaman (Appleyard, 1992; Jabatan Perangkaan Malaysia 2010; Rodzli dan Seng, 2012).

Migrasi antarabangsa melibatkan penghijrahan penduduk merentasi sempadan politik antarabangsa merangkumi negara dan benua yang dikenali sebagai ‘imigrasi’ dan ‘emigrasi’. Imigrasi merujuk kepada penghijrahan masuk penduduk dari negara asal ke negara destinasi manakala emigrasi pula merujuk kepada penghijrahan keluar penduduk dari sesebuah negara ke negara lain. Migrasi antarabangsa dipecahkan kepada enam jenis iaitu (i) migrasi bersifat tetap (disebabkan oleh perkahwinan dengan warganegara destinasi), (ii) migrasi yang bersifat sementara disebabkan oleh bekerja secara kontrak sementara untuk tempoh waktu tertentu dan pekerja ini termasuklah pekerja tidak mahir dan separa mahir, (iii) migrasi yang berlaku disebabkan perpindahan masuk pekerja mahir dari luar yang bekerja untuk syarikat multinasional, (iv) migrasi berlaku secara tidak sah (kemasukan pendatang asing tanpa izin), (v) migrasi berlaku akibat pelarian, dan (vi) migrasi berlaku kerana keinginan untuk mendapat perlindungan politik dari kawasan destinasi (Appleyard, 1992; Rodzli dan Seng, 2012).

Berbeza dengan migrasi antarabangsa, migrasi dalaman pula melibatkan penghijrahan penduduk dalam sesebuah negara sama ada penghijrahan penduduk merentasi sempadan desa, daerah, mahupun negeri (Yunita Sari, 2009; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010; Rodzli dan Seng, 2012). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, migrasi dalaman diklasifikasikan sebagai perubahan tempat tinggal penduduk di kawasan asal ke kawasan destinasi bergantung kepada keadaan geografi di dalam Negara tersebut. Migrasi dalaman dianggap sebagai sistem kitaran yang mempunyai hubung kait dengan elemen-elemen tertentu dan mempunyai matlamat yang tersendiri (Mabogunje, 2002). Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan migrasi dalaman sebagai perubahan tempat tinggal tetap dari satu

unit geografi kepada unit geografi yang lain di dalam sesebuah negara (Crowder dan Hall, 2007).

Menurut *Overseas Development Institute*, ODI, (2006), migrasi dalaman merangkumi penduduk yang dikategorikan sebagai kurang berkemampuan atau miskin dari kawasan mundur dan ingin memperbaiki taraf kehidupan mereka bagi mencapai matlamat pembangunan milenium. Justeru, banyak sektor yang mendapat manfaat dari migrasi dalaman ini termasuk sektor pertanian dan penternakan, pembuatan, pembinaan serta sektor perkhidmatan.

Pembangunan pesat yang berlaku di dalam sesebuah negara secara tidak langsung akan merangsang penduduk untuk berhijrah bagi mendapatkan pekerjaan dan juga memperbaiki taraf hidup. Banyak faktor yang mempengaruhi penduduk untuk berhijrah merangkumi peluang pendidikan dan pekerjaan, mengikut keluarga dan ingin mencari persekitaran yang baru (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2007). Fadzil, Roswodi dan Norhazlan (2012) menyatakan bahawa:

“Migrasi dalaman merupakan antara satu fenomena spatial yang dialami oleh seluruh negara di dunia. Fenomena ini berlaku dengan agak pesat di negara-negara yang sedang membangun. Ini berikutan migrasi adalah agen pembangunan yang penting yang menjana proses urbanisasi¹ dan pertumbuhan penduduk bandar. Dari sudut lain, migrasi juga boleh menimbulkan implikasi negatif sama ada kepada kawasan menghantar (origin) mahupun kawasan menerima migrasi (destinasi) sekiranya ia tidak disokong oleh suatu perancangan atau persediaan yang sempurna. Di kawasan luar bandar khususnya, migrasi boleh menyebabkan berkurangnya tenaga manusia dan menyumbang kepada penurunan pertumbuhan penduduk”

¹ Urbanisasi merupakan proses pembandaran di Malaysia yang berlaku dengan pesat selepas perang dunia kedua dan kebanyakan pusat bandar terletak di pantai barat semenanjung Malaysia (Rodzli dan Seng, 2012)

Migrasi dalaman bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah migrasi dalaman ini turut berlaku di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan juga semua negara di seluruh dunia. Di China, menurut Ping dan Shaohua (2005), terdapat dua fasa penting migrasi dalaman yang berlaku. Pertama, kebanyakan penduduk meninggalkan ladang mereka dan berhijrah ke kawasan bandar untuk aktiviti selain dari pertanian. Kedua, aliran buruh itu pada dasarnya diarahkan dari kawasan pedalaman ke kawasan pantai, atau dari kawasan pusat bandar dan wilayah barat ke kawasan timur China. Kedua-dua fasa ini dilihat bertindih dan saling berkait rapat dengan struktur sosioekonomi makro. Menurut Castles dan Miller (2003), kebanyakan penduduk berhijrah dari kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi ke kawasan berkepadatan rendah dan mereka juga berhijrah dari kawasan pendapatan rendah ke kawasan berpendapatan lebih tinggi dan keadaan ini telah memberi gambaran bahawa migrasi dalaman sebenarnya bergerak ke arah keseimbangan ruangan ekonomi tertentu.

Kajian tentang migrasi dalaman boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu secara makro dan mikro. Fokus utama migrasi di peringkat makro adalah dengan mengambil kira hala tuju migrasi secara agregat manakala migrasi dalaman di peringkat mikro lebih terarah kepada keputusan yang dibuat oleh individu untuk berhijrah (Zanker dan Jessica, 2008; Lee, 2012).

1.2 Pernyataan Masalah

Kebanyakan kajian berkaitan dengan migrasi dalaman telah dilakukan di Malaysia lebih tertumpu kepada kajian secara mikro dengan memberi tumpuan ke atas keputusan individu untuk bermigrasi. Kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik-

penyelidik terdahulu lebih tertumpu kepada kawasan bandar dan desa tanpa melihat kepada keseluruhan negeri yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan kajian lepas yang dijalankan di Malaysia, kebanyakan kajian adalah bersifat kualitatif dan kaedah yang digunapakai adalah kaedah pengumpulan data primer tanpa mengambilkira kepentingan faktor pelaburan asing dan pelaburan domestik kepada sesebuah negeri. Justeru itu dalam kajian ini, penyelidik akan memberi tumpuan kepada kawasan origin bagi setiap negeri bagi melihat kesan migrasi masuk ke setiap negeri. Kajian bersifat origin kurang dilakukan oleh penyelidik lain dan kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada kawasan destinasi dan kenyataan ini disokong oleh Mohd Fadzil (2013).

Berdasarkan perolehan data statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, perubahan tren migrasi masuk pada awal tahun 1980an, 1990an dan awal abad ke-21 lebih tertumpu kepada negeri maju manakala tren migrasi masuk selepas tahun 2007 hingga tahun 2012 pula lebih tertumpu kepada negeri kurang maju. Arah pergerakan penduduk pada tahun 1980an, 1990an dan awal abad ke-21 dilihat lebih tertumpu ke kawasan yang sedang membangun seperti Melaka, Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1982; 1999; 2004). Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan ibu negeri bagi Malaysia dan tempat inilah yang menjadi tarikan untuk penduduk berhijrah bagi memperbaiki taraf hidup. Walaupun pergerakan masuk penduduk ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih berlaku, namun kadar kemasukan penduduk ke Kuala Lumpur dilihat mula berkurangan pada tahun 1990an hingga awal abad ke-21 kerana penduduk lebih gemar untuk berhijrah masuk ke negeri Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1999; 2004). Pengurangan populasi di

Kuala Lumpur ini adalah disebabkan oleh kepadatan penduduk di kawasan tersebut dan berlakunya penghijrahan keluar penduduk ke kawasan berkepadatan rendah seperti di Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang (Katiman, Mohd Fuad dan Aishah, 2010). Bermula dengan tahun 2007 sehingga tahun 2012, selain dari Pulau Pinang, kadar kemasukan penduduk dilihat lebih tertumpu ke negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Migrasi dalaman juga dilihat menjadi penyebab kepada peningkatan atau pengurangan populasi penduduk di sesuatu kawasan. Pengurangan peratusan migrasi masuk ke Kuala Lumpur misalnya adalah disebabkan berlakunya penghijrahan keluar penduduk ke kawasan pinggir bandar kesan daripada kos sara hidup yang mahal dan keinginan untuk memiliki rumah kediaman (Katiman, 2006; Katiman, Mohd Fuad dan Aishah, 2010). Begitu juga di Pulau Pinang, berlaku penghijrahan keluar penduduk bandar ke kawasan luar bandar Pulau Pinang atau ke negeri-negeri yang berhampiran kerana kos sara hidup yang tinggi sehingga menyebabkan penduduk terpaksa berhijrah keluar. Harga rumah yang mencecah sehingga RM 500,000 seunit telah membantutkan niat penduduk tempatan untuk tinggal di situ (Mohamed Farid, 2012). Sementara itu, kewujudan migrasi masuk khususnya ke kawasan yang berkepadatan tinggi telah menyebabkan berlakunya peningkatan populasi penduduk dan seterusnya menyebabkan wujudnya masalah kemiskinan bandar di kawasan tersebut. Penghijrahan keluar penduduk bagi sesetengah kawasan pula akan menyebabkan kawasan asal mengakibatkan kawasan asal mengalami kekurangan sumber manusia/ kurang kepakaran. Jika keadaan ini terus berlaku, pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut mungkin menjadi perlahan disebabkan kekurangan sumber tenaga mahir.

Pertumbuhan ekonomi yang tidak konsisten ini turut mempengaruhi kemasukan pelaburan asing (FDI). Ketakseragaman kepada FDI ini turut menjadi penyebab kepada penghijrahan penduduk (migrasi dalaman) ke kawasan destinasi. Menurut laporan dari Bernama (2013), penutupan sebanyak 200 industri perkilangan di Kelantan kesan daripada kurangnya kemudahan infrastruktur serta insentif yang menarik telah menyebabkan minat pelaburan asing yang melabur di Kelantan untuk berhijrah ke negeri Melaka dan Terengganu dan menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Cawangan Kelantan, Azran Derahman, sepanjang tempoh 20 tahun kebelakangan ini lebih kurang 250 buah kilang yang beroperasi di Kelantan telah ditutup dan berpindah ke kawasan lain disebabkan faktor tersebut. Selain itu, tarikan migrasi masuk ke negeri maju seperti Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur adalah disebabkan wujudnya hubungan positif di antara pelaburan asing dengan migrasi masuk di negeri tersebut kerana negeri tersebut merupakan kawasan perindustrian utama di Malaysia dan ia telah menarik minat pelabur asing untuk membuat pelaburan di kawasan tersebut dan kenyataan ini disokong oleh Usman dan Tarmiji (2010). Justeru itu, ketakseragaman pelaburan asing ini mampu menyebabkan penduduk berhijrah ke kawasan yang berpendapatan tinggi apabila pelaburan dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi dan ketersediaan peluang pekerjaan.

Bagi negeri Kedah, peningkatan penyertaan buruh di negeri ini disebabkan peningkatan dalam pelaburan asing dan domestik seterusnya telah berjaya membuka lebih dari 3,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan sederhana. Keadaan ini dijangka akan terus meningkat kerana kerajaan negeri telah merancang untuk meningkatkan pelaburan domestik dalam pelbagai bidang (Bernama, 2014).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), terdapat peluang pekerjaan yang tinggi di Negeri Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang kerana pencapaian pembangunan ekonomi bagi kelima-lima negeri ini dilihat amat memberangsangkan sehingga menyebabkan kadar migrasi masuk ke negeri-negeri ini meningkat (Datuk Aminah Abdul Rahman, 2011). Justeru itu, pelaburan domestik juga dilihat memainkan peranan yang penting bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri tersebut. Namun begitu, kekurangan tarikan pelaburan domestik misalnya di negeri kurang maju dilihat menjadi penyebab kepada kurangnya peluang pekerjaan di kawasan tersebut sehingga menyebabkan berlakunya penghijrahan keluar dari kawasan asal. Menurut Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, sebanyak 23,000 isi rumah di Kedah telah dikategorikan sebagai miskin dan kerajaan negeri serta persekutuan berusaha untuk membasmi kemiskinan ini melalui pelbagai projek yang dilaksanakan di samping membuka peluang pekerjaan kepada penduduk serta menggalakkan kemasukan pelaburan asing dan domestik ke negeri ini (Utusan, 2013). Justeru itu, kemasukan pelabur domestik dilihat penting untuk membuka peluang pekerjaan serta memperbaiki taraf hidup di samping dapat mengurangkan kadar migrasi keluar.

Migrasi masuk ke kawasan destinasi juga dilihat menjadi salah satu faktor penyebab kepada peningkatan penyertaan tenaga buruh di kawasan destinasi. Lambakkan penyertaan tenaga buruh ini mungkin mewujudkan persaingan pekerjaan dan seterusnya menyebabkan berlakunya pengangguran di kawasan destinasi serta kemiskinan. Pengangguran juga yang berlaku di kebanyakan negeri adalah berpunca daripada sikap sesetengah graduan yang memilih pekerjaan dan hanya mahu bekerja

di kawasan yang mereka inginkan tanpa mahu mencuba sesuatu yang baru (Bernama, 2012).

Migrasi masuk ke kawasan destinasi adakalanya mendatangkan kebaikan dan keburukan kepada kawasan destinasi di masa hadapan. Menurut Siti Zubaidah, Nurul Fatiha dan Mohammad Hafizi (2014), lebih kurang 70 peratus penduduk dilihat tertumpu ke kawasan yang menjadi tempat tumpuan ekonomi terutamanya di kawasan bandar kesan dari migrasi untuk mendapatkan pekerjaan. Justeru itu, unjuran migrasi masa hadapan dilihat penting untuk dijalankan kerana seperti yang terjadi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di mana berlakunya peralihan penduduk ke kawasan baru yang berhampiran kerana keinginan untuk meningkatkan pendapatan serta mengurangkan kos perbelanjaan yang tinggi di kawasan maju (Mohd Fadzil dan Ishak, 2007).

1.3 Persoalan Kajian

Penghijrahan penduduk ke kawasan destinasi adakalanya mempunyai kelebihan yang tersendiri namun disebalik kelebihan tersebut, penghijrahan tersebut juga dilihat mempunyai kekurangan seperti masalah pengangguran di kawasan destinasi. Justeru itu, beberapa persoalan kajian telah dibentuk bagi melihat hubungan di antara migrasi masuk dengan pemboleh ubah makroekonomi iaitu populasi, pelaburan asing, pelaburan domestik, pengangguran, kemiskinan dan penyertaan tenaga buruh adalah seperti berikut:

- i. Mengapakah berlakunya penghijrahan penduduk ke kawasan destinasi dan sejauhmanakah faktor penentu makroekonomi ini menggalakkan penghijrahan penduduk?

- ii. Adakah faktor-faktor penentu ini menjadi penyebab kepada tarikan migrasi masuk ke dalam sesebuah negeri?
- iii. Mungkinkah wujud hubungan jangka pendek dan jangka panjang di antara migrasi masuk dengan faktor-faktor penentu ini?
- iv. Apakah jangkaan unjuran tren migrasi masuk sehingga tahun 2020?

1.4 Objektif Kajian

Kebiasaannya negeri atau kawasan yang maju mempunyai bilangan migrasi yang ramai kerana terdapat peluang pekerjaan, pendidikan dan kemudahan infrastruktur yang lebih baik berbanding di kawasan yang kurang maju. Maka, jurang perbezaan pendapatan yang besar antara kawasan maju dan kurang maju mungkin wujud sekiranya tiada langkah yang benar-benar berkesan diambil bagi memajukan kawasan yang dikategorikan sebagai kurang maju. Justeru itu, terdapat objektif umum dan beberapa objektif khusus bagi kajian ini yang telah dikenalpasti.

1.4.1 Objektif Umum

Secara umumnya kajian ini dibuat untuk mengkaji isu migrasi dalaman mempengaruhi di setiap negeri-negeri di Malaysia dengan mengkaji hubungan yang wujud di antara migrasi masuk dengan faktor-faktor penentu makroekonomi, khususnya populasi, pelaburan asing, pelaburan domestik, pendapatan isi rumah, pengangguran, kemiskinan dan penyertaan tenaga buruh dalam jangka pendek dan jangka panjang dan seterusnya membuat unjuran migrasi masuk.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti pengaruh faktor-faktor penentu makroekonomi terhadap migrasi masuk setiap negeri;
- ii. Menganalisis hubungan sebab-akibat migrasi masuk dan faktor-faktor penentu makro di sesebuah negeri;
- iii. Menganalisis hubungan faktor-faktor penentu dengan migrasi masuk dalam jangka pendek dan jangka panjang bagi setiap negeri;
- iv. Mengkaji tren unjuran tentang migrasi masuk bagi setiap negeri sehingga tahun 2020.

1.5 Kepentingan Dan Sumbangan Kajian

Kajian ini diharap dapat membantu mencari jalan penyelesaian untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi khususnya di negeri yang kurang maju akibat berlakunya migrasi tenaga mahir. Selain itu, hasil kajian ini juga mungkin dapat mencari jalan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran yang berlaku khususnya di Malaysia. Kewujudan polisi dan perancangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan merupakan salah satu penggerak kepada migrasi dan ini mungkin dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah kawasan terutamanya kawasan yang kurang maju pada masa kini. Kajian ini juga diharap dapat membantu pihak pembuat dasar khususnya pihak kerajaan pusat dan pihak kerajaan negeri serta pelabur luar dan individu yang ingin berhijrah untuk membuat pertimbangan sebelum sesuatu keputusan di ambil. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat memberi penambahan ilmu pengetahuan dalam bidang ilmu kepada penyelidik.

1.5.1 Kepentingan Kajian Kepada Kerajaan Pusat/Kerajaan Negeri

Kajian ini diharap dapat membantu pembuat dasar untuk merangka polisi berkaitan migrasi setiap negeri bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut. Selain itu, diharap kajian ini dapat membantu pembuat dasar untuk mencari jalan bagi menarik pelabur asing dan domestik untuk membuat pelaburan di kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan serta membantu mencari jalan mengurangkan kadar kemiskinan dan kadar pengangguran di kawasan yang bermasalah.

1.5.2 Kepentingan Kajian Kepada Pelabur Luar (Asing dan Domestik)

Kajian ini diharap dapat membantu pelabur luar termasuklah pelabur asing mahupun pelabur domestik untuk merancang destinasi pelaburan serta dapat meningkatkan pendapatan pelabur luar serta memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

1.5.3 Kepentingan Kajian Kepada Individu yang ingin berhijrah

Kajian ini juga diharap dapat membantu individu tersebut untuk merancang penghijrahan ke kawasan destinasi serta membantu individu yang ingin berhijrah untuk meningkatkan pendapatan dan juga taraf hidup. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu individu yang bermasalah untuk keluar dari jerat kemiskinan dan pengangguran.

1.5.4 Kepentingan Kajian Kepada Bidang Ilmu

Bagi sumbangan dalam bidang ilmu pula, kajian ini mempunyai kelainan kerana ia merupakan kajian yang bersifat makro-ekstensif berkaitan migrasi. Satu analisis perbandingan negeri maju dan kurang maju telah dijalankan dan berasaskan pecahan

tempoh masa. Kajian berbentuk unjuran sehingga tahun 2020 juga turut dijalankan bagi migrasi masuk bertujuan untuk melihat kebarangkalian tren migrasi yang berlaku sehingga tahun 2020.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dibuat bertujuan untuk melihat sejauh mana faktor penentu makroekonomi ini mempengaruhi migrasi masuk ke sesebuah negeri dengan menggunakan data siri masa yang diperoleh dari empat belas buah negeri iaitu di Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

1.7 Organisasi Kajian

Kajian ini merangkumi tujuh bab utama. Bab satu adalah merupakan bab pengenalan. Secara keseluruhannya, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian serta kekangan kajian telah dinyatakan dalam bab ini. Bab dua pula akan membincangkan mengenai corak migrasi yang berlaku di Malaysia serta mengenalpasti faktor penentu migrasi manakala bab tiga pula membincangkan tentang teori-teori yang digunakan dalam kajian migrasi di samping model yang bersesuaian. Ulasan karya lepas juga yang dipetik daripada pelbagai jurnal dan buku turut dibincangkan dalam bab ini. Bab empat pula akan membincangkan mengenai metodologi kajian, kaedah penganalisan data dan kaedah pengumpulan data. Analisis dapatan kajian akan dipersembahkan dalam Bab lima dan Bab enam di mana hasil kajian akan dibincangkan mengikut turutan objektif kajian. Manakala segala cadangan penambahbaikan akan dihuraikan dengan lebih lanjut di dalam Bab tujuh.

BAB DUA

MIGRASI DALAMAN DI MALAYSIA


2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penghuraian yang lebih terperinci tentang migrasi dalaman di Malaysia dan jenis-jenis migrasi di Malaysia akan diberi perhatian. Perbincangan juga menumpu kepada arah aliran migrasi serta kesan positif dan negatif yang wujud akibat migrasi dalaman. Bab ini turut melihat hubung kait di antara migrasi dalaman dengan paras urbanisasi yang berlaku di setiap negeri mengikut kawasan-kawasan tertentu di samping pendapatan isi rumah, kemiskinan, pengangguran, tenaga buruh, pelaburan asing, pelaburan domestik, dan juga polisi yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri. Tren migrasi dalaman dan faktor-faktor penarik lain bagi setiap negeri turut dihuraikan dengan lebih lanjut. Selain itu, polisi dan dasar kerajaan serta perbelanjaan pembangunan kerajaan bagi membangunkan kawasan bandar dan desa turut diberi tumpuan dalam bab ini.

2.2 Penghijrahan Penduduk di Malaysia

Menurut Usman dan Tarmiji (2010), penghijrahan penduduk yang berlaku sebenarnya merangsang kepada perkembangan sosioekonomi sesuatu kawasan kerana ianya merupakan suatu proses demografi yang amat sensitif. Migrasi dalaman melibatkan penghijrahan penduduk merentasi kampung, daerah mahupun negeri di dalam sesebuah negara tanpa menjangkau sempadan antarabangsa (Appleyard, 1992; Jabatan Perangkaan Malaysia 2010; Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013). Secara umumnya, terdapat beberapa pola aliran migrasi dalaman iaitu migrasi

antara bandar, migrasi antara bandar ke luar bandar, migrasi antara luar bandar ke bandar, migrasi antara luar bandar, migrasi antara pusat bandar ke pinggir bandar dan juga transmigrasi (Usman dan Tarmiji, 2010; Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013). Ada juga migrasi dalaman yang berlaku secara bermusim dan kebiasaannya ia berlaku secara berkala. Menurut Asan Ali (1998), penghijrahan penduduk ke kawasan bandar yang berlaku terutamanya bagi golongan lelaki akibat daripada proses transformasi ekonomi telah menyebabkan nisbah tanggungan penduduk di kawasan luar bandar meningkat. Rajah 2.1 menunjukkan taburan peratusan penduduk mengikut taraf migrasi di Malaysia.



Rajah 2.1
Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Taraf Migrasi di Malaysia
 Sumber: Usman dan Tarmiji, 2010; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009; 2012


Jika dilihat kepada taburan peratusan migran yang bekerja mengikut taraf migrasi di Malaysia seperti yang diperolehi daripada Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2009 dan 2012), peratusan migrasi dalam negeri adalah yang tinggi berbanding peratusan migrasi yang lain. Bagi tempoh antara tahun 1992 hingga 2007, peratusannya mula berkurang iaitu dari 53.1% menjadi 45.9% , namun peratusan ini dilihat meningkat semula sehingga mencapai 58.4% pada tahun 2010 (Usman dan Tarmiji, 2010; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Peningkatan semula peratusan migrasi dalam negeri ini berlaku mungkin berpunca daripada pelaksanaan polisi-polisi kerajaan seperti Koridor Pembangunan

Ekonomi Baru yang telah diperkenalkan pada tahun 2007 di samping pelaksanaan yang lain bagi tujuan pembangunan ekonomi sesebuah negeri. Selain itu, peningkatan migrasi dalaman ini berlaku mungkin juga berpunca daripada keinginan penduduk untuk memperbaiki taraf hidup dan mengambil keputusan untuk berhijrah ke kawasan yang terhampir dengan kawasan asal mereka kerana jarak yang dekat dan menguntungkan. Peratusan migrasi merentasi negeri pula dilihat semakin berkurangan dari semasa ke semasa. Pada tahun 1992, peratusan migrasi merentasi negeri ialah sebanyak 35.1% dan peratusan ini jatuh sehingga mencapai 26.3% pada tahun 2010. Namun begitu, bilangan migrasi antarabangsa menunjukkan peningkatan bagi tempoh lebih kurang 15 tahun iaitu dari 11.8% pada tahun 1992 menjadi 23.1% pada tahun 2007 tetapi peratusan migrasi antarabangsa ini jatuh semula pada tahun 2010 menjadi 15.3% (Usman dan Tarmiji, 2010; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012).

Di Malaysia, migrasi dalaman yang berlaku bukan hanya melibatkan kaum tertentu sahaja malah ia turut melibatkan semua kaum yang terdapat di sini. Jika dilihat kepada bilangan kaum yang berhijrah, etnik bumiputera khususnya masyarakat melayu merupakan golongan yang paling banyak berhijrah. Penghijrahan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti peluang pekerjaan, perkahwinan dan juga peluang pendidikan di kawasan destinasi (Chitose, 2003). Berdasarkan kepada laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2003), kaum Melayu (Bumiputera) yang paling ramai berhijrah iaitu sebanyak 64% dan diikuti dengan bumiputera lain sebanyak 16%. Manakala masing-masing sebanyak 12% dan 7% mewakili etnik Cina dan India manakala selebihnya (1%) merupakan etnik lain yang terdapat di Malaysia.

Migrasi yang berlaku ini secara tidak langsung menyebabkan pertumbuhan penduduk di kawasan destinasi menjadi pesat dan seterusnya membentuk bandar-bandar baru. Sebanyak 2.96 juta (28.4%) penduduk bandar telah direkodkan pada tahun 1970 dan peratusan ini dilihat meningkat kepada 13.72 juta (61.8%) penduduk bandar pada tahun 2000 dan jumlah penduduk bandar dilihat (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2001). Kini peratusan penduduk bandar terus meningkat sehingga pada tahun 2012 menjadi 21.23 juta iaitu bersamaan dengan 72.4% (Buletin Perangkaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar, 2012). Rajah 2.2 menunjukkan peratusan populasi penduduk bandar dan desa serta arah aliran migrasi bandar dan desa di Malaysia.

Didapati bilangan migrasi bagi keempat-empat pola aliran migrasi dalaman ini semakin meningkat disebabkan faktor-faktor tarikan dan tolakan tertentu bagi kawasan asal dan kawasan destinasi antara tahun 1990 hingga tahun 2012. Jika dilihat kepada peratusan populasi penduduk bagi tempoh 22 tahun tersebut, didapati bahawa populasi penduduk di kawasan bandar meningkat dari 49.8% pada tahun 1990 menjadi 72.4% pada tahun 2012. Manakala peratusan penduduk di kawasan desa menurun dari 50.2% pada tahun 1990 menjadi 27.6% pada tahun 2012 (Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Peningkatan peratusan populasi penduduk di kawasan bandar dan penurunan peratusan populasi penduduk di kawasan desa ini juga turut dipengaruhi oleh faktor migrasi. Jumlah kemasukan penduduk ke bandar menunjukkan peningkatan yang paling ketara kerana kawasan bandar dikatakan memiliki kemudahan infrastruktur yang lebih baik berbanding kawasan desa sehingga berjaya menarik minat penduduk untuk berhijrah dari semasa ke semasa (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004).



Rajah 2.2

Peratusan Populasi Penduduk Bandar dan Desa Serta Aliran Penghijrahan Penduduk di Malaysia

Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

Berdasarkan Rajah 2.2, peratusan arah aliran migrasi ke bandar (melibatkan pergerakan antara bandar dan juga desa ke bandar) melebihi peratusan arah aliran penduduk ke desa (Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Kelebihan dan kemudahan yang disediakan di kawasan bandar seperti infrastruktur, peluang pekerjaan, pendidikan, dan pelbagai faktor tarikan telah berjaya menarik ramai penduduk untuk berhijrah ke kawasan tersebut (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004; Usman dan Tarmiji, 2010; Rodzli, dan Seng, 2012). Bagi peratusan arah aliran migrasi ke desa pula, didapati jumlah peratusan keseluruhan migrasi ke desa bagi tempoh 22 tahun mengalami penurunan yang begitu ketara di mana pada tahun 1990, kadar peratusan penghijrahan penduduk ke kawasan desa ialah sebanyak 73.7% dan menurun kepada 31% pada tahun 2012 (Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013).

Kebiasaannya penduduk membuat keputusan untuk berhijrah ke kawasan desa terdiri daripada pesara kerajaan dan swasta yang pada mulanya berkhidmat di kawasan

bandar dan ingin kembali menetap di kawasan asal. Selain itu, keinginan untuk memiliki hartanah mampu milik juga menjadi faktor pendorong kepada penduduk yang bekerja di kawasan bandar untuk membeli rumah atau tanah di kawasan desa yang berdekatan dengan tempat kerja mereka. Skim pembangunan tanah rancangan yang telah diperkenalkan oleh pihak pemerintah juga menjadi penyebab kepada penghijrahan segelintir penduduk ke kawasan desa (Usman dan Tarmiji, 2010; Rodzli, dan Seng, 2012, Rusly dan Nurashikin, 2013).



2.3 Arah Aliran Migrasi Masuk Bagi Negeri-Negeri di Malaysia

Jika dilihat kepada tren migrasi masuk, didapati dalam tempoh lebih kurang 20 tahun, tren migrasi masuk dan migrasi keluar bagi setiap negeri adalah berubah-ubah mengikut keadaan semasa. Migrasi masuk merujuk kepada penduduk yang berhijrah masuk ke kawasan destinasi manakala migrasi keluar merujuk kepada penduduk yang keluar dari kawasan asal (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Perbezaan antara jumlah migrasi masuk dan jumlah migrasi keluar ini dikenali sebagai migrasi bersih. Bagi melihat dengan lebih jelas mengenai arah aliran migrasi masuk setiap negeri, penyelidik telah mengelaskan negeri-negeri ini kepada lima kawasan iaitu kawasan utara (Kedah, Pulau Pinang dan Perlis), kawasan selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka), kawasan timur (Kelantan, Pahang dan Terengganu), kawasan barat (Selangor, Perak dan Kuala Lumpur), dan kepulauan borneo (Sabah dan Sarawak).

Berdasarkan Rajah 2.3, migrasi masuk yang paling tinggi pada tahun 1990 ialah negeri ialah negeri Selangor dengan jumlah migrasi masuk sebanyak 57,773 orang manakala negeri Perlis pula mencatatkan jumlah migrasi masuk yang paling rendah

pada tahun tersebut iaitu sebanyak 2,342 orang. Migrasi masuk ke negeri Selangor dilihat masih menjadi pilihan penduduk dan buktinya jumlah migrasi masuk ke negeri ini masih lagi yang tertinggi sehingga tahun 2007 walaupun jumlah migran masuk dilihat mengalami keadaan yang fluktuasi. Pada tahun 2010, jumlah migrasi masuk yang tertinggi ialah negeri Pulau Pinang dengan jumlah migrasi masuk sebanyak 17,200 orang.




Namun pada tahun 2012, negeri Selangor kembali menjadi pilihan penduduk untuk berhijrah dengan jumlah migrasi masuk tertinggi telah direkodkan pada tahun berkenaan iaitu sebanyak 57,800 orang. Negeri Perlis masih lagi menjadi negeri yang kurang menerima penghijrahan penduduk sepanjang tempoh 22 tahun tersebut dan hanya 1,600 orang jumlah migrasi masuk telah direkodkan pada tahun 2012. Jadi, Rajah 2.3 menunjukkan arah aliran migrasi masuk bagi kesemua negeri mengikut kawasan masing-masing dari tahun 1990 hingga 2012.



Rajah 2.3 (a)

Arah Aliran Migrasi Masuk Bagi Negeri-Negeri Di Malaysia

Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia; 2013



Rajah 2.3 (b)
 Arah Aliran Migrasi Masuk Bagi Negeri-Negeri di Malaysia
 Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia; 2013

2.4 Kesan Migrasi Penduduk

Migrasi penduduk (sama ada migrasi masuk atau migrasi keluar) telah mengakibatkan berlakunya perubahan bilangan penduduk sesuatu kawasan dalam tempoh masa tertentu di samping memberi kesan kepada ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar. Secara umumnya, Migrasi yang berlaku akan memberi kesan kepada migran itu sendiri, kaum keluarga dan juga masyarakat persekitaran merangkumi kawasan asal dan kawasan destinasi. Dengan mengenalpasti kesan yang wujud daripada masalah migrasi ini, maka pihak pembuat dasar dapat merangka satu dasar pembangunan sumber manusia agar kebajikan penduduk di kawasan tersebut terjaga

dengan pelaksanaan polisi secara berkesan. Kesan migrasi penduduk yang berlaku ini boleh dilihat dari dua sudut iaitu kesan positif dan kesan negatif terhadap kawasan asal dan kawasan destinasi.

Jika dilihat kepada kesan positif migrasi penduduk, migrasi sebenarnya dapat meningkatkan pembangunan sumber alam di kawasan destinasi (Rusly dan Nurashikin, 2013) di samping mengurangkan kependudukan di tempat asal (Rodzli dan Seng, 2012). Apabila kepadatan penduduk di kawasan asal dapat dikurangkan, maka penduduk di kawasan tersebut dapat menggunakan kemudahan infrastruktur dengan lebih baik dan tanpa perlu bersaing (Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013). Bagi kawasan destinasi pula, kemasukan penduduk secara berleluasa akan mengakibatkan berlakunya perluasan kawasan terutamanya di kawasan bandar akibat penghijrahan sesetengah penduduk ke kawasan pinggir bandar (Abdul, 1989; Katiman, Fuad dan Aishah, 2010). Mereka juga berjaya membentuk hubungan sosial dan politik dengan masyarakat setempat (Abdul, 1989). Namun bagi penduduk yang membuat keputusan untuk berhijrah ke kawasan destinasi luar bandar yang belum diterokai, mereka dapat menggunakan sumber alam yang ada di kawasan tersebut dengan sepenuhnya tanpa adanya persaingan (Rusly dan Nurashikin, 2013).

Di samping itu, migrasi yang berlaku ini telah menguntungkan tempat destinasi kerana berlakunya penghijrahan golongan professional dan berkemahiran ke kawasan tersebut akibat dari keinginan untuk memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik (Abdul, 1989). Secara tidak langsung, kadar pertumbuhan ekonomi bagi kawasan destinasi dapat ditingkatkan (Mohd Fadzil dan Ishak, 2007; Rodzli dan

Seng, 2012) di samping pendapatan per kapita dan taraf hidup penduduk meningkat (Rusly dan Nurashikin, 2013). Bagi kawasan asal pula, kepulangan golongan professional yang telah lama keluar menimba pengalaman dari kawasan destinasi secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pembangunan di kawasan asal melalui pengetahuan dan pengalaman yang ada (Rodzli dan Seng, 2012). Kepulangan mereka ini juga dilihat mampu membawa arus perubahan ke kawasan asal melalui kejayaan yang telah dicapai sebelum ini (Abdul, 1989). Masalah pengangguran dan setinggian di kawasan asal juga dapat dikurangkan (Rodzli dan Seng, 2012) kesan daripada migrasi keluar penduduk yang bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup (Abdul, 1989). Mereka yang berhijrah ini biasanya akan membantu kaum keluarga di kawasan asal dan secara tidak langsung, masalah kemiskinan di kawasan asal dapat dikurangkan (Abdul, 1989; Mohd Fadzil dan Ishak, 2007; Rodzli dan Seng, 2012).

Dari aspek pembangunan sumber alam pula, penduduk yang masih tinggal di kawasan asal dan belum membuat keputusan untuk bermigrasi atau penduduk yang membuat keputusan untuk berhijrah ke kawasan yang belum diterokai, maka mereka akan dapat menggunakan sumber alam tersebut dengan sepenuhnya tanpa perlu bersaing (Rusly dan Nurashikin, 2013). Migrasi masuk yang berlaku ini membolehkan kawasan tersebut mempunyai bilangan tenaga buruh yang mencukupi (Abdul, 1989; Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013) bagi menampung kekurangan buruh sedia ada, di samping dapat menjana serta membangunkan sumber-sumber alam yang ada (Rusly dan Nurashikin, 2013). Pembangunan tanah rancangan seperti FELDA, FELCRA, Wilayah JENGKA, DARA, KESEDAR, KETENGAH, dan KEJORA dapat dimajukan melalui sektor perladangan seperti

getah dan kelapa sawit. Pembukaan tanah rancangan seperti ini bertujuan untuk memajukan tanah yang belum diterokai melalui penyertaan penduduk luar bandar dalam program penempatan peneroka di samping membantu meningkatkan taraf hidup golongan petani dan pengusaha (Kuberan, Foo dan Mohd Azami, 2012).

Manakala kesan negatif migrasi ialah tekanan terhadap sumber alam-tanah, pencemaran dan kerosakan sumber alam, kepupusan sumber, berlakunya masalah ekonomi seperti pengangguran, taraf hidup rendah, pendapatan menurun, krisis tenaga kerja di tempat destinasi, kesan sosial/jenayah seperti masalah setinggan, dadah, samun dan ragut, di samping berlakunya pembaziran sumber di tempat asal akibat migrasi penduduk. Migrasi masuk ke kawasan destinasi ini juga boleh menyebabkan berlakunya kepadatan penduduk sehingga menyebabkan berlakunya tekanan terhadap sumber tanah (Abdul, 1989). Bagi tekanan terhadap sumber alam khususnya sumber tanah, persaingan penggunaan tanah yang berlaku di kawasan berkepadatan tinggi bertujuan untuk pembinaan penempatan, perindustrian, dan pambandaran akan menyebabkan harga tanah di kawasan tersebut menjadi mahal (Abdul, 1989; Rusly dan Nurashikin, 2013).

Masalah setinggan di kawasan bandar juga mungkin terjadi (Abdul, 1989) dan seterusnya menyebabkan berlakunya masalah pengangguran dan kemiskinan di kawasan Bandar (Mohd Yusof, 1990; Rusly dan Nurashikin, 2013). Selain itu, migrasi masuk ke kawasan destinasi juga mungkin mengakibatkan berlakunya persaingan untuk mendapatkan pekerjaan (Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013). Penduduk yang tiada kelulusan tinggi akan tercicir daripada persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dan seterusnya akan menyebabkan taraf

hidup dan pendapatan penduduk jatuh (Rusly dan Nurashikin, 2013). Bagi kawasan asal pula, penghijrahan keluar penduduk akan menyebabkan berlakunya pengurangan tenaga mahir dan professional di kawasan asal (Rodzli dan Seng, 2012) dan turut menyebabkan kawasan asal mengalami kekurangan tenaga kerja (Rusly dan Nurashikin, 2013). Penghijrahan keluar golongan muda khususnya lelaki ke kawasan destinasi juga boleh mengakibatkan berlakunya ketidakseimbangan di dalam komposisi jantina di kawasan asal (Rodzli dan Seng, 2012) dan juga menyebabkan tanah pertanian di kawasan asal terbiar tanpa diusahakan (Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013).

Kesan negatif lain yang dapat dilihat kesan daripada migrasi dalaman yang berlaku ialah pengaruh sosial yang tidak sihat seperti masalah jenayah, penyalahgunaan dadah, samun, ragut dan sebagainya mungkin dibawa ke masuk ke kawasan asal (Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013). Selain itu, penduduk yang berhijrah ke kawasan destinasi dan tinggal di kawasan setingan mungkin menghidap penyakit seperti taun dan demam denggi akibat persekitaran yang kotor dan tidak terurus (Rusly dan Nurashikin, 2013). Apabila penduduk berhijrah ke kawasan destinasi dan mereka berkumpul di sesuatu kawasan, maka akan wujud masyarakat majmuk dan kelompok-kelompok kaum tertentu mengikut etnik, puak, wilayah, negeri dan koloni-koloni tertentu sehingga menyebabkan penduduk lain sukar untuk berinteraksi dengan mereka (Rodzli dan Seng, 2012).






2.5 Pembangunan dan Urbanisasi Di Malaysia Sehingga Kini

Penduduk berpindah dari desa ke kawasan bandar secara tak langsung akan menyebabkan berlakunya proses pembangunan dan urbanisasi (Mohd Fadzil dan

Ishak, 2007; Purnomo, 2009). Proses migrasi yang berlaku ini dianggap sebagai satu proses semula jadi yang akan menyalurkan tenaga kerja ke kawasan destinasi (Purnomo, 2009) dan proses pemandaran ini berlaku secara berterusan dan tidak dapat disekat (UNFPA, 1999; Mohd Fadzil dan Ishak, 2007; Rodzli dan Seng, 2012). Seperti di Indonesia, transmigrasi¹ yang berlaku (kesan daripada penghijrahan penduduk dari kepulauan Jawa ke kepulauan lain di Indonesia) turut mempengaruhi proses urbanisasi. Penghijrahan penduduk melalui transmigrasi ini merangkumi penduduk di kawasan luar bandar kepulauan lain yang berhijrah ke kawasan bandar di kepulauan Jawa bagi memperoleh pekerjaan yang lebih baik (Yusnita Sari; 2009).

Di Malaysia, kadar urbanisasi bagi negeri-negeri di Malaysia dilihat meningkat setiap tahun bagi kebanyakan negeri dan berdasarkan rajah 2.4, Kuala Lumpur telah mencapai 100% paras urbanisasi sejak dari tahun 1970 lagi. Peningkatan urbanisasi paling ketara dalam tempoh 40 tahun ialah negeri Selangor di mana kadar urbanisasi negeri ini pada tahun 1970 ialah 39.5% dan meningkat kepada 89.1% pada tahun 2010. Manakala pada tahun 1970, para urbanisasi yang paling rendah ialah negeri Perlis dengan peratusan hanya sebanyak 8.9%. namun pada tahun 2010, peratusan kadar urbanisasi negeri Kelantan dilihat paling rendah iaitu hanya sebanyak 33.3% telah direkodkan. Rajah 2.4 menunjukkan aliran peratusan paras urbanisasi bagi setiap negeri di Malaysia.

¹ Transmigrasi merujuk kepada penghijrahan penduduk dari satu kawasan ke kawasan yang lain (Kamus Melayu-Inggeris Dewan, 2012). Ianya merupakan program migrasi terancang yang diperkenalkan oleh kerajaan bertujuan untuk mengimbangi taburan penduduk serta membangunkan sumber alam di kawasan yang belum diteroka (Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikn, 2013).




Rajah 2.4
Peratusan Paras Urbanisasi Bagi Negeri-Negeri di Malaysia
 Sumber: Hasnah, Sanep, Noraziah & Zakimi (2009)

2.6 Pendapatan Isi Rumah, Kemiskinan, Pengangguran dan Penyertaan Tenaga Buruh

Menurut Mohd Yusof (1990), semakin ramai penduduk yang kurang berpendidikan di sesuatu kawasan, maka semakin tinggi peratusan kemiskinan di kawasan tersebut dan begitu juga sebaliknya. Namun begitu, kemiskinan di kawasan yang berpendidikan tinggi juga seperti di kawasan bandar mungkin terjadi sekiranya penghijrahan yang berlaku tanpa di kawal khususnya bagi golongan bumiputera (Mohd Yusof, 1990; Rusly dan Nurashikin, 2013) dan menyebabkan wujudnya setingan di kawasan bandar (Abdul, 1989). Kebiasaannya penduduk yang tinggal di kawasan bandar mempunyai tingkat pendapatan yang tinggi berbanding penduduk yang tinggal di kawasan desa. Jadi, mereka beranggapan sekiranya berhijrah ke kawasan bandar, tingkat pendapatan penduduk akan meningkat kerana di sana mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik dan kemudahan infrastruktur yang memuaskan.

Jika dilihat dari segi bilangan penduduk, negeri yang kurang maju mempunyai bilangan penduduk yang ramai berbanding negeri maju. Dan kebanyakan penduduk dari negeri kurang maju tidak kira sama ada golongan professional ataupun tidak, lebih gemar berhijrah ke negeri maju kerana di sana mempunyai peluang pekerjaan yang banyak dan kemudahan infrastruktur yang moden berbanding negeri mereka sendiri. Rajah 2.5 menunjukkan pengelasan negeri-negeri maju dan kurang maju di Malaysia berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2000 (Razani, Stillwell dan Phil, 2006).



Rajah 2.5

Kawasan Negeri Maju dan Kurang Maju Bagi Negeri-Negeri di Malaysia

Sumber: Razani, Stillwell dan Phil (2006)

Jika dilihat kepada keluasan kawasan negeri-negeri di Malaysia, negeri Sarawak adalah yang paling besar dengan keluasan sebanyak 124,449 km², diikuti oleh Sabah (73,711 km²) dan Pahang (35,965 km²). Manakala negeri yang mempunyai keluasan paling kecil di Malaysia ialah Kuala Lumpur (243 km²). Jika dilihat kepada bilangan penduduk pula, negeri Selangor mencatatkan jumlah penduduk tertinggi bagi tempoh dua belas tahun iaitu sebanyak 4.189 juta penduduk direkodkan pada tahun 2000 menjadi 5.699 juta penduduk pada tahun 2012. Manakala jumlah penduduk terendah ialah negeri Perlis (0.231 juta pada tahun 2000 dan menjadi 0.239 juta pada tahun 2012). Perubahan bilangan penduduk yang berlaku di dalam sesebuah negeri disebabkan oleh faktor demografi seperti (i) pertambahan di dalam kelahiran/fertiliti, (ii) pengurangan akibat kematian (mortaliti) dan (iii) migrasi atau penghijrahan penduduk (Abdul Majid; 1989). Jika dilihat kepada peratusan pertambahan penduduk antara tempoh 2000 hingga 2005, negeri Melaka mencatatkan peratusan pertambahan penduduk paling tinggi iaitu sebanyak 19.1% manakala negeri Sabah mencatatkan penyusutan peratusan penduduk dimana sebanyak -3.9% pengurangan penduduk negeri Sabah.

Bagi tempoh antara tahun 2005 hingga 2010 pula, negeri Melaka masih lagi mencatatkan pertambahan penduduk paling tinggi manakala negeri negeri yang mencatatkan pertambahan penduduk yang terendah ialah Perlis iaitu sebanyak 5%. Manakala bagi tempoh antara tahun 2010 hingga 2012 pula, negeri Terengganu telah mencatatkan pertambahan penduduk paling tinggi bagi tempoh dua tahun tersebut iaitu sebanyak 4.5% pertambahan penduduk direkodkan. Negeri yang mencatatkan peratusan penduduk yang paling rendah bagi dua tahun tersebut ialah negeri Perlis (1.4%), diikuti negeri Perak (2%) dan Kuala Lumpur (2.1%).

Jika dilihat dari kepadatan penduduk pula, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kepadatan penduduk yang paling tinggi bagi tempoh dua belas tahun tersebut iaitu sebanyak 5,860 orang per km² direkodkan pada tahun 2000 dan jumlah ini meningkat kepada 7,037 orang per km² pada tahun 2012. Manakala Pulau Pinang merupakan negeri kedua tertinggi dari segi kepadatan penduduk diikuti oleh negeri Selangor. Sebanyak 1,222 orang per km² bagi negeri Pulau Pinang dan sebanyak 527 orang per km² bagi negeri Selangor telah direkodkan pada tahun 2000 dan jumlah ini terus meningkat kepada 1,577 orang per km² (Pulau Pinang) dan 716 orang per km² (Selangor) pada tahun 2012. Manakala negeri Sarawak mencatatkan jumlah kepadatan penduduk terendah iaitu sebanyak 17 orang per km² pada tahun 2000 dan meningkat sedikit menjadi 21 orang per km² pada tahun 2012. Justeru itu, Jadual 2.1 menunjukkan bilangan penduduk, peratusan pertambahan penduduk dan kepadatan penduduk bagi negeri-negeri di Malaysia.

Jadual 2.1

Bilangan Penduduk, Peratus Pertambahan Penduduk dan Kepadatan Penduduk Bagi Negeri-Negeri di Malaysia




Negeri	Keluasan (km ²)	Bilangan Penduduk ('000 orang)				Peratus pertambahan penduduk (%)			Kepadatan Penduduk (orang per km ²)			
		2000	2005	2010	2012	2000-2005	2005-2010	2010-2012	2000	2005	2010	2012
Kedah	9,426	1,605,200	1,848,100	1,947,651	1,994,600	15.1	5.4	2.4	170	196	207	212
Perlis	795	230,700	224,500	235,800	239,000	-2.7	5.0	1.4	290	282	297	301
Pulau Pinang	1,031	1,259,400	1,468,800	1,575,900	1,625,800	16.6	7.3	3.1	1,222	1,425	1,529	1,577
Johor	19,016	2,731,500	3,101,200	3,348,283	3,456,700	13.5	8.0	3.2	144	163	176	182
Melaka	1,650	598,900	713,000	821,110	842,700	19.1	15.2	2.6	363	432	498	511
Negeri Sembilan	6,643	849,800	946,300	1,021,064	1,064,600	11.4	7.9	4.3	128	142	154	160
Kelantan	14,983	1,561,500	1,505,600	1,589,900	1,648,400	-3.6	5.6	3.7	104	100	106	110
Pahang	35,965	1,319,100	1,427,000	1,500,817	1,550,700	8.2	5.2	3.3	37	40	42	43
Terengganu	12,955	902,600	981,400	1,055,400	1,103,400	8.7	7.5	4.5	70	76	81	85
Perak	21,005	2,130,100	2,256,400	2,379,000	2,426,600	5.9	5.4	2.0	101	107	113	116
Selangor	7,956	4,188,900	4,849,600	5,462,141	5,698,500	15.8	12.6	4.3	527	610	687	716
Kuala Lumpur	243	1,423,900	1,556,200	1,674,621	1,710,100	9.3	7.6	2.1	5,860	6,404	6,891	7,037
Sabah	73,711	3,136,800	3,015,300	3,293,650	3,417,000	-3.9	9.2	3.7	43	41	45	46
Sarawak	124,449	2,064,900	2,312,600	2,487,100	2,567,400	12.0	7.5	3.2	17	19	20	21

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2013)

2.6.1 Pendapatan Isi Rumah Penduduk




Migrasi dikatakan suatu kejayaan dalam meningkatkan tingkat pendapatan, menambah pengalaman kerja dan meningkatkan tahap kepuasan hidup seperti dapat memiliki rumah kediaman (Chamrathirong, 2007; Chowdury et al,2012). Jika dilihat kepada purata pendapatan kasar bulanan isi rumah mengikut negeri, didapati pendapatan kasar bulanan isi rumah purata meningkat dengan banyak di negeri maju berbanding negeri kurang maju dari tahun 1992 hingga 2012. Jika dilihat dari sudut kaum, didapati kaum Melayu merupakan golongan yang paling rendah purata pendapatan kasar isi rumah bulanan berbanding kaum lain. Sebanyak RM 1,237 jumlah purata pendapatan kasar bulanan purata telah direkodkan bagi kaum bumiputera pada tahun 1992 manakala jumlah purata pendapatan kasar bulanan kaum Cina dan India masing-masing sebanyak RM 2,196 dan RM 1,597.

Walaupun purata pendapatan kasar bulanan isi rumah ini dilihat meningkat setiap tahun, namun jumlah purata pendapatan isi rumah bumiputera masih lagi rendah dan buktinya pada tahun 2012, sebanyak RM 4,457 jumlah purata pendapatan isi rumah bumiputera telah direkodkan manakala masing-masing sebanyak RM 6,266 dan RM 5,233 jumlah purata pendapatan isi rumah bagi kaum Cina dan India telah direkodkan pada tahun yang sama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Bagi pendapatan kasar bulanan purata isi rumah mengikut strata kawasan pula, kawasan desa memperoleh purata pendapatan yang rendah dari tahun 1992 hingga 2012 (Unit Perancangan Ekonomi, 2012; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Rajah 2.6 (a) dan (b) menunjukkan pendapatan kasar bulanan isi rumah purata mengikut strata dan negeri di Malaysia dari tahun 1992 hingga 2012.



Rajah 2.6 (a)
Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata (RM) Mengikut Strata dan Negeri di Malaysia

Sumber: Portal Kementerian Pembangunan Wilayah Dan Luar Bandar, 2013; Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013




Rajah 2.6 (b)
Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata (RM) Mengikut Negeri di Malaysia
 Sumber: Portal Kementerian Pembangunan Wilayah Dan Luar Bandar, 2013; Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

Berdasarkan rajah 2.6(a) dan 2.6(b), negeri yang mempunyai pendapatan isi rumah paling tinggi pada tahun 1992 ialah Kuala Lumpur dengan jumlah purata pendapatan isi rumah sebanyak RM 2567 dan Kuala Lumpur masih lagi berada pada kedudukan yang tertinggi sehingga tahun 1999 dengan pendapatan isi rumah sebanyak RM 4105. Pada tahun 2004, pendapatan isi rumah negeri Selangor dilihat telah melonjak naik melebihi pendapatan isi rumah Kuala Lumpur iaitu RM 5175 dan keadaan ini kekal sehingga tahun 2010 (RM 5962). Pada tahun 2012, pendapatan isi rumah Kuala Lumpur dilihat menduduki tempat tertinggi dengan jumlah pendapatannya sebanyak RM 8586. Sementara itu, negeri Kelantan merupakan negeri yang paling rendah pendapatan isi rumahnya bagi tempoh 22 tahun tersebut di mana pada tahun 1992, hanya RM 901 jumlah pendapatan isi rumah telah direkodkan dan jumlah ini meningkat kepada RM 3168 pada tahun 2012 tetapi jumlah ini masih lagi rendah berbanding negeri-negeri lain.

2.6.2 Kemiskinan

Kemiskinan bandar yang wujud adalah berpunca daripada proses transformasi kemiskinan dari kawasan desa ke kawasan bandar (Mohd Fadzil dan Ishak, 2007). Jika perancangan bandar tidak diatur dengan baik maka berlakunya masalah kemiskinan bandar. Masalah kemiskinan bandar akan menyebabkan wujudnya masalah pengangguran, setinggian dan perumahan, jenayah dan juga kemiskinan di kalangan penduduk. Jadi bagi mengatasi masalah ini, perancangan bandar yang teratur dan sistem sokongan yang baik perlu di rangka agar masalah kemiskinan ini dapat diatasi. Rajah 2.7 menunjukkan hubungan migrasi dengan faktor kemiskinan bandar dan cara untuk mengatasi mengikut pandangan Mohd Fadzil dan Ishak (2007).






Rajah 2.7
Hubungan Migrasi Dengan Faktor Kemiskinan Bandar dan Cara Mengatasi
 Sumber: Mohd Fadzil dan Ishak (2007)

Menurut Wan Rozali (2007), proses perbandaran berkait rapat dengan kualiti hidup sosial kerana ia melambangkan pembangunan sesebuah negara kerana proses perbandaran melibatkan pertambahan bilangan penduduk di kawasan bandar dan sentiasa berdepan dengan masalah kualiti hidup. Masalah kemiskinan di kawasan bandar dilihat tidak relevan kerana migrasi yang membuat keputusan untuk berhijrah ke kawasan bandar biasanya merupakan golongan yang berpendidikan tinggi dan ingin memperbaiki taraf hidup. Justeru itu, masalah kemiskinan bandar yang wujud dapat dielakkan sekiranya perancangan bandar yang terancang dilaksanakan.

Migrasi dalaman lebih berpotensi dalam mengurangkan kemiskinan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah kawasan (ODI, 2006; Chowdury et al, 2012). Ping dan Shaohua (2005) telah menekankan hubungan antara penghijrahan dan pembangunan dalam membasmi kemiskinan dan mencadangkan bahawa penghijrahan buruh dalaman boleh mempunyai kesan positif pada


pembangunan dan pembasmian kemiskinan di kawasan asal. Migrasi dalaman yang berlaku terutamanya melibatkan penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar dilihat memberi kesan ke atas sosioekonomi dan dapat memperbaiki status kemiskinan migran tersebut (Chowdury et al, 2012). Menurut Roslee dan Dzulkiflee (2008), penghijrahan golongan muda di kawasan pendalaman Sabah disebabkan oleh faktor tarikan dan tolakan yang wujud antaranya kemiskinan, kemudahan asas dan juga faktor peluang pekerjaan.

Jika dilihat kepada peratusan keseluruhan kadar kemiskinan di kawasan bandar, didapati kadar peratusan semakin menurun iaitu dari 4.7% 1992 menurun kepada 1% pada tahun 2012. Begitu juga dengan kadar miskin tegar di mana pada tahun 1992, peratusan miskin tegar ialah sebanyak 1% dan menurun kepada 0.1% pada tahun 2012 bagi kawasan bandar. Bagi peratusan keseluruhan kemiskinan di kawasan luar bandar, pada tahun 1992 sebanyak 21.2% kadar kemiskinan telah direkodkan dan peratusan ini dilihat jatuh sehingga 3.4% pada tahun 2012. Bagi peratusan miskin tegar kawasan luar bandar pula, pada tahun 1992, sebanyak 5.1% kadar miskin tegar telah direkodkan dan peratusan ini jatuh sehingga 0.6% pada tahun 2012. Rajah 2.8 (a) dan (b) menunjukkan kadar kemiskinan dan miskin tegar mengikut strata dan negeri di Malaysia.




Rajah 2.8 (a)
Peratusan Kadar Kemiskinan Serta Miskin Tegar Mengikut Strata dan Negeri di Malaysia

Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia; 2013




Petunjuk:

- kemiskinan Kelantan
- kemiskinan Pahang
- kemiskinan Terengganu
- miskin tegar Kelantan
- miskin tegar Pahang
- miskin tegar Terengganu



Petunjuk:

- kemiskinan Selangor
- kemiskinan Kuala Lumpur
- kemiskinan Perak
- miskin tegar Selangor
- miskin tegar Kuala Lumpur
- miskin tegar Perak



Petunjuk:

- kemiskinan Sabah
- kemiskinan Sarawak
- miskin tegar Sabah
- miskin tegar Sarawak

Rajah 2.8 (b)
 Peratusan Kadar Kemiskinan Serta Miskin Tegar Mengikut Negeri di Malaysia
 Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia; 2013




Berdasarkan Rajah 2.8 (a) dan 2.8 (b), negeri yang mempunyai peratusan kadar kemiskinan yang paling tinggi pada tahun 1992 ialah negeri Kelantan dengan peratusan kemiskinan sebanyak 29.5% manakala Kuala Lumpur mencatatkan kadar peratusan paling rendah pada tahun itu dengan kadar peratusan sebanyak 1.7%. Kadar peratusan kemiskinan bagi setiap negeri dilihat mengalami keadaan yang fluktuasi dan sehingga tahun 2012, negeri yang mencatatkan peratusan kadar kemiskinan yang paling tinggi ialah negeri Sabah iaitu sebanyak 7.8% manakala Melaka merupakan negeri yang mempunyai peratusan kadar kemiskinan yang paling rendah pada tahun tersebut dengan kadar peratusan sebanyak 0.1%. Bagi peratusan miskin tegar pula, negeri Terengganu telah mencatatkan peratusan miskin tegar paling tinggi pada tahun 1992 (9.2%) manakala Kuala Lumpur merupakan negeri yang paling rendah peratusan miskin tegarnya (0.3%). Sama seperti peratusan kadar kemiskinan, peratusan miskin tegar bagi setiap negeri juga dilihat mengalami keadaan yang fluktuasi. Pada tahun 2012, negeri yang mencatatkan peratusan miskin tegar yang paling tinggi ialah negeri Sabah dengan peratusan sebanyak 1.6% manakala kadar miskin tegar berjaya dihapuskan bagi negeri Pulau Pinang, Melaka dan Selangor.

2.6.3 Pengangguran dan Penyertaan Tenaga Buruh




Pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan akan mengakibatkan peluang pekerjaan menjadi semakin terhad dan buruh terpaksa bersaing untuk mendapatkan pekerjaan. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya pengangguran dan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dalam kalangan buruh itu sendiri. Menurut Norhayati, Ishak dan Rahmah (2012), sesebuah negara dikatakan mempunyai pertumbuhan ekonomi yang mampan sekiranya memiliki peratusan

kadar pengangguran yang rendah. Faktor pengangguran juga turut dikaitkan dengan kemiskinan di mana semakin tinggi tingkat pengangguran, semakin bertambah masalah kemiskinan sesuatu kawasan (hubungan positif antara tingkat pengangguran dengan kadar kemiskinan). Kebiasaannya pengangguran di sesebuah kawasan berlaku disebabkan kurangnya peluang pekerjaan kerana perlu bersaing untuk mendapatkan pekerjaan dan juga sikap malas dan sambil lewa sesetengah penduduk. Terdapat beberapa jenis pengangguran iaitu (i) kitaran/edaran, (ii) geseran, (iii) semulajadi, (iv) struktur, (v) bermusim, (vi) teknologi dan (vii) tak ketara (Siti Rohani, 1985; Jamal, Norzilah, Anizah dan Zalina, 2000; Mohd Zukri, 2004; Boon, Chenayah, Devadason dan Selvaratnam, 2012).

Jika dilihat kepada peratusan kadar pengangguran di Malaysia, sebanyak 4.3% kadar pengangguran di kawasan bandar telah direkodkan pada tahun 1990 dan sebanyak 4.6% kadar pengangguran kawasan desa telah direkodkan pada tahun yang sama. Peratusan kadar pengangguran bagi kedua-dua kawasan ini dilihat mengalami keadaan yang fluktuasi bagi tempoh 22 tahun dan pada tahun 2012, sebanyak 2.9% kadar pengangguran kawasan bandar telah direkodkan dan sebanyak 3.3% kadar pengangguran bagi kawasan desa telah direkodkan pada tahun yang sama. Rajah 2.9 (a) dan (b) menunjukkan peratusan kadar pengangguran mengikut strata dan negeri di Malaysia.



Rajah 2.9 (a)
 Peratusan Kadar Pengangguran Bagi Malaysia, Zon Utara dan Zon Selatan Mengikut Strata
 Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia; 2013



Rajah 2.9 (b)
Peratusan Kadar Pengangguran Bagi Zon Timur, Zon Barat dan Zon Borneo Mengikut Strata

Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi, 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia; 2013

Berdasarkan rajah 2.9 (a) dan (b), peratusan kadar pengangguran kawasan bandar yang paling tinggi pada tahun 1990 ialah negeri Sarawak (14.8%) manakala negeri Selangor mempunyai peratusan pengangguran bandar paling rendah pada tahun tersebut (1.9%). Dalam tempoh 22 tahun, peratusan pengangguran bandar bagi setiap negeri ini mengalami keadaan yang fluktuasi dan pada tahun 2012, negeri Sabah mencatatkan peratusan pengangguran kawasan bandar paling tinggi iaitu sebanyak 6.1%. Sementara itu, negeri Sarawak masih lagi mencatatkan peratusan pengangguran paling tinggi pada tahun 1990 dan sebanyak 8.8% kadar pengangguran kawasan desa telah direkodkan. Negeri Selangor mencatatkan peratusan pengangguran desa paling rendah pada tahun 1990 iaitu sebanyak 2%. Bagi tahun 2012, negeri Sabah masih lagi mencatatkan peratusan pengangguran paling tinggi pada tahun 2012 ini di mana sebanyak 4.6% kadar pengangguran desa telah direkodkan manakala negeri Melaka telah mencatatkan peratusan pengangguran paling rendah pada tahun tersebut iaitu sebanyak 0.7%. Oleh kerana Kuala Lumpur mempunyai paras urbanisasi 100%, maka negeri ini tidak mempunyai kawasan desa dan tidak wujud pengangguran di kawasan desa negeri ini.

Jika dilihat kepada peratusan penyertaan buruh keseluruhan bagi kawasan bandar Malaysia, sebanyak 66.1% penyertaan buruh telah direkodkan pada tahun 1990 dan peratusan ini dilihat jatuh sehingga 64.4% pada tahun 1999. Berlaku peningkatan sebanyak 0.6% di dalam peratusan penyertaan tenaga buruh pada tahun 2004 menjadikan peratusan penyertaan tenaga buruh pada tahun tersebut ialah sebanyak 65%. Namun peratusan penyertaan tenaga buruh di kawasan bandar Malaysia ini dilihat jatuh semula pada tahun 2007 dimana sebanyak 63.8% telah direkodkan dan peratusan ini meningkat semula sehingga 64.3% pada tahun 2012. Manakala bagi

peratusan penyertaan buruh keseluruhan bagi kawasan desa Malaysia pula, sebanyak 64.3% kadar penyertaan buruh di kawasan desa telah direkodkan dan peratusan ini dilihat terus meningkat sehingga mencapai 66.8% pada tahun 1999. Namun peratusan penyertaan buruh ini dilihat menurun sehingga mencapai 62.2% pada tahun 2007 dan meningkat semula kepada 63.8% pada tahun 2012.

Bagi peratusan penyertaan tenaga buruh di kawasan bandar mengikut negeri pula, negeri yang mencatatkan peratusan penyertaan tenaga buruh paling tinggi pada tahun 1990 ialah negeri Perlis iaitu sebanyak 70.5% manakala negeri yang paling rendah ialah Kelantan dengan merekodkan peratusan sebanyak 61.1%. Sebanyak 70.2% kadar penyertaan tenaga buruh yang paling tinggi telah direkodkan pada tahun 1999 dan negeri yang memperoleh peratusan tertinggi ini ialah negeri Pulau Pinang manakala peratusan yang paling rendah pada tahun tersebut ialah sebanyak 57.9% (Pahang). Kuala Lumpur telah mencatatkan peratusan kadar penyertaan tenaga buruh di kawasan bandar tertinggi bagi tahun 2004 dan 2007 dimana pada tahun 2004, sebanyak 68% kadar penyertaan telah direkodkan dan peratusan ini dilihat jatuh kepada 67.1% pada tahun 2007.

Sementara itu, negeri Kelantan mencatatkan peratusan kadar penyertaan paling rendah bagi kedua-dua tempoh tersebut dimana pada tahun 2004, sebanyak 56.7% telah direkodkan dan peratusan ini terus menurun kepada 53.8% pada tahun 2007. Pada tahun 2010, negeri yang mencatatkan peratusan kadar penyertaan tertinggi ialah negeri Selangor (66.5%) manakala negeri Perlis mencatatkan peratusan kadar tenaga buruh paling rendah (53.9%). Keadaan ini kekal pada tahun 2012 tetapi kedua-dua negeri ini dilihat mengalami pertambahan di dalam peratusan kadar penyertaan

tenaga buruh dan sebanyak 70.4% kadar penyertaan tenaga buruh telah direkodkan bagi negeri Selangor manakala sebanyak 55.7% pula telah direkodkan bagi negeri Perlis.

Bagi peratusan kadar penyertaan tenaga buruh di kawasan desa pula, negeri yang mencatatkan peratusan penyertaan yang paling tinggi ialah negeri Sarawak (80%) manakala negeri Perlis mencatatkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 57.6%. Negeri Sarawak dilihat mencatatkan peratusan penyertaan tenaga buruh paling tinggi bagi tempoh 22 tahun dan pada tahun 1995, sebanyak 77% telah direkodkan. Pada tahun yang sama, negeri Perak dilihat mempunyai kadar peratusan penyertaan tenaga buruh paling rendah iaitu sebanyak 58.6%. Pada tahun 2004, peratusan penyertaan tenaga buruh bagi negeri Sarawak dilihat menurun sedikit kepada 70% namun negeri ini masih lagi merupakan negeri yang mencatatkan peratusan penyertaan tenaga buruh yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain manakala negeri Kelantan merupakan negeri yang paling rendah peratusan penyertaan tenaga buruh pada tahun tersebut iaitu sebanyak 55.8% sahaja. Pada tahun 2012, sebanyak 72.2% kadar penyertaan tenaga buruh negeri Sarawak telah direkodkan manakala sebanyak 56.8% (Perlis) kadar penyertaan tenaga buruh yang paling rendah telah direkodkan pada tahun tersebut. Jadual 2.2 menunjukkan peratusan kadar penyertaan bagi tenaga buruh mengikut strata bagi setiap negeri di Malaysia.

Jadual 2.2

Peratusan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Mengikut Strata Bagi Negeri-Negeri di Malaysia

Zon	Negeri	Peratusan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Di Kawasan Bandar							Peratusan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Di Kawasan Desa (%)						
		(%)							(%)						
		1990	1995	1999	2004	2007	2010	2012	1990	1995	1999	2004	2007	2010	2012
Utara	Kedah	62.5	60.6	61.8	61.4	57.5	60.4	62	61.8	61.7	62.7	62.6	60.2	58.8	61.4
	Perlis	70.5	58.6	61.2	58.8	57.9	53.9	55.7	57.6	59	59.3	56.4	58.3	53.3	56.8
	Pulau Pinang	65.9	63.8	70.2	66.4	66.4	69	69.3	66.4	61.1	66.5	64.9	62.6	65	66.4
Selatan	Johor	67.2	64.7	65.5	67.3	64.5	64.1	65.7	68.1	65	61.5	64.2	61.9	63.6	62.7
	Melaka	66.5	63.6	63.4	62.1	63.1	61.3	62.4	63	59.9	61.6	63.4	63.2	60.2	61.1
	Negeri Sembilan	65.3	65.3	60.9	62.6	63.8	60.9	64.3	63.8	62.7	58.7	63.7	61	59.4	60.7
Timur	Kelantan	61.1	62.6	59.5	56.7	53.8	57.5	58.6	65.1	63.3	61.1	55.8	54.4	56.8	58
	Pahang	65.4	63	57.9	62.7	61.9	64.3	64	64	59.8	58.9	59.4	59.4	60.3	63
	Terengganu	64.8	61.6	60.1	58.6	58.3	57.1	58.3	69.7	62.9	65.6	61	56.9	59.7	58.5
Barat	Perak	64	57.9	59.5	59.9	60.8	58.9	59.5	63.5	58.6	60.2	59.1	59.2	57.9	59.7
	Selangor	69	68.9	65.6	67	66.1	66.5	70.4	66.4	65.3	64.9	62.7	60.5	61.6	63.7
	Kuala Lumpur	67.1	66.5	66.1	68	67.1	66.2	67.7
Borneo	Sabah	62.8	63.7	63.2	63.9	62.7	65	66.1	64.3	67	66.3	67.4	68.2	66.9	69.1
	Sarawak	66.7	67.3	65.9	66.8	63.5	65	66.9	80	77	77.2	70	70.6	69.8	72.2
MALAYSIA		66.1	64.9	64.4	65	63.8	64.3	66.3	66.8	64.6	64	63.1	62.2	62.2	63.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013; Unit Perancangan Ekonomi, 2013

2.7 Pelaburan Asing dan Pelaburan Domestik

Pelaburan asing dan pelaburan domestik adalah penting bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah kawasan (Mohd Zukri, 2003) dan seterusnya membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk (Rodzli dan Seng, 2012). Pembukaan tanah-tanah rancangan melalui suntikan pelaburan domestik juga turut menarik minat penduduk untuk berhijrah dan seterusnya membangunkan kawasan yang terpinggir dari pembangunan (Rodzli dan Seng, 2012; Rusly dan Nurashikin, 2013). Berdasarkan jadual 2.4, jumlah pelaburan asing yang paling tinggi pada tahun 1990 ialah negeri Terengganu (RM 5,377 juta) manakala negeri Perlis merekodkan jumlah pelaburan asing yang paling rendah iaitu hanya sebanyak RM 4 juta. Bagi tahun 1999 dan 2007, negeri Perlis tidak menerima apa-apa suntikan dari pelaburan asing dan hanya sebanyak RM 0.2 juta dan RM 3 juta telah direkodkan oleh negeri Perlis bagi tahun 2004 dan 2011.

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang memperoleh jumlah pelaburan asing paling tinggi bagi tahun 1999 iaitu sebanyak RM 4,597 juta. Bagi tahun 2002, negeri Terengganu memperoleh jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak RM 4,737 juta manakala negeri Kelantan merupakan negeri yang menerima jumlah pelaburan asing yang paling rendah iaitu sebanyak RM 2 juta sahaja. Pada tahun 2004, negeri Kedah telah memperoleh suntikan dari dana asing yang paling tinggi iaitu sebanyak RM 4,753 juta manakala masing-masing sebanyak RM 6,747 juta (Johor) dan RM 7,146 juta (Pulau Pinang) jumlah pelaburan asing yang paling tinggi telah direkodkan pada tahun 2007 dan 2011.

Bagi suntikan pelaburan domestik pula, sebanyak RM 5,375 juta jumlah pelaburan asing yang paling tinggi telah direkodkan pada tahun 1990 iaitu bagi negeri Terengganu manakala negeri Perlis pula menerima jumlah yang paling rendah iaitu hanya sebanyak RM 0.9 juta sahaja. Pada tahun 1995, negeri Selangor telah menerima suntikan dana domestik yang paling tinggi iaitu sebanyak RM 2,642 juta manakala Kuala Lumpur (RM 40 juta) merupakan penerima suntikan dana terendah pada tahun tersebut. bagi tahun 1999 pula, negeri Selangor (RM 2,082 juta) masih lagi merupakan penerima tertinggi dana domestik manakala negeri Perlis tidak menerima apa-apa suntikan dari pelaburan domestik pada tahun tersebut. sebanyak RM 4,697 juta (Selangor) jumlah pelaburan domestik yang tertinggi telah direkodkan bagi tahun 2002 manakala jumlah pelaburan yang paling rendah pada tahun tersebut ialah sebanyak RM 3 juta (Terengganu dan Perlis).

Negeri Selangor masih lagi menjadi negeri yang memperoleh dana tertinggi pada tahun 2004 iaitu sebanyak RM 4,697 juta manakala negeri Perlis juga masih mencatatkan perolehan jumlah dana domestik yang paling rendah iaitu sebanyak RM 0.3 juta. Pada tahun 2007 dan 2011, jumlah pelaburan domestik yang paling rendah masih lagi diungguli oleh negeri Perlis dimana masing-masing sebanyak RM 7 juta dan RM 20 juta telah direkodkan. Negeri yang memperoleh suntikan dana domestik yang paling tinggi pada tahun 2007 ialah negeri Kedah (RM 7,858 juta) manakala negeri Selangor pula merupakan penerima suntukan dana domestik yang paling tinggi pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM 4,505 juta. Jadual 2.3 menunjukkan jumlah suntikan pelaburan asing dan domestik bagi negeri-negeri di Malaysia.

Jadual 2.3

Jumlah Suntikan Pelaburan Asing dan Pelaburan Domestik Mengikut Negeri di Malaysia

Zon	Negeri	Jumlah Pelaburan Asing (RM juta)							Jumlah Pelaburan Domestik (RM juta)						
		1990	1995	1999	2002	2004	2007	2011	1990	1995	1999	2002	2004	2007	2011
Utara	Kedah	3,236	1,310	387	171	4,753	6,134	5,006	756	541	181	361	493	7,857	140
	Perlis	4	9	0	3	0.2	0	3	0.9	300	0	3	0.3	7	20
	Pulau Pinang	1,489	641	4,597	1,987	1,014	3,143	7,146	378	966	181	411	1,016	1,625	1,960
Selatan	Johor	1,631	2,379	1,972	1,512	2,318	6,747	3,294	459	1,281	340	822	1,669	2,495	3,291
	Melaka	372	352	2,447	518	322	2,219	2,653	38	163	424	55	872	1,619	1,710
	Negeri Sembilan	1,138	1,397	228	537	400	2,182	4,334	270	520	151	231	655	494	1,571
Timur	Kelantan	14	2	8	2	12	30	39	5	770	9	8	94	53	90
	Pahang	298	267	287	89	521	1,157	984	219	157	41	183	473	407	2,054
	Terengganu	5,377	146	861	4,737	29	3,391	1,087	5,375	1,617	476	3	110	2,772	306
Barat	Perak	645	396	287	4	405	1,383	90	232	557	1,006	368	912	652	895
	Selangor	3,132	1,717	990	1,761	2,353	4,192	4,236	1,719	2,642	1,582	2,082	4,697	6,990	4,505
	Kuala Lumpur	41	27	127	37	122	40	103	97	40	151	1,075	42	53	205
Borneo	Sabah	48	262	1	39	21	2,177	44	238	1,600	26	310	318	1,081	877
	Sarawak	207	238	82	96	1,634	631	4,141	853	572	179	380	4,267	403	4,313

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi, 2013

2.8 Polisi dan Dasar Pihak Tertentu Dalam Mempengaruhi Migrasi Serta Kebajikan

Di Malaysia, Chitose (2003) mendapati bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan di Malaysia adalah signifikan dan memberi kesan positif kepada etnik Melayu untuk berhijrah sebaliknya etnik bukan Melayu tidak memberi kesan kepada migrasi. Terdapat dua polisi yang dirangka iaitu meliputi pembangunan desa dan wilayah serta pempandaran dan perbandaran (Abdul Samad, 1989). Polisi pembangunan desa dan wilayah digubal bertujuan untuk mentransformasikan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan desa dari segi tingkat pendapatan, penambahbaikan infrastruktur, peluang pekerjaan yang lebih moden dan lain-lain (Rodzli dan Seng, 2012). Manakala menurut Rusly dan Nurashikin (2013), transformasi desa ini melibatkan proses permodenan, pembangunan dan pempandaran ke atas pekerjaan, taraf kesihatan, pendidikan, pengangkutan, komunikasi dan transformasi lain yang berkaitan.

Kawasan desa biasanya dikaitkan dengan aktiviti pertanian. Maka fokus bagi membangunkan tanah pertanian telah diberi perhatian di dalam polisi ini dan seterusnya menggalakkan penghijrahan penduduk ke kawasan desa (Abdul Samad, 1989). Menurut Rusly dan Nurashikin (2013), terdapat lima fasa evolusi pembangunan desa di Malaysia yang telah dirangka di dalam Plan Induk Pembangunan Desa yang telah digubal pada tahun 2010 merangkumi:

- Era Pasca Merdeka (1957-1970)

- melalui pembangunan In situ yang bertujuan untuk membangunkan dan memajukan kawasan pertanian sedia ada bagi meningkatkan hasil pengeluaran.
- Era Dasar Ekonomi Baru (1970-1990)
 - menerusi program pembangunan wilayah bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.
- Era Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000)
 - pelaksanaan program perindustrian desa dan kewujudan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
- Era pembangunan berasaskan pengetahuan (2001-2010)
 - K-ekonomi mula diperkenalkan bertujuan untuk membangunkan modal insan serta mempertingkatkan kualiti hidup penduduk di desa.
- Era Transformasi kerajaan (2011- kini)

Bagi polisi pemandaran dan perbandaran pula, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai rancangan bagi memajukan kawasan bandar dan seterusnya memggalakkan proses urbanisasi. Bagi tujuan membasmi kemiskinan, kerajaan telah menyusun semula masyarakat dengan memberi galakan kepada mereka untuk berhijrah ke kawasan bandar pada era 1970an. Penghijrahan keluar golongan bumiputera dari kawasan desa pada ketika itu diharap dapat mengubah sosio-ekonomi mereka dan seterusnya membawa perubahan kepada kehidupan masyarakat luar bandar (Abdul Samad, 1989). Antara peranan penting yang dimainkan oleh kerajaan pada masa ini ialah dengan menjadikan kawasan Lembah Klang, Taman Teknologi Malaysia, KL Sentral, Cyberjaya, Putrajaya dan *Kuala Lumpur City Centre* (KLCC) sebagai kawasan berstatus *Multimedia Super Corridor* (MSC). Selain itu, prasarana moden

seperti LRT, ERL, komuter dan monorel dibina bagi memudahkan penduduk untuk bergerak dari satu bandar ke bandar yang lain, mewujudkan bandar-bandar baru dan satelit, serta memajukan kawasan pinggir bandar melalui projek perumahan dan juga perkhidmatan sosial (Rusly dan Nurashikin, 2013).

Pihak kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan pembangunan di Malaysia bermula dari tahun 1966 sehingga kini. Dibawah Rancangan Malaysia 1 (RMK-1) sehingga Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan dilihat meningkat dari semasa ke semasa. Berdasarkan Jadual 2.4, kerajaan persekutuan memperuntukkan RM 4.242 billion untuk tujuan pembangunan di dalam RMK-1 bagi tempoh antara tahun 1966-1970. Sebanyak 73.7% daripada peruntukan keseluruhan tersebut merupakan peruntukan bagi kawasan bandar manakala bakinya sebanyak 26.3% merupakan peruntukan bagi kawasan desa. Peruntukan bagi RMK ini dilihat meningkat dari semasa ke semasa dan sebanyak RM 230 billion telah diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan bagi tujuan pembangunan kawasan bandar dan luar bandar bagi tempoh antara tahun 2011-2015 di dalam RMK-10. Jadual 2.4 menunjukkan dengan lebih jelas peruntukkan pembangunan kerajaan persekutuan di bawah rancangan lima tahun Malaysia.

Jadual 2.4

Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan di Bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia

Rancangan Malaysia	Tempoh	Peruntukan keseluruhan kerajaan persekutuan (RM billion)	Peruntukan kawasan Bandar (RM billion)	Peratus kawasan Bandar (%)	Peruntukan kawasan desa (RM billion)	Peratus kawasan desa (%)
RMK-1	1966-1970	4.242	3.808	73.7	1.114	26.3
RMK-2	1971-1975	10.256	7.888	76.9	2.368	23.1
RMK-3	1976-1980	31.147	24.683	79.2	6.464	20.8
RMK-4	1981-1985	49.025	41.033	83.7	7.992	16.3
RMK-5	1986-1990	37.29	29.863	80.1	7.427	19.9

Jadual 2.4 (Sambungan)


Rancangan Malaysia	Tempoh	Peruntukan keseluruhan kerajaan persekutuan (RM billion)	Peruntukan kawasan Bandar (RM billion)	Peratus kawasan Bandar (%)	Peruntukan kawasan desa (RM billion)	Peratus kawasan desa (%)
RMK-6	1991-1995	58.5	43.5	74.4	15	25.6
RMK-7	1996-2000	103.565	90.965	87.8	12.6	12.2
RMK-8	2001-2005	170	149	87.6	21	12.4
RMK-9	2006-2010	230	201.6	87.7	28.4	12.3
RMK-10	2011-2015	230
JUMLAH		924.025	221.66	88.9	102.365	11.1

Sumber: portal Kementerian pembangunan wilayah dan luar Bandar (2013)

Sepanjang Rancangan lima tahun Malaysia dilaksanakan (bermula dengan Rancangan Malaya pertama pada tahun 1956-1960, Rancangan Malaya kedua (1961-1966) dan diikuti dengan RMK-1 hingga RMK-10), didapati pelbagai usaha pembangunan telah dibangunkan oleh kerajaan persekutuan bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan kepada penduduk dan seterusnya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut. Beberapa dasar telah digubal antaranya Dasar Ekonomi Baru (1970-1990), Dasar Pertanian Negara (1984-2010) dan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000). Antara agensi yang telah ditubuhkan bagi menjayakan rancangan lima tahun Malaysia tersebut ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, FELDA (1956), Perbadanan Produktiviti Negara, NPC (1962), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, FAMA (1965), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan, FELCRA (1966), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, MARDI (1969), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, MADA (1970), Lembaga Kemajuan Industri Pekebun Getah, RISDA (1973), Lembaga Pertubuhan Peladang, LPP ditubuhkan pada tahun 1973 (Kuberan, Man dan Mohd Azami, 2012).

Rajah 2.10 menunjukkan peruntukan bagi tujuan pertanian dan pembangunan desa di bawah RMK-9. Pada tahun 2006, sebanyak RM 3,999 juta telah diperuntukkan bagi

tujuan pembangunan tersebut dan jumlah ini dilihat berkurangan pada tahun 2007 dan hanya sebanyak RM 3,842 juta sahaja telah diperuntukkan pada tahun tersebut. Sebanyak RM 4,184 juta jumlah peruntukkan bagi tujuan pertanian dan pembangunan desa telah diberikan pada tahun 2008 dan jumlah ini menurun kepada RM 3,700 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, sebanyak RM 3,130 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pertanian dan pembangunan kawasan desa (Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar, 2013). Rajah 2.10 menunjukkan peruntukkan bagi tujuan pertanian dan pembangunan desa di bawah RMK-9.



Rajah 2.10


Peruntukkan Bagi Tujuan Pertanian dan Pembangunan Desa (RM Juta) di Bawah RMK-9

Sumber: portal Kementerian pembangunan wilayah dan luar Bandar, 2013

Kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 230 billion bagi tujuan pembangunan kawasan bandar dan desa Malaysia di dalam RMK-9 bagi tempoh 2005-2010. Sebanyak RM 28.4 billion telah diperuntukkan bagi kawasan desa dan agihan ini merangkumi 6 teras utama mengikut teras strategik KKLW. Teras 1 bertujuan untuk meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti dan ameniti sosial. Sebanyak RM 8,397,807,935 telah diperuntukkan bagi menjayakan teras 1 ini. Sebanyak RM 1,512,348,793 telah diperuntukkan bagi teras 2 bertujuan untuk

membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kadar kemiskinan di kawasan desa. Teras 3 bertujuan untuk mempergiatkan pembangunan modal insan di kalangan masyarakat desa dan sebanyak RM 3,562,224,699 telah diperuntukkan untuk teras 3 ini.

Bagi melonjakkan aktiviti ekonomi dan industri desa di dalam teras 4, kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 1,150,319,500. Manakala masing-masing sebanyak RM 92,000,000 (teras 5) dan RM 17,455,390,948 (teras 6) bertujuan untuk memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar di samping merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan desa (Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar, 2013). Rajah 2.11 menunjukkan agihan peruntukan pembangunan di bawah RMK-9 mengikut teras strategik Kementerian Kemajuan Luar Wilayah (KKLW).



Rajah 2.11
Agihan Peruntukan Pembangunan RMK-9 Mengikut Teras Strategik KKLW
 Sumber: portal Kementerian pembangunan wilayah dan luar Bandar, 2013

2.9 Rumusan

Secara ringkasnya, migrasi dalaman merangkumi 4 kategori iaitu antara bandar, bandar ke desa, antara desa dan desa ke bandar. Migrasi dalaman juga boleh mengakibatkan berlakunya kemiskinan bandar dan juga pengangguran di kawasan destinasi akibat persaingan dalam mencari pekerjaan. Polisi yang digubal oleh kerajaan juga dilihat mendorong penduduk untuk berhijrah ke kawasan tersebut seperti penubuhan tanah rancangan seperti FELDA, KETENGAH, KESEDAR dan DARA. Kemudahan infrastruktur di kawasan destinasi juga menggalakkan penduduk untuk berhijrah ke kawasan tersebut manakala migrasi keluar dari wilayah metropolitan juga turut berlaku bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di kawasan tersebut. Migrasi dalaman di Malaysia melibatkan empat belas negeri utama dan didapati wujud arah tren migrasi yang berbeza bagi kesemua negeri-negeri ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB TIGA

KAJIAN LITERATUR

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan dan dapatan kajian-kajian lepas turut diberi perhatian dalam bab ini. Kajian-kajian lepas merujuk kepada kajian berkaitan dengan migrasi dalaman yang pernah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lain. Hasil kajian tersebut akan dianalisis dengan lebih terperinci oleh penyelidik. Fenomena migrasi dalaman wujud di semua negara tanpa mengambil kira zaman dan identiti mana-mana individu. Selama ini, ramai penyelidik melakukan pemerhatian dan analisis secara mendalam dan cuba memahami corak perubahan dan juga mesej-mesej yang dibawa daripada pergerakan penduduk sama ada dalam negaranya sendiri mahupun negara lain. Jadi, topik ini akan membincangkan tentang hasil kajian-kajian lepas yang telah disusun kepada beberapa kategori iaitu definisi migrasi dalaman, penghijrahan dalam konteks migrasi dan juga faktor tolakan/tarikan migrasi dalaman.

3.2 Kerangka Teori Migrasi

Kerangka teori merupakan kajian mengenai teori-teori yang berkaitan dan bersesuaian dengan topik yang akan dikaji iaitu berkait rapat dengan migrasi. Dalam kerangka teori ini, dua teori utama telah dikenal pasti iaitu teori berkaitan migrasi dan teori pertumbuhan ekonomi yang berkaitan dengan migrasi dalaman dan pertumbuhan ekonomi. Berbagai teori dan model telah dikemukakan ahli ekonomi untuk mengkaji migrasi yang berlaku, antaranya ialah teori model graviti/hukum

migrasi, teori neo-klasik dan teori Keynes, teori membuat keputusan Lee, dan teori Zelinky.

3.2.1 Teori Model Graviti/ Hukum Migrasi

Hukum model Graviti yang juga dikenali sebagai model interaksi kawasan Lowry telah diperkenalkan oleh Ravenstein pada tahun 1885 (Harris, 2001; Saad, Fatimah dan Sofia, 2010) dimana satu teori ini yang berkaitan dengan isipadu dan destinasi migran telah diberi tumpuan secara mendalam di dalam kajian beliau yang bertajuk “The Laws of Migration” pada tahun 1885 dan tahun 1889 (Harris, 2001). Hukum model graviti ini mengambilkira aspek saiz penduduk di kawasan asal, saiz penduduk di kawasan destinasi serta jarak di antara kedua-dua kawasan di samping perbezaan migrasi antara kumpulan manusia (Harris, 2001; Saad, Fatimah dan Sofia, 2010) serta mengandaikan aliran migrasi adalah berhung secara langsung dengan penduduk namun berhubungan songsang dengan jarak (Saad, Fatimah dan Sofia, 2010). Menurut beliau, tujuan utama penduduk membuat keputusan untuk berhijrah adalah untuk memperbaiki taraf.

Terdapat tujuh hukum Ravenstein yang telah disentuh dalam teori migrasi ini iaitu i) migran yang berhijrah ke kawasan yang jauh biasanya akan memilih kawasan maju yang merupakan pusat perdagangan dan perindustrian utama, ii) penduduk yang berasal dari kawasan desa kebiasaannya lebih banyak membuat keputusan untuk berhijrah berbanding dengan penduduk yang berasal dari kawasan bandar, iii) setiap aliran utama migrasi akan menghasilkan aliran migrasi balik yang bertentangan, iv) golongan wanita kebiasaannya membuat keputusan untuk berhijrah dalam jarak yang dekat, v) berlakunya gantian penduduk dimana penduduk yang tinggal di kawasan

desa akan berhijrah ke kawasan bandar manakala penduduk yang tinggal di kawasan pendalaman biasanya akan berhijrah ke kawasan desa yang lebih baik dari kawasan asal mereka, vi) pertumbuhan bandar yang pesat adalah disebabkan oleh penghijrahan penduduk dari kawasan desa yang berhampiran dan vii) perindustrian dan kemajuan teknologi di sesebuah kawasan akan menyebabkan penduduk membuat keputusan untuk berhijrah ke kawasan tersebut (Harris, 2001). Seterusnya model gravity Ravenstein ini telah diperkembangkan oleh Lowry (1966), Wilson (1970), Alonso (1978), Isserman *et al.* (1985), Fotheringham & O'Kelly (1989). Pada tahun 1966, Lowry telah memperkembangkan model graviti ini dengan memperkenalkan pemboleh ubah ekonomi berasaskan teori klasik penolak dan penarik, neo-klasik dan Keynes. Model interaksi kawasan Lowry dapat dilihat melalui persamaan (3.1):

$$M_{ij} = cL_i^{\alpha_1} L_j^{\alpha_2} U_i^{\alpha_3} U_j^{\alpha_4} W_i^{\alpha_5} W_j^{\alpha_6} d_{ij}^{\gamma} \quad (3.1)$$

di mana M_{ij} merupakan jumlah penghijrah dari kawasan i ke kawasan j , i ialah kawasan asal, j ialah kawasan destinasi manakala c adalah pemalar, L_i dan L_j ialah tenaga buruh, U_i dan U_j ialah kadar pengangguran, W_i dan W_j ialah kadar upah dan d_{ij} ialah jarak antara kawasan.

3.2.2 Teori Neoklasik

Teori ekonomi neoklasik menitikberatkan tentang perbezaan upah yang wujud di antara kawasan yang menjadi tarikan buruh untuk berhijrah di mana wujud perbezaan upah di antara buruh kesan daripada permintaan dan penawaran buruh serta faktor-faktor lain yang menjadi penyebab kepada perbezaan upah buruh ini (Saad, Fatimah dan Sofia, 2010). Secara tidak langsung, perbezaan tingkat upah

yang berlaku ini akan menggalakkan penghijrahan buruh dari kawasan yang berpendapatan rendah dan berhijrah ke kawasan yang berpendapatan tinggi (Borjas 1989; Massey *et al.* 1993, 1998; Bauer dan Zimmermann 1994). Keynes juga turut menekankan tentang kewujudan pengangguran di sesebuah kawasan mungkin berlaku kesan daripada tingkat upah yang sukar untuk direndahkan dan penghijrahan yang berlaku akan menghapuskan pengangguran di kawasan tersebut (Hart 1975).

Terdapat dua jenis teori neoklasik iaitu teori neoklasik ekonomi makro dan teori neoklasik ekonomi mikro. Teori neoklasik ekonomi makro menjelaskan tentang proses penghijrahan tenaga kerja dari kawasan yang mempunyai lebih tenaga kerja tetapi kekurangan modal/berhijrah ke kawasan yang kekurangan tenaga kerja, tetapi memiliki modal yang banyak (Massey, 1993; Massey dan Hugo, 1996; Massey 1998; Ida, 2006; Bandon, 2010). Manakala teori neoklasik ekonomi mikro pula menjelaskan tentang pertimbangan yang dibuat oleh individu yang mengambil keputusan untuk berhijrah terutamanya dari segi pertimbangan kos dan kelebihan di tempat destinasi (Massey, 1993; Ida, 2006; Bandon, 2010).

3.2.3 Teori Membuat Keputusan Lee


Berdasarkan teori membuat keputusan Lee atau Everett Lee yang telah diperkenalkan pada tahun 1966 (Lee, 1966; Harris, 2001; Saad, Fatimah dan Sofia, 2010), Beliau telah menganalisis migrasi dalam konteks kawasan asal dan kawasan destinasi dimana kekurangan yang wujud di kawasan asal telah merangsang penduduk untuk berhijrah di samping kelebihan di kawasan destinasi (Lee, 1966; Saad, Fatimah dan Sofia, 2010). Lee (1987) telah menyenaraikan empat faktor utama penduduk membuat keputusan untuk berhijrah iaitu i) faktor penolak di kawasan

asal, ii) faktor tarikan kawasan destinasi, iii) rintangan dan iv) faktor individu (Lee, 1966; Harris, 2001). Kesan positif dan kesan negatif penghijrahan ke kawasan destinasi dinilai terlebih dahulu sebelum seseorang individu itu mengambil keputusan untuk berhijrah (Lee, 1966; Harris, 2001) seperti kos pemindahan, penempatan, infrastruktur dan sebagainya (Lee, 1966; Harris, 2001; Saad, Fatimah dan Sofia, 2010). Kawasan yang mempunyai kesan positif yang paling banyak kebiasaannya akan dipilih oleh migran untuk berhijrah dan jumlah penduduk di kawasan destinasi yang positif ini dijangka meningkat dari semasa ke semasa (Harris, 2001). Rajah 2.1 merupakan faktor penolak dan faktor penarik bagi kawasan asal serta kawasan destinasi di samping halangan perantaraan menurut Lee (1966).



Rajah 3.1
Faktor Penolak dan Penarik Migrasi
 Sumber: Lee, 1966

Norris pada tahun 1972 telah mengembangkan teori membuat keputusan Lee iaitu dengan menambah tiga komponen lain iaitu migrasi kembali, kesempatan antara dan migrasi paksaan (Norris, 1972; Puspitasari, 2010). Rajah 3.2 menunjukkan faktor penyebab kepada penghijrahan penduduk mengikut Norris.



Rajah 3.2

Faktor Penyebab Kepada Penghijrahan Penduduk Mengikut Norris


Sumber: Norris, 1972

3.2.4 Teori Zelinky


Teori transisi penghijrahan ini telah dibangunkan oleh Zelinky pada tahun 1971 bertujuan untuk melihat peralihan penting yang berlaku di dalam penghijrahan penduduk. Beliau telah mencadangkan satu model '*Spatio-Temporal*' dengan mengaplikasikan teori peralihan demografi serta teori ruangan inovasi dan peralihan ini merujuk kepada pembangunan atau pemodenan sesuatu kawasan. (Zelinky, 1971). Zelinky telah menyenaraikan lima tahap perkembangan masyarakat iaitu i) masyarakat tradisional pra moden, ii) masyarakat transisi awal, iii) masyarakat transisi akhir, iv) masyarakat maju dan v) lanjutan masyarakat maju di masa akan datang (Zelinky, 1971; Haas, 2010). Manakala Skeldon (1990) telah mengembangkan tahap transisi penghijrahan penduduk ini menjadi tujuh tahap iaitu i) masyarakat pra transisi yang cenderung untuk berhijrah tetapi bukan untuk menetap terus, ii) masyarakat transisi awal di mana bandar-bandar besar telah menjadi pilihan utama penduduk daripada bandar-bandar kecil dan sederhana untuk berhijrah, iii) masyarakat transisi menengah, iv) masyarakat transisi akhir, dan pada

ketika ini akan muncul bandaraya mega, v) masyarakat maju dan pada tahap ini akan wujud urbanisasi di kawasan tersebut, penghijrahan penduduk juga akan meningkat, vi) lanjutan masyarakat maju dan vii) masyarakat super maju dan pada tahap ini, dikatakan wujudnya teknologi tinggi di kawasan destinasi tersebut (Skeldon 1990; Haas, 2010).

Haas (2010) juga turut menggabungkan konsep kemampuan dan aspirasi bermigrasi. Aspirasi bermigrasi merupakan kecenderungan utama penduduk membuat keputusan untuk berhijrah dan kesan pembangunan di sesebuah kawasan mungkin akan meningkatkan aspirasi kehidupan dan maklumat migran terbabit. Kesan pembangunan manusia cenderung untuk meningkatkan aspirasi hidup rakyat secara amnya dan mempercepatkan proses migrasi. Rajah 3.3 merupakan hipotesis perkembangan manusia mengikut kemampuan dan aspirasi bermigrasi manakala Rajah 3.4 merupakan graf teori transisi penghijrahan menurut Haas (2010).



Rajah 3.3
Hipotesis Perkembangan Manusia Mengikut Kemampuan dan Aspirasi Bermigrasi
Sumber: Haas, 2010



Rajah 3.4
Graf Teori Transisi Penghijrahan Mengikut Haas
 Sumber: Haas, 2010

3.3 Kajian Empirikal

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan ekonometrik antaranya kajian mengenai hubungan migrasi dalaman dengan pelaburan asing yang telah dilakukan ke atas lima puluh negeri yang terdapat di Amerika oleh Hisham Foad (2009) dan ke atas Mexico oleh Aroca dan Maloney (2005). Bagi kajian hubungan migrasi dalaman terhadap pelaburan asing dan juga pertumbuhan ekonomi, D'Agosto, Solferino dan Tria (2006) telah melakukan kajian mereka ke atas negara OECD manakala Kugler dan Rapoport (2006) juga telah melaksanakan kajian yang sama ke atas negara OECD. Manakala Bao et al (2009) telah melihat hubungan antara migrasi dalaman dengan pelaburan asing, pelaburan domestik, pertumbuhan ekonomi dan pengangguran di China. Kajian mengenai hubungan migrasi dalaman dengan kemiskinan yang dibuat kebanyakannya menggunakan kaedah analisis biasa seperti kajian yang dilakukan oleh Chowdury et al (2012) ke atas Bandar Sylhet, Bangladesh, kajian ke atas negara miskin oleh Black dan Sward (2009), kajian ke atas negara Pakistan (Memon, 2005) dan Moldova (Pantiru, Black dan Wheeler, 2007).

Di Malaysia, Wijaya, Noorasiah dan Siang (2011) telah melihat hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan kadar kemiskinan manakala Mohd Fadzli dan Ishak (2007) pula telah melihat hubungan migrasi dengan kemiskinan dengan menggunakan kaedah biasa. Namun kajian yang menggabungkan pemboleh ubah migrasi dalaman dengan populasi penduduk, pelaburan asing, pelaburan domestik, pendapatan isi rumah, pengangguran, kemiskinan dan penyertaan tenaga buruh yang kurang dilakukan ke atas 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan Di Malaysia.

3.3.1 Faktor Yang Mempengaruhi Migrasi Dalaman

Penghijrahan penduduk dari kawasan desa ke bandar telah menyebabkan berlakunya masalah kekurangan tenaga buruh terutamanya di sektor pertanian (Lim, 1981). Golongan belia khususnya yang mempunyai pendidikan tinggi lebih gemar membuat keputusan untuk berhijrah ke kawasan bandar dengan harapan memperoleh pendapatan yang lebih baik berbanding jika bekerja di kawasan desa (Mustapha, 1989). Bagi golongan belia ini, arus kemajuan di dalam sektor perindustrian serta tingkat upah yang tinggi di kawasan bandar telah menjadi faktor pendorong kepada penghijrahan mereka ini. Sesetengah penduduk yang mempunyai tahap pendidikan tinggi beranggapan sekiranya mereka bekerja di sektor pertanian, tingkat upah yang bakal mereka perolehi adalah kurang memberangsangkan dan tidak setimpal. Ini kerana mungkin wujud masalah seperti pendapatan yang tidak stabil, hasil tanaman yang kurang memuaskan, status kerja yang rendah disamping galakan dari keluarga terutamanya ibu bapa untuk keluar merantau ke tempat orang telah menjadi faktor pendorong kepada migrasi yang berlaku (Saad, Fatimah dan Sofia, 2010).

Migrasi yang berlaku sebenarnya tidak dapat disekat dan dihalang kerana ianya merupakan kehendak masyarakat bagi memperoleh kepuasan hidup dari aspek ekonomi, sosiobudaya, demografi dan fizikal (Mohd Fadzil dan Ishak, 2007). Terdapat empat faktor utama yang perlu diberi perhatian di dalam kajian migrasi penduduk ini iaitu faktor penarik migrasi, faktor penolak migrasi, halangan dan rintangan yang dihadapi, dan juga faktor individu (Lee, 1966; Mantra, 1985). Menurut Rodzli dan Seng (2012), terdapat empat faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman merangkumi faktor ekonomi, faktor sosial, faktor politik dan juga faktor persekitaran. Namun bagi Rusly dan Nurashikin (2013), mereka telah menyenaraikan lima faktor utama yang mempengaruhi migrasi dalaman iaitu faktor ekonomi, faktor sosial, faktor kemudahan pambandaran, faktor polisi kerajaan dan faktor-faktor mikro seperti perkahwinan, persaraan, pertukaran tempat kerja dan keputusan peribadi yang dibuat oleh penduduk yang ingin berhijrah. Manakala Usman (1989) pula menyatakan migrasi dalaman yang berlaku berpunca daripada pertumbuhan penduduk, perindustrian dan urbanisasi. Menurut *United Nations Population Fund*, UNFPA (1999), masyarakat mula berhijrah ke kawasan pekan dan bandar adalah untuk tujuan pendidikan, mencari peluang pekerjaan dan seterusnya memperbaiki taraf hidup.

Kebiasaannya, peluang pekerjaan yang baik akan mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk berhijrah dari satu kawasan ke kawasan yang lain bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan keluarga. Faktor penarik yang mempengaruhi migrasi ialah faktor ekonomi di mana seseorang itu memperoleh peluang kerja yang lebih baik dari sebelumnya. Menurut Filiztekin dan Gokhan (2008), kemiskinan, pengangguran dan pendapatan telah menjadi penyebab

berlakunya migrasi dalaman. Salah satu faktor penghijrahan individu adalah dengan mengambil kira jangkaan perolehan pendapatan dan kepuasan yang akan mendatangkan keuntungan kepada mereka (Napolitano dan Bonasia, 2009). Peluang pekerjaan yang lebih menarik di kawasan destinasi telah berjaya menarik penduduk untuk berhijrah tetapi bagi sesetengah penduduk seperti di negara Romania, migrasi dalaman dilihat kurang berkesan berbanding penghijrahan keluar dari negara tersebut (Pirciog, 2009).

Perpindahan isi rumah ke kawasan pinggir wilayah seperti Lembah Klang adalah disebabkan oleh keinginan penduduk untuk memiliki rumah kediaman dan hartanah yang lebih murah berbanding di kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur (Katiman, Fuad dan Aishah, 2010). Katiman (2006) mendapati bahawa migrasi ke kawasan pinggir wilayah metropolitan Lembah Klang disebabkan oleh penawaran peluang kerja serta memiliki hartanah di pinggir metropolitan di samping pelbagai kemudahan awam yang hebat dan canggih di kawasan metropolitan. Menurut Chowdury et al (2012), faktor penolak utama bagi penduduk membuat keputusan untuk bermigrasi adalah disebabkan oleh faktor kemiskinan, pengangguran, diskriminasi dalam politik dan keagamaan, untuk meningkatkan pendapatan dan juga untuk kepuasan hidup.

Saptanto et al (2011) menyatakan bahawa penghijrahan adalah salah satu fenomena yang berkaitan kebajikan sosial. Masyarakat cenderung untuk berhijrah ke luar kawasan bagi tujuan meningkatkan pendapatan mereka dan untuk menikmati kehidupan yang lebih baik. Jaringan sosial yang wujud di kawasan destinasi juga berjaya menarik minat penduduk untuk terus berhijrah ke kawasan destinasi


(Filiztekin dan Gokhan, 2008). Kemudahan frasarana dan infrastruktur disamping kemodenan di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Selangor telah menarik minat penduduk untuk terus berhijrah. Jadi, penduduk di kawasan luar bandar khususnya lebih tertarik untuk berhijrah ke kawasan bandar disebabkan terdapat pelbagai kemudahan di sana.

Faktor pendidikan juga dilihat telah berjaya mempengaruhi migrasi dalaman sesebuah negara di mana peluang melanjutkan pelajaran memerlukan seseorang itu berhijrah ke kawasan destinasi bagi menimba ilmu dan pengalaman. Di Pakistan, penghijrahan disebabkan oleh pendidikan peringkat tinggi dilihat mempunyai pengaruh yang kuat berbanding pendidikan di peringkat kolej, menengah dan rendah (Aliya dan Lubna, 2000). Bagi Malaysia, sebanyak 23.1% migran yang berpendidikan tinggi telah direkodkan pada tahun 2002 dan peratusan ini terus meningkat kepada 31.5% pada tahun 2007. Peningkatan migran bekerja ini didorong oleh pertambahan penawaran pekerjaan yang kian memberangsangkan bagi golongan yang berpendidikan tinggi khususnya di kawasan bandar. Jadi, lebih ramai penduduk yang berpendidikan tinggi berhijrah ke kawasan bandar kerana mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Bagi Ackah dan Medvedev (2010), selain daripada pencapaian pendidikan, tahap literasi¹ dan tingkat kesihatan yang baik juga merupakan salah satu pendorong kepada penghijrahan penduduk.

Selain itu, faktor bencana alam yang berlaku di kawasan asal menyebabkan seseorang itu mengambil keputusan untuk berhijrah dan mencari pekerjaan di

¹ Menurut Kamus Melayu-Inggeris Dewan (2012), tahap literasi merujuk kepada tahap celik huruf dan kebolehan menulis serta membaca.

kawasan destinasi bagi memperbaiki taraf hidup. Dasar kerajaan yang digubal bagi menjayakan program pembangunan wilayah seperti tanah rancangan FELDA dan FELCRA juga merupakan faktor tarikan utama berlakunya migrasi dalaman. Faktor mikro (faktor yang bersifat peribadi) turut menjadi faktor kepada penghijrahan penduduk seperti perkahwinan, pertukaran tempat kerja dan lain-lain (Abdul Samad Hadi, 1989; Rusly dan Nurashikin, 2013). Rajah 3.5 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi penduduk untuk berhijrah.



Rajah 3.5
 Faktor-Faktor Yang mempengaruhi Migrasi Dalaman
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2007; Rodzli dan Seng, 2012

Dari dahulu lagi, migrasi yang berlaku merupakan satu fenomena lazim dan kian rancak berlaku kini seiring dengan pembangunan yang kian pesat. Faktor ekonomi, sosial, politik dan persekitaran merupakan penyebab kepada penghijrahan penduduk. Secara umumnya, penghijrahan penduduk ini lebih tertumpu ke kawasan yang membangun kerana wujudnya peluang pekerjaan di samping untuk membasmi kemiskinan dan masalah pengangguran. Faktor-faktor lain seperti mencari persekitaran yang baru, mengikut keluarga dan sebagainya juga turut mempengaruhi migrasi dalaman (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2007).

3.3.2 Migrasi dan Populasi Penduduk

Kajian yang dijalankan oleh Todaro (1980) bertujuan untuk melihat model penghijrahan dan peranan migrasi dalaman dalam proses pembangunan ekonomi bagi negara sedang membangun. Todaro telah menggunakan kaedah pemerhatian serta kajian lepas serta menggunakan model penghijrahan Todaro. Hasil kajian mendapati beberapa negara seperti Tanzania, Kenya, Yugoslavia, Colombia serta Venezuela dilihat sesuai diaplikasikan dengan model Todaro dan telah memberi sokongan awal kepada hipotesis Todaro bagi kepentingan jangkaan gaji dalam penghijrahan. Magnusson (1997) pula ini menganalisis corak migrasi di Iceland dengan menggunakan pemerhatian/kajian lepas. Data yang digunakan dalam kajian Beliau adalah di antara tahun 1960 hingga tahun 1994. Dalam kajian ini, Beliau telah membangunkan satu model yang menerangkan tentang keputusan penghijrahan individu dan membuat kos anggaran berkaitan dengan penempatan semula serta cara kejutan yang mendorong kepada penghijrahan penduduk.

Di Ghana, Ackah dan Medvedev (2010) telah menganggarkan penentu kebarangkalian individu bermigrasi serta melihat hubungan di antara migrasi dalaman dengan tingkat kebajikan dan borang soal selidik telah diedarkan kepada 3,987 isi rumah. Responden yang terlibat di dalam kajian ini telah dipecahkan kepada tiga iaitu bukan migran, migran yang pulang ke kawasan asal serta migran semasa. Hasil kajian mendapati kebarangkalian penduduk membuat keputusan untuk berhijrah adalah disebabkan oleh tarikan dan tolakan tertentu. anak-anak muda dilihat lebih cenderung untuk berhijrah kerana lebih berpendidikan. Namun begitu, masyarakat yang celik huruf dan mendapat pelbagai kemudahan seperti subsidi kesihatan serta kemudahan-kemudahan lain lebih cenderung untuk tinggal di

kawasan asal serta wujud hubungan yang positif di antara isi rumah yang berhijrah ke bandar dengan penduduk yang tinggal di luar bandar dari segi kebajikan.

Sementara itu di India, Mitra & Murayama (2008) telah menganalisis tahap penghijrahan penduduk lelaki dan wanita dari daerah luar bandar ke kawasan bandar merangkumi pergerakan di dalam negeri dan di antara negeri. Kaedah yang digunakan dalam kaedah kajian lepas berdasarkan data dari tahun 1991 sehingga 2001. Hasil kajian mendapati bahawa kadar penghijrahan lelaki dan perempuan adalah rapat dan saling berkait di antara satu sama lain tanpa mengira sama ada mereka berpindah dari kawasan luar bandar melibatkan penghijrahan di dalam negeri mahupun merentasi negeri. Bagi Stephenson, Matthews dan McDonald (2003) pula, mereka telah mengkaji kesan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke kawasan bandar berdasarkan kadar kematian di India dengan menggunakan data tahun 1992-1993. Satu tinjauan kesihatan keluarga negara India telah dijalankan dengan menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik. Hasil kajian mendapati status migrasi seseorang individu itu bukanlah merupakan faktor penting kepada kematian bagi tiga peringkat kumpulan umur. Hubungan yang wujud di antara status penghijrahan dengan kematian wujud dijelaskan oleh pemboleh ubah sosioekonomi dan kesihatan di antara migran dari luar bandar ke bandar serta kumpulan bukan migran. Selain itu, hasil kajian ini mendapati bahawa kematian bayi di kawasan luar bandar adalah yang tertinggi berbanding di kawasan bandar.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Purnomo (2009), Beliau telah menganalisis corak penghijrahan buruh dari daerah Wonogiri, Indonesia serta melihat kesan migrasi terhadap tahap kebajikan dengan mengambilkira tahap pendapatan di

Wonogiri. Borang soal selidik telah diedarkan di kawasan tersebut dan analisis binari logit, regresi linear dan analisis diskriptif telah digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat tiga pemboleh ubah iaitu pendapatan, pemilikan harta di daerah asal serta status pekerjaan di tempat asal adalah tidak signifikan manakala umur, tingkat pendidikan dan status pernikahan dilihat menjadi penyebab kepada penghijrahan penduduk ke kawasan destinasi.

Di Malaysia, Harris Keding (2001) ingin mengkaji tentang kesan migrasi keluar di kalangan masyarakat kelabit terhadap kumpulan bukan migran di Bario, Sarawak. Kajian ini melibatkan 50 orang responden dengan menggunakan kaedah temubual dan borang soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa penduduk yang berpendidikan rendah serta golongan kanak-kanak dan warga tua dilihat kurang berhijrah keluar berbanding dengan yang berpendidikan tinggi.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Katiman Rostam (2006) lebih memberi penekanan terhadap pola migrasi ke kawasan pinggir wilayah Metropolitan di Lembah Klang merangkumi daerah Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Beliau telah menggunakan kaedah analisis deskriptif yang diperoleh dari tahun 1991 sehingga tahun 2000. Hasil kajian mendapati bahawa migrasi keluar-masuk di kawasan Lembah Klang adalah tidak seimbang kerana jumlah migrasi keluar jauh lebih tinggi daripada jumlah migrasi masuk ke kawasan ini. Dari sudut perkembangan di kawasan Lembah Klang pula, Beliau mendapati wujud pertumbuhan pesat berlaku di zon tepu bina di Lembah Klang. Sementara itu bagi kajian yang dijalankan oleh Katiman Rostam, Mohd Fuad Mat Jali & Aishah @ Eshah (2010), mereka telah membuktikan bahawa terdapat satu aliran migrasi yang

ketara dari zon teras ke pinggiran lembah Klang. Dengan menggunakan analisis deskriptif dari tahun 1996 hingga tahun 2000 dan pengedaran borang soal selidik, hasil kajian mendapati berlaku penghijrahan keluar yang ketara dari kawasan Lembah Klang dan matlamat utama penduduk membuat keputusan untuk berhijrah keluar adalah untuk memiliki hartanah serta kawasan kediaman yang lebih selesa.

Mohd Razani (2009) telah menganalisis perubahan penduduk dengan melihat kepada tiga tahap yang berbeza bagi migrasi dalaman iaitu peringkat negeri, peringkat daerah serta peringkat bandar/luar bandar. Beliau telah menggunakan pemerhatian dan kajian lepas berdasarkan data yang diperoleh pada tahun 1990 dan 2000. Hasil kajian mendapati bahawa penghijrahan penduduk dalam jarak pendek adalah yang paling menonjol di Malaysia. Kadar penghijrahan jarak jauh juga dilihat meningkat dari tahun-tahun kebelakangan ini. Penghijrahan penduduk merentasi bandar masih lagi menjadi mendominasi manakala migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar sudah semakin berkurang. Malah migrasi di antara kawasan luar bandar ke kawasan luar bandar yang lain dilihat mula meningkat sejak kebelakangan ini dan keadaan ini terjadi mungkin disebabkan oleh perluasan kawasan bandar-bandar di pinggiran bandar.

Kajian yang dijalankan oleh Shamsul Bahrin (1980) lebih tertumpu kepada penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar. Dengan menggunakan kaedah kajian lepas, Beliau mendapati sehingga tahun 1970an, penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar agak kurang memberangsangkan. Namun dijangkakan pada tahun 1980an, peningkatan sektor lain di kawasan bandar akan menggalakkan penduduk untuk bermigrasi ke kawasan

tersebut. Keadaan ini mungkin terjadi kerana pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan persekitaran bandar.

Bagi Mohd Fadzil (2013), Beliau telah membincangkan tentang multi-faktor migrasi yang mencetus kepada masalah keputusan dan mencuba menilai kepentingan relatif multi-faktor tersebut berasaskan kepada *Analytical Hierarchy Process* (AHP). Hasil kajian mendapati proses aplikasi AHP ini berupaya menyenaraikan keutamaan mengikut tahap rendah kepada tahap yang tinggi berdasarkan kepada multi-faktor tersebut. Keutamaan tahap multi-faktor adalah penting kepada jururancang di sesuatu kawasan bagi mempertimbangkan sama ada untuk menerima migrasi atau sebaliknya terutamanya dari segi perancangan pembangunan fizikal dan sokongan sosial yang seiring dengan faktor-faktor tersebut atau kehendak migrasi.

Di Mexico, Peeters (2008) telah mengkaji spesifikasi yang berbeza terhadap agregat migrasi antara negeri di Mexico serta membincangkan implikasi empirikal di negara tersebut. Data kajian diperolehi dari tahun 1995 sehingga tahun 2000 daripada 32 buah negeri di Mexico. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah model poisson/model graviti dan model log-linear. Hasil kajian mendapati hubungan di antara ukuran geografi Mexico dengan kesan sejarah komponen migrasi seperti saham asing adalah tidak anjal.

Di Nigeria pula, Adewale (2005) telah mengkaji faktor-faktor sosioekonomi yang mempengaruhi penghijrahan penduduk dari kawasan bandar ke kawasan luar bandar Nigeria. Kajian ini tertumpu di negeri Oyo, Nigeria. Kaedah temubual telah dijalankan ke atas 160 orang responden. Hasil kajian mendapati kebanyakan

penduduk berhijrah dari kawasan bandar ke luar bandar Nigeria ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu ketidakmampuan mereka untuk mendapatkan pekerjaan di kawasan bandar, pemindahan tempat kerja, kos hidup yang tinggi dan persaraan. Wujud hubungan positif di antara tempoh migran tinggal di kawasan luar bandar dengan peringkat umur manakala terdapat perbezaan signifikan di antara tempoh migran tinggal di kawasan luar bandar dengan status perkahwinan mereka. Adewale juga mencadangkan kepada pihak kerajaan Nigeria supaya menyediakan pelbagai kemudahan bagi menggalakkan lebih ramai penduduk untuk berhijrah ke kawasan luar bandar Oyo ini bertujuan untuk membangunkan kawasan tersebut.

Manakala Nwokocha (2010) telah mengkaji kesan pengulangan penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar melibatkan sistem yang tidak kawal selia di Nigeria. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian lepas. Hasil kajian mendapati sistem yang tidak di kawal selia ini sukar untuk diperkenalkan di Nigeria. Bagi mencapai keseimbangan penduduk di kawasan bandar dan luar bandar, Beliau berpendapat bahawa kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar Nigeria perlu dipertingkatkan. Oleh itu penghijrahan keluar penduduk dari kawasan luar bandar dapat dielakkan dan pada masa yang sama, penghijrahan masuk penduduk bandar ke kawasan tersebut adalah digalakkan.

Sementara itu dalam kajian yang dijalankan oleh Olajide dan Udoh (2012), mereka telah mengenal pasti ciri-ciri sosio-ekonomi migran di bandar Ibadan, Nigeria dan mengkaji persepsi mereka terhadap masalah dan faedah yang diperoleh di kawasan tersebut. Sebanyak 120 responden telah ditemubual dan hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor penolak dan penarik penghijrahan golongan belia yang

belum berkahwin yang tidak mempunyai pendidikan serta tiada kemahiran untuk mengharungi masalah penghijrahan ke lokasi baru. Ia juga menunjukkan bahawa remaja yang baru berhijrah adalah lebih bersifat kepada faedah peribadi bertujuan dari segi pendapatan tunai tetap yang diperolehi tanpa mengambil kira masalah-masalah yang mungkin timbul kepada masyarakat atau sektor pertanian. Migran yang lebih tua dan lebih lama bagaimanapun melihat masalah yang dicipta oleh golongan remaja di Nigeria ini akan mendatangkan masalah kepada masyarakat dan bukan kebaikan. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat jurang maklumat antara pihak kerajaan dan golongan belia di segi pemerolehan kemahiran dan latihan untuk memperbaiki taraf hidup di kawasan luar bandar.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Olayiwola (2005), Beliau telah mengenalpasti faedah dan masalah penghijrahan penduduk dari luar bandar ke kawasan bandar dari persepsi bukan migran. Kaedah persampelan berbentuk *snowball* telah dijalankan melibatkan 30 orang responden di kawasan Nigeria. Hasil kajian mendapati ciri-ciri sosioekonomi bukan migran tidak mempengaruhi persepsi faedah migran dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar tetapi wujud masalah dari migran yang berhijrah di kawasan tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa semua responden belum membuat keputusan mengenai masalah ekonomi yang timbul daripada migrasi luar bandar ke bandar.

Di Pakistan, Memon (2005) telah melihat magnitud migrasi dalaman dan telah memberi tumpuan terhadap beberapa ciri penting migrasi dalaman di Pakistan. Dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif dan model probit dari tahun 1988 hingga tahun 1998, hasil kajian mendapati migrasi dalaman di Pakistan mempunyai

ciri-ciri yang sangat terbuka dan mengamalkan sistem dasar laissez-faire. Tiada sekatan ke atas mobiliti serta sangat terhad kepada pemerolehan pekerjaan, perumahan serta kemudahan yang berkaitan di samping kos penghijrahan yang rendah. Berdasarkan penemuan dengan menggunakan pendekatan ekonometrik, Beliau mendapati bahawa perbezaan pendapatan di antara kawasan bandar dan luar bandar sebenarnya telah menjadi pendorong kepada migran untuk terus berhijrah.

Sementara itu dalam kajian yang dijalankan oleh Bunea (2012), Beliau telah mengkaji faktor penentu migrasi dalaman yang berlaku di Romania dengan menggunakan data dari tahun 2005 hingga tahun 2010. Hasil kajian mendapati migrasi dalaman yang berlaku telah memberi impak besar kepada saiz penduduk, keluaran kasar benar per kapita, indeks ameniti, kepadatan jalan serta kadar jenayah jika dilihat dari sudut pandangan statik. Dan dari sudut pandangan dinamik pula, hasil kajian mendapati wujud kesan yang penting terhadap nisbah migrasi sebelumnya, ke atas saiz penduduk serta ameniti.

Heirro (2008) menerangkan satu kaedah baru untuk model dinamik migrasi dalaman dengan menggunakan kaedah matriks penyebab bukan pegun di Sepanyol dengan menggunakan pendekatan rantaian Markov telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan data dari tahun 1986 hingga tahun 2003. Setelah mengkaji dengan meluas teknik rantaian Markov ini, Beliau telah mencadangkan satu pendekatan baru kepada aliran model migrasi dinamik yang terdiri daripada lanjutan matriks penyebab malar (CCM) di mana model ini merupakan model yang bukan memberi masalah bukan pegun dalam matriks penyebab. Model ini membenarkan perubahan yang bergantung kepada masa dalam kebarangkalian peralihan Migran dan

menganggap bahawa perubahan ini kebarangkalian peralihan telah paling banyak dipengaruhi oleh perubahan dalam sebelum ini.

Di Amerika Syarikat, Molloy, Smith dan Wazniak (2011) telah melihat sejarah migrasi dalaman di Amerika Syarikat pada 1980-an. Dengan menggunakan data panel dari tahun 1980 sehingga tahun 2009, hasil kajian mendapati terdapat penurunan dalam penghijrahan semenjak tahun 2006 berkaitan dengan isu demografi, sosioekonomi dan kitaran faktor. Berlaku perubahan kecil dalam pasaran perumahan serta buruh dan keadaan ini wujud daripada kesinambungan tren menurun sejak dari tahun 1980an lagi. Bagi Partridge, Rickman, Olfert dan Ali (2010) pula, mereka telah mengkaji sama ada peralihan pengurangan yang ketara dalam kadar migrasi kasar di Amerika Syarikat selepas tahun 2000 merupakan petunjuk ekonomi yang menghampiri keseimbangan ruang bergerak. Hasil kajian mendapati kadar migrasi dalaman kasar pada era 2000 telah peralihan penurunan dan memberi isyarat bahawa ekonomi di kawasan tersebut telah menghampiri ruang keseimbangan pegun di mana pasukan yang ditubuhkan untuk memacu perubahan penduduk telah kurang berpengaruh.

Di Uganda, Savolainen (2011) telah meneroka tentang migrasi dalaman dari sudut pandangan lokasi ketibaan dengan menggunakan 654 orang responden dari borang soal selidik dan 12 orang responden dari hasil temubual. Hasil kajian mendapati daerah Kampala adalah kawasan yang lebih ketat untuk berhubung dengan dunia luar. Tanda-tanda hubungan yang wujud ini boleh dilihat daripada faktor prasarana dan juga dari aspek budaya di sini. Martin (2003) pula telah meneliti masalah dalam kepincangan mendapatkan demografi jitu daripada migran untuk menilai keadaan

migran mengikut jantina serta umur. Fokus kajian ini lebih tertumpu kepada migran wanita dan hasil kajian mendapati bahawa berlakunya peningkatan migrasi dalaman wanita serta perubahan peranan wanita secara umumnya.

Stillwell (2005) telah mengkaji model migrasi umum yang digunapakai dalam usaha untuk melihat perbezaan dan persekitaran dan model unjuran. Hasil kajian mendapati bahawa model migrasi dalaman yang lama dengan pelbagai pendekatan boleh dibezakan berasaskan keputusan yang dibuat secara mikro atau individu dan mereka berurusan dengan kesan makro secara agregat. Model penghijrahan umum itu membahagikan proses migrasi kepada dua bahagian iaitu model penghijrahan keluar dan model pilihan destinasi. Model ini juga dapat membezakan di antara faktor sebab dan akibat atau pemboleh ubah yang menentukan migrasi serta faktor-faktor yang mempunyai pengaruh terpilih pada penghijrahan.

Sementara itu di Vietnam, Duc, Raabe dan Grote (2012) telah mengkaji kejayaan migrasi sebagai satu strategi sokongan kehidupan isi rumah di kawasan luar bandar dengan mengutuskan beberapa ahli isi rumah ke kawasan bandar dalam tempoh 2008-2010. Kajian ini meliputi kawasan Dak Lak, Thua Thien Hue dan Ha Tinh di Vietnam dan sebanyak 299 orang responden dari kawasan luar bandar serta 2,200 orang responden dari kawasan bandar telah dijadikan sampel kajian. Hasil kajian mendapati bahawa migrasi adalah satu strategi pengubahsuaian untuk isi rumah mengalami kejutan sosial. Selain itu, migrasi lebih cenderung untuk memelihara isi rumah yang tinggal di kawasan luar bandar dari segi kewangan. Isi rumah migran juga dilihat lebih cenderung untuk tinggal di daerah yang berasaskan pertanian yang kurang menjanjikan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan.

Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (2010) telah mengetengahkan penghijrahan dalaman di Vietnam mempengaruhi serta dipengaruhi oleh faktor pembangunan sosioekonomi. Hasil kajian mendapati Vietnam telah mengalami peningkatan pesat dalam pergerakan penduduk di dalam dan di luar sempadan dalam tempoh 20 tahun yang lalu. Di Viet Nam, pembangunan sosioekonomi yang terhasil daripada pembaharuan Doi Moi sememangnya telah menjadi pemangkin kepada peningkatan migrasi dalaman dengan mungkin membuatkan penduduk membuat keputusan untuk bergerak jauh dari kawasan asal mereka. Migrasi dalaman ini menjadi juga dilihat penyumbang kepada pembangunan sosioekonomi kepada pekerja migran dan telah dipindahkan untuk mengisi permintaan buruh yang terhasil kesan daripada pembangunan perindustrian dan pelaburan langsung asing.

3.3.3 Migrasi dan Pelaburan

Xue dan Gao (2010) ingin melihat perbezaan jurang di antara kawasan bandar dengan luar bandar di China. Kajian ini melibatkan dua kawasan di China iaitu Zhejiang dan Shaanxi dan borang soal selidik telah diedarkan dikedua-dua kawasan ini. Hasil kajian mendapati kebanyakan penduduk di kawasan luar bandar berhijrah ke kawasan bandar dan ini telah memberi jurang pendapatan bandar yang besar di antara kawasan bandar dengan luar bandar. Manakala Fang dan Dewen (2003) pula telah menilai kesan migrasi dalaman di China terhadap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan bandar di era reformasi dengan menggunakan sistem Hokou. Pembaharuan sistem pendaftaran isi rumah (sistem hukou), merupakan satu peninggalan ekonomi yang dirancang terlebih dahulu, dan sistem ini memainkan peranan yang penting dalam pergerakan buruh China serta telah banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan perbandaran. Pembaharuan sistem

Hukou serta sekatan institusi yang belum selesai, bagaimanapun, masih mengecualikan hak migran luar bandar daripada menikmati peluang yang sama rata di dalam pekerjaan, pembayaran gaji, perlindungan keselamatan sosial, serta perkhidmatan awam sebagai penduduk bandar, di samping mencabar pembangunan bandar yang sihat serta pertumbuhan ekonomi yang berterusan di China.

Sementara itu, Chan (2008) telah mengkaji aliran serta geografi migran dengan memberi tumpuan kepada golongan buruh migran luar bandar China. Hasil kajian mendapati jumlah migrasi dalaman di China ini telah berkembang dengan berterusan semenjak awal tahun 1980an, dan aliran ini dilihat semakin meningkat pada separuh masa pertama tahun 1990an dan sekali lagi pada dekat pertama tahun 2000an. Jumlah migrasi Hokou (sistem pendaftara isi rumah) dilihat stabil dalam tempoh masa 30 tahun tetapi bagi migran bukan Hokou, pekerja asing luar bandar berjumlah kira-kira 150 juta pada tahun 2009. Sebahagian besar daripada buruh asing luar bandar mempunyai pekeliling malah sebahagian besar daripada mereka dijangka tidak akan tinggal di kawasan destinasi secara kekal. Corak geografi migrasi juga menunjukkan migrasi antara wilayah telah meningkat dengan pesat sejak awal tahun 1990-an. Peningkatan penghijrahan ini didorong oleh perbezaan gaji yang signifikan di antara wilayah serta pembangunan ekonomi yang mengandungi pusat-pusat pertumbuhan industri sejak kebelakangan ini. Migran jarak jauh mempunyai kecenderungan yang jelas untuk menumpukan perhatian di Guangdong, yang sejak awal 1990-an meningkat menjadi pusat "kilang dunia," serta rantau Shanghai.

Saracoglu dan Roe (2004) telah melihat hubungan antara segmentasi dalam kajian kes luar bandar bagi negara-negara membangun. Hasil kajian mendapati bahawa

dalam ekonomi dengan penduduk luar bandar yang besar dan segmentasi dalam pasaran modal, perubahan dasar dalam ekonomi seperti mengurangkan cukai yang dikenakan buruh dalam sektor pembuatan bandar mendorong penghijrahan dari luar bandar ke bandar, serta migrasi ini berterusan sepanjang jalan peralihan kepada keseimbangan jangka panjang yang baru.

Jika dilihat hubungan migrasi dalaman dengan pemboleh ubah pelaburan pula, Bao, Bodvarsson, Hou dan Zhao (2009) Ingin melihat hubungan di antara aliran migrasi agregat serta kedua-dua jenis pelaburan dengan Melihat kepada 29 wilayah. Data yang diperoleh adalah pada tahun 1985 hingga 2000 dan kaedah yang digunakan dalam kajian mereka adalah ujian kuasa dua terkecil (OLS) dan juga model graviti. Hasil kajian mendapati reformasi ekonomi yang meningkat dan sekatan ke atas migrasi dalaman yang berkurangan di China telah menyebabkan struktur migrasi di negara ini telah banyak berubah. Keputusan kami memberitahu kami bahawa lebih suku abad yang lalu, enam faktor yang muncul sebagai penentu penting migrasi antara wilayah di China iaitu jarak, risiko pengangguran di rumah, perbezaan iklim, mempunyai kawan-kawan, keluarga serta sambungan lain telah memberi perbezaan perbelanjaan FDI bagi kawasan-kawasan tersebut.

Di Jerman, Buch, Kleinert dan Toubal (2003) telah menganalisis interaksi antara pelbagai saluran bagi penyepaduan penduduk secara empirikal. Kaedah yang digunakan dalam kajian mereka ialah kaedah regresi keratan rentas, sebab akibat, GMM dan ujian robust dari tahun 1992 sehingga tahun 1999. Hasil kajian mendapati bahawa saiz pasaran, kebudayaan dan keadaan geografi merupakan faktor penarik kepada pelaburan asing seterusnya menggalakkan penghijrahan penduduk

Di Amerika Syarikat, Aroca dan Maloney (2002) telah mengukur kesan langsung pelaburan asing dan perdagangan ke atas migrasi. Kaedah yang digunakan dalam kajian mereka ialah multinomial logit, multinomial probit dengan menggunakan data dari tahun 1995 sehingga tahun 2000. Hasil kajian mendapati gaji yang tinggi akan mengurangkan insentif buruh untuk berhijrah. Manakala FDI, nilai maquila ditambah, eksport dan import dilihat dapat mengurangkan penghijrahan keluar tenaga buruh di samping berjaya menggalakkan migrasi masuk.

Foad (2011) pula telah menilai kesan rangkaian migran ke atas pelaburan langsung asing di samping melihat hubungan ini di peringkat serantau serta bagaimana pengagihan kumpulan migran di seluruh negeri Amerika Syarikat telah memberi kesan kepada kemasukan pelaburan langsung daripada pelbagai negara sumber. Kajian ini melibatkan 50 buah negeri di Amerika Syarikat dengan menggunakan data dari tahun 1990 hingga 2004. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah ujian kuasa dua terkecil. Hasil kajian mendapati wujud hubungan yang saling lengkap melengkapi di antara aliran merentas sempadan buruh dengan modal. Pertumbuhan migrasi buruh juga membawa kepada FDI baru masuk ke negeri yang menjadi tumpuan migran. Selain itu, kesan yang wujud di antara buruh migran dengan FDI ini bukanlah merupakan kesan yang segera dan kemungkinan juga mungkin wujud hubungan yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Dengan menggunakan kaedah unit saiz rangkaian migran di setiap negeri, Beliau mendapati migrasi bukan sahaja secara positif mempengaruhi pelaburan asing tetapi ia cenderung untuk menjadi penyebab kepada kedatangan FDI. Penduduk migran

dilihat lebih cenderung untuk menarik FDI dengan lebih banyak dan kesan tarikan ini perlu dipertimbangkan ketika menilai kos dan faedah penghijrahan buruh.

Di Mexico, Aroca dan Maloney (2005) telah melihat hubungan mekanisme pasaran dengan pemboleh ubah NAFTA serta kemungkinan melihat peluang pekerjaan yang berkaitan. Dengan menggunakan data sensus tahun 2000 serta kaedah kesan tetap, hasil kajian mendapati migrasi dan pelaburan asing berhubung negatif antara satu sama lain kerana kemasukan pelaburan asing dilihat menjadi penghalang kepada penghijrahan penduduk dari kawasan lain (Aroca dan Maloney, 2005).

Navaretti, Simone dan Sembenelli (2007) telah memeriksa hubungan antara migrasi serta aliran FDI dengan menggunakan kajian lepas. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai tahap di mana penghijrahan dan aliran FDI adalah berkaitan. Mereka juga telah membuat satu tinjauan yang menunjukkan faktor-faktor yang berbeza memberi kesan kepada aliran ini: harga faktor, penumpuan serta kesan rangkaian. Menurut mereka lagi, jika dilihat kepada hubungan di antara migrasi serta aliran FDI, apabila diperhatikan di kedua-dua firma itu serta di peringkat agregat, adalah sangat kompleks serta sukar untuk difahami. Dari segi dasar, ia adalah penting untuk memahami hubungan itu, dasar tertumpu pada satu aliran juga boleh memberi kesan kepada pemboleh ubah yang lain.

3.3.4 Migrasi, Pendapatan Isi Rumah dan Kemiskinan

Ha, Yi dan Zhang (2009) pula menganalisis kesan luar bandar ke bandar migrasi kepada ketidaksamaan pendapatan serta jurang gaji jantina di kawasan-kawasan pengeluar dengan menggunakan data panel yang dibina ke atas kira-kira 100

perkampungannya dalam tempoh sepuluh tahun 1997-2006 di China. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian kuasa dua terkecil dan GMM. Hasil kajian mendapati penghijrahan meningkatkan ketidaksamaan pendapatan sementara penangguhan penghijrahan telah menyebabkan berlakunya jurang ketidaksamaan yang besar bagi kampung-kampung yang menjadi pengeluar migran. Selain itu, hubungan di antara penghijrahan dengan jurang gaji yang wujud di antara jantina juga mempunyai corak yang songsang di mana migran cenderung untuk meningkatkan jurang gaji jantina pada mulanya, dan kemudian akan berkurangan.

Chunyu, Qi dan Lishuang (2008) telah mengkaji Ekonomi Baru bagi Migrasi Buruh (NELM) di barat laut Guangxi, China serta menyiasat hubungan di antara migrasi luar bandar ke bandar, pendapatan isi rumah luar bandar serta dalam konteks geografi tempatan. Sebanyak 236 soal selidik telah diedarkan dari empat buah kampung, Daxin, Lixin, Longhe dan Yongchang. Hasil kajian mendapati kadar penghijrahan penduduk berbeza dari 50% kepada 86% manakala dari kadar kiriman wang kepada isi rumah adalah di antara 30% hingga 80%. Bagi penduduk di kampung Yongchang, keluasan tanah pertanian di kawasan ini adalah paling sedikit berbanding dengan kampung-kampung lain. Justeru itu, pendapatan kiriman wang dilihat memainkan peranan yang penting kepada pendapatan isi rumah di kampung tersebut. Selain itu hasil kajian mendapati bahawa sumbangan kiriman wang kepada isi rumah adalah berhubungan negatif dengan sumber pendapatan tempatan iaitu pertanian.

Li, Yang, Jin dan Feldman (2006) telah menganalisis hubungan antara jantina migran yang sudah berkahwin serta penyediaan selepas mereka bermigrasi dari sudut

bantuan kewangan kepada ibu bapa bukan tanggungan mereka. Dengan menggunakan borang kaji selidik, hasil kajian mendapati selepas bermigrasi, migran perempuan mungkin meningkatkan sokongan kewangan mereka kepada ibu bapa mertua mereka, tetapi kedua-dua Migran lelaki dan perempuan memberikan lebih banyak memberi sokongan kewangan kepada ibu bapa kandung mereka.

Roy dan Debnath (2009) telah mengkaji kesan pelbagai faktor ekonomi serta bukan ekonomi pada migrasi bersih dan juga melihat kesan migrasi bersih ke atas tahap pembangunan ekonomi di 15 negeri utama India. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuasa dua terkecil. Hasil kajian mendapati migrasi bersih secara positifnya dipengaruhi oleh tahap pendapatan per kapita dan tahap infrastruktur jalan raya, serta secara negatifnya dipengaruhi oleh kadar pengangguran serta kos sara hidup. Bagi pemboleh ubah lain iaitu kadar jenayah, hasil kajian mendapati pemboleh ubah ini didapati tidak penting sebagai penentu migrasi. Ini menunjukkan bahawa orang yang berhijrah dari satu negeri ke negeri yang lain tidak berkaitan risiko hidup dan mereka agak mengambil berat tentang keperluan asas kehidupan. Seterusnya bagi hubungan pembangunan migrasi pula, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pembangunan adalah positif dikaitkan dengan migrasi bersih. Penemuan ini menyokong kenyataan yang bersifat kontroversi bahawa migrasi adalah berfaedah kepada pembangunan serta tidak ada sebab untuk menaikkan suara terhadap pergerakan manusia dalam konteks ekonomi India.

Manakala Deb dan Seck (2009) telah mengukur migrasi pulang ke kawasan asal berdasarkan maklumat yang belum di uji. Kajian ini melibatkan dua kawasan iaitu Indonesia dan Mexico. Kaedah yang digunakan dalam kajian mereka ialah kaedah

ujian kuasa dua terkecil dengan menggunakan data panel bagi kedua-dua negara ini. Hasil kajian mendapati wujud keputusan yang konsisten terhadap keseimbangan migrasi bagi kedua-dua negara. Penghijrahan yang berlaku telah meningkatkan status sosioekonomi melalui peningkatan pendapatan tetapi ia mungkin akan menjejaskan status kesihatan migran tersebut.

Mariangela dan Oreste (2009) telah melihat aliran migrasi di Itali dengan menggunakan pendekatan GMM dari tahun 1985 hingga tahun 2006. Hasil kajian mendapati faktor penentu seperti gabungan pemboleh ubah ekonomi, alam sekitar serta demografi telah menjelaskan kelakuan aliran migrasi di Itali. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh mereka terhadap model tradisional H-T untuk menerangkan aliran berbeza di antara tahun 1985 hingga tahun 1995 dan tahun 1995 hingga tahun 2006 mendapati bahawa wujud perbezaan serantau dan kenaikan mendadak dari segi kadar pengangguran dan pendapatan per kapita bagi kedua-dua tempoh masa tersebut.

Sementara itu di Amerika Syarikat, kajian yang dijalankan oleh Krieg (1997) adalah untuk melihat perbezaan pendapatan yang diperoleh antara suami isteri selepas berhijrah dan faktor-faktor yang telah mempengaruhi. Kaedah panel data di antara tahun 1981 hingga tahun 1987 telah digunapakai dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati pendapatan suami meningkat selepas berhijrah manakala pendapatan isteri adalah berkurangan walaupun mempunyai pendidikan yang tinggi. Cebula (2005) telah mengkaji kesan migrasi masuk kasar ke dalam negeri di Amerika Syarikat bagi tempoh antara tahun 1999 hingga tahun 2002 disebabkan oleh faktor ekonomi dan bukan ekonomi. Kaedah yang digunapakai dalam kajian ini adalah

ujian kuasa dua terkecil. Kajian mendapati anggaran empirikal menunjukkan bahawa migrasi masuk kasar bagi negeri dijangka akan meningkatkan purata pendapatan per kapita dan seterusnya mengurangkan kos purata hidup. Perbezaan kadar pengangguran antara negeri dilihat tidak memberi kesan kepada migrasi kasar.

Jika dilihat kepada hubungan yang wujud di antara migrasi dalaman dengan kemiskinan pula, Rodriguez (2011) telah membincangkan beberapa hipotesis umum di kawasan Amerika Latin dan Carribean serta menyediakan bukti untuk menilai kesahihan setiap hipotesis tersebut. Hasil kajian mendapati wujud kesan langsung yang besar di antara migrasi dari kawasan asal serta destinasi dengan jumlah penduduk di kawasan tertentu. Secara umumnya, migrasi cenderung untuk menggalakkan penyatuan di antara wilayah terutamanya dari segi pertumbuhan demografi, kebiasaannya kawasan yang lebih maju dari segi peralihan demografi telah menjadi tarikan migran untuk berhijrah. Walau bagaimanapun, migrasi juga dilihat memberi kesan kepada struktur penduduk melalui komposisi sosio demografi dari daerah yang berbeza. Kepelbagaian arah aliran migrasi dalaman memerlukan pendekatan dengan pelbagai dasar, program serta langkah-langkah untuk menangani isu yang berbeza.

Selain itu dalam kajian yang dijalankan oleh Chowdhury, Haque, Kamal, Islam, Khan, Islam dan Uddin (2012), mereka cuba untuk menentukan faktor-faktor migrasi dalaman serta menilai kesannya terhadap status sosio-ekonomi migran di kawasan bandar Sylhet, Bangladesh. Hasil kajian mendapati penduduk yang dipaksa untuk berhijrah ke bandar Sylhet ini disebabkan oleh keadaan mereka yang miskin. Selain itu, faktor tarikan lain juga menjadi penyebab kepada penghijrahan ini. Migrasi

dalam secara positif menjadi penyumbang kepada pembangunan orang miskin dan faktor-faktor seperti pendapatan isi rumah, pemilikan tanah, kemudahan air bersih serta lain-lain kemudahan dilihat jauh lebih baik selepas mereka membuat keputusan untuk berhijrah dari kawasan luar bandar ke bandar. Justeru itu, penghijrahan yang berlaku ini telah meningkatkan taraf sosioekonomi golongan migran di Bangladesh.

Marshall dan Rahman (2012) telah menganalisis punca dan dinamik migrasi dalam negeri yang berlakui serta peranan spesifik yang dimainkan oleh tiga faktor iaitu kehidupan serta ekonomi, kualiti perkhidmatan awam serta kehadiran keadaan persekitaran yang mencabar di Bangladesh. Sebanyak sebelas daerah dari kawasan bandar dan luar bandar Bangladesh dijadikan kawasan kajian dengan menggunakan data dari tahun 1991 sehingga tahun 2011. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang penting dalam kehidupan serta peluang bagi faktor ekonomi dan terdapat bukti di mana wujud korelasi negatif di antara tahap kemiskinan dengan perubahan penduduk di peringkat daerah. Dari segi kualiti perkhidmatan awam pula, hasil kajian mendapati bahawa pertumbuhan penduduk di Bangladesh adalah sejajar dengan purata pertumbuhan negara namun tidak wujud hubungan di antara indeks perubahan kualiti perkhidmatan dengan pertambahan penduduk. Selain itu dari segi kehadiran keadaan persekitaran yang mencabar di Bangladesh, hasil kajian mendapati bahawa daripada tiga kawasan iaitu Hoar, Monga dan persisir pantai Belt, hanya satu kawasan pantai yang menunjukkan aliran keluar migran.

Gransow (2012) pula telah memberikan gambaran keseluruhan tentang tempat tumpuan migrasi dari kawasan luar bandar-bandar di China. Persoalan utama yang dibangkitkan dalam kajian ini ialah sejauh mana pusat tumpuan tersebut

menawarkan peluang kepada penduduk luar bandar yang miskin di China. Hasil kajian mendapati migrasi dalaman di China telah memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan pendapatan isi rumah luar bandar dan salah satu cara untuk mengurangkan kemiskinan luar bandar. Sejak permulaan abad ke-21, kerajaan China telah membuat penganiayaan ke atas penduduk migran ini dengan tidak membayar upah atau membayar gaji yang rendah. Di bawah tekanan daripada orang ramai, maka pada tahun 2003, sistem paksaan migran ke kampung-kampung telah dimansuhkan dan pembaharuan institusi mengenai soal keselamatan sosial serta sistem Hokou telah dijalankan. Usaha-usaha ini diliaht telah bercanggah dengan kepentingan kerajaan tempatan, pentadbiran bandar serta pemegang istimewa sistem Hokou bandar disebabkan oleh pembaharuan sistem tersebut.

Di Indonesia, Santoso (2009) telah mengkaji pola dan arus migrasi di kawasan Sumatera Utara melibatkan arus migrasi, urbanisasi, daerah asal serta tujuan penduduk bermigrasi. Kaedah yang digunakan dalam kajian Beliau adalah pengedaran borang soal selidik dan juga data sensus tahun 1995. Hasil kajian mendapati migrasi, urbanisasi dan krisis ekonomi yang berlaku di kawasan Sumatera utara telah menyebabkan berlakunya perubahan terhadap kehidupan masyarakat di kawasan tersebut. Selain itu, penambahan jumlah keluarga miskin, jumlah penduduk bermigrasi, tahap urbanisasi di kawasan Sumatera Utara serta krisis ekonomi yang berlaku telah menyebabkan berlakunya penurunan tahap kesihatan masyarakat di kawasan tersebut.

Di Mesir, Zohry (2005) telah melihat hubungan di antara migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa di Mesir. Kaedah temubual ke atas 34 orang responden telah

dijalankan dan hasil kajian mendapati migrasi dalaman kurang cenderung untuk terlibat dengan migrasi antarabangsa kerana kaum keluarga menghantar anak-anak muda di kawasan luar bandar untuk berhijrah ke kawasan bandar kerana ia merupakan satu alternatif yang menjimatkan kos di samping dapat melarikan diri dari kemiskinan di luar bandar. Manakala dalam kajian Zohry (2009), Beliau telah meneroka kesan migrasi dalaman serta migrasi antarabangsa terhadap pembangunan di Mesir. Sebanyak 10 orang responden telah ditemubual dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati kedua-dua migrasi dalaman dan antarabangsa yang berlaku di Mesir adalah bertujuan untuk mengelak daripada kemiskinan. Selain itu, migrasi merupakan salah satu strategi untuk memperbaiki taraf hidup iaitu dengan mengurangkan risiko dan memaksimumkan manfaat kehidupan.

Siddiqui (2012) telah mengkaji kesusasteraan pada migrasi di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika Selatan, Afrika Timur serta Afrika Barat dengan mengetengahkan kerumitan corak penghijrahan dan kesan terhadap migrasi yang berlaku. Hasil kajian mendapati Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika Selatan, Afrika Timur serta Afrika Barat. Penduduk miskin biasanya lebih cenderung kepada migrasi dalaman. Jika dilihat kepada kesan migrasi kepada keluarga, hasil kajian mendapati penduduk yang berhijrah sebenarnya menjadi tulang belakang kepada keluarga bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Selain itu, masyarakat asal di sesuatu kawasan merupakan elemen penting dalam identiti migran dan migran dilihat lebih menyumbang kepada kebajikan masyarakat dengan lebih meluas. Dan jika dilihat kepada kesan migrasi terhadap ekonomi tempatan, hasil kajian mendapati pengiriman wang migran Asia serta Afrika boleh mewujudkan kesan pengganda dalam ekonomi luar bandar dan penyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Pantiru, Black dan Sabates-Wheeler (2007) telah memberikan gambaran keseluruhan mengenai penghijrahan dan kemiskinan di Moldova. Hasil kajian mendapati pengawalan migrasi tidak boleh dijadikan tumpuan utama dalam dasar kerajaan kerana keadaan ekonomi di Moldova adalah negatif serta kadar pengangguran dan kemiskinan yang tinggi. Salah satu cara untuk memperbaiki taraf hidup ini adalah dengan membuat pelaburan dalam bidang pekerjaan di Moldova termasuklah membangunkan perusahaan industri kecil dan sederhana (IKS) di sini. Bagi kajian yang dijalankan oleh Black dan Sward (2009) ke atas negara miskin, mereka telah memberi tumpuan kepada soalan khusus tentang bagaimana Strategi Pembasmian Kemiskinan Kertas (PRSP) di lokasi penghijrahan dan potensinya untuk meningkatkan pembangunan insan di peringkat kebangsaan. Sebanyak 59 negara yang dikategorikan sebagai negara miskin telah dikaji dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati migrasi dalaman merupakan salah satu langkah mudah untuk golongan miskin memperbaiki taraf hidup dan wujud hubungan negatif di antara penghijrahan dengan kemiskinan di luar bandar.

3.3.5 Migrasi, Pengangguran dan Penyertaan Tenaga Buruh

Dalam kajian yang dijalankan oleh Gimba dan Kumshe (2001), mereka memberi tumpuan kepada punca dan kesan migrasi dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar di negeri Borno dengan merujuk kepada Kota Metropolitan Maiduguri bagi meneliti status sosio-ekonomi migran tersebut. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 150 orang responden dan hasil kajian mendapati kadar migrasi luar bandar ke bandar adalah membimbangkan pada beberapa tahun kebelakangan ini kerana berlakunya kepadatan penduduk serta kepupusan sumber semulajadi di kawasan metropolitan ini. Bagi Tsafack-Nanfosso dan Zamo-Akono (2009), tujuan kajian

yang dijalankan oleh mereka adalah untuk menilai kepentingan perbezaan upah antara migran dan bukan Migran serta menentukan sumbangan merak di Yaoundé serta Douala, dua bandar antarabangsa di Cameroon. Sebanyak 3585 orang responden telah di ambil maklumat dan hasil kajian mendapati bahawa penghijrahan adalah berhubung negatif dengan penyertaan buruh. Perbezaan gaji yang wujud juga dilihat bukan menjadi penyebab kepada keputusan migrasi untuk berhijrah di Cameroon.

Di Britain, Andrews, Clark dan Whittaker (2008) telah mengkaji penentu penghijrahan penduduk dengan membuat analisa maklumat yang diperoleh daripada British Household Panel Survey (BHPS). Kawasan kajian tertumpu di Great Britain dengan menggunakan kaedah temubual, soal selidik serta menganalisis data yang sedia ada. Model tempoh masa digunakan dan data yang diperoleh ialah pada tahun 1991 hingga 2004. Hasil kajian mendapati pekerja yang lebih tua kurang cenderung untuk berhijrah manakala pekerja yang mempunyai pendidikan yang tinggi lebih cenderung untuk beralih arah. Long (2005) pula meneliti proses pemilihan dan pembaikan kesan migrasi serta kawalan untuk keputusan bermigrasi di Britain. Kajian ini menggunakan kaedah ujian kuasa dua terkecil dan ujian probit. Hasil kajian mendapati migran memberi tindak balas terhadap isyarat pasaran dan pasaran buruh sebahagiannya adalah cekap. Walau bagaimanapun, tidak semua keuntungan daripada migran dieksploitasi, ia juga berpotensi untuk berada pada tahap ketidakcekapan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ping dan Shaohua (2005) di negara China, mereka telah menekankan tentang hubungan di antara migrasi dan pembangunan

serta pembasmian kemiskinan. Kaedah yang digunapakai dalam kajian mereka adalah berbentuk pemerhatian/kajian lepas. Hasil kajian mendapati bahawa penghijrahan buruh dalaman boleh memberi kesan positif terhadap pembangunan serta pembasmian kemiskinan di kawasan asal di China. Bagi Zhang dan Meng (2010), mereka telah mengkaji hubungan sebab akibat di antara migrasi luar bandar ke bandar dan hasil pasaran buruh pekerja tempatan bandar 'di bandar-bandar China. Sampel kajian ini adalah dari tahun 1990 hingga tahun 2004 dan hasil kajian mendapati migrasi luar bandar ke kawasan bandar China memberi kesan yang sederhana positif terhadap penyertaan tenaga buruh dan tidak memberi kesan kepada pendapatan pekerja yang berasal dari bandar. Seterusnya hasil kajian mendapati bahawa wujudnya peningkatan arah aliran masuk migran ke kawasan bandar.

Chan (2011) pula telah membincangkan tentang kepentingan migrasi dalaman dalam mengurangkan jurang ekonomi serantau serta mencadangkan lebih banyak pembaharuan sistem hukou bagi membantu menggalakkan penghijrahan serta melindungi hak-hak Migran 'di China. Hasil kajian mendapati sisten Hokou masih lagi memainkan peranan yang penting dalam menentukan serta memahami konsep migrasi dalaman. Bilangan migrasi bertambah sejak awal tahun 1980an, semakin meningkat dengan pesat pada separuh tahun pertama 1990an, dan meningkat lagi pada awal abad ke-21. Dan pada akhir tahun 2008, saiz pekerja migran luar bandar telah mencecah angka 140 juta. Bagi corak demografi migrasi, analisis yang telah dijalankan oleh Beliau mengesahkan penemuan sebelum ini bahawa terdapat peningkatan migran jarak jauh dan ianya didorong oleh faktor perbezaan gaji antara

wilayah serta pembangunan ekonomi yang mengandungi pusat-pusat pertumbuhan ekonomi China.

Di Malaysia, Syarisa yanti (2002) telah melihat kesan krisis ekonomi kepada penghijrahan pekerja di Malaysia di samping mengkaji dasar serta tindakan yang perlu di ambil oleh pihak tertentu setelah berlakunya krisis ekonomi. Hasil kajian mendapati bahawa krisis ekonomi yang berlaku ini telah memberi kesan kepada buruh untuk berhijrah akibat kelembapan ekonomi, dasar baru kerajaan serta kekurangan tekanan sosial. Eksploitasi yang berlaku dilihat telah memberi tekanan kepada migrasn sehingga menyebabkan kualiti hidup migran di kawasan asal agak kurang memberangsangkan. Manakala Yusnita Sari (2009) telah melihat perkembangan migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa di indonesia terutamanya di Pulau Sumatera. Hasil kajian mendapati faktor ekonomi bukanlah menjadi penyebab kepada penghijrahan yang berlaku di Indonesia. Pembangunan pesat yang berlaku di Pulau Sumatera telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sehingga keinginan penduduk di Pulau Sumatera untuk berhijrah ke kawasan lain dilihat menurun.

Damane (2011) telah melihat kesan migrasi luar bandar ke bandar di Lesotho kepada pendapatan isi rumah serta penyertaan tenaga buruh. Hasil kajian menunjukkan bahawa penghijrahan dan pengalaman kerja tidak memberi kesan yang besar terhadap keinginan seseorang individu itu untuk bekerja di sektor formal. Selain itu, hasil kajian juga mendapati semakin tinggi tahap pendidikan seseorang itu maka semakin tinggi peluang mereka untuk bekerja dalam sektor formal di kawasan bandar. Lebih 50% daripada tenaga kerja di Lesotho bekerja di kawasan bandar


dalam sektor tidak formal dan kajian menunjukkan bahawa kekurangan pekerja di sektor formal Lesotho ini telah menyebabkan pekerjaan di sektor tidak formal berkembang maju.

Sementara itu di Mexico, Bullington (2002) telah mengkaji faktor-faktor yang memberi kesan kepada aliran migrasi dalam negeri di Mexico dengan menggunakan model graviti bagi mempertimbangkan kesan relatif bagi pelbagai faktor migrasi. Sebanyak 2,016 responden dari 32 buah negeri di Mexico telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa umur, jarak di antara negeri, latar belakang pendidikan, sektor pekerjaan serta tahap pendapatan telah memberi kesan tersebar ke atas keputusan individu untuk berhijrah.

Silva (2013) pula ingin mengkaji hubungan di antara pengeluaran pertanian serta migrasi dari bandar ke kawasan luar bandar melalui pembangunan, pengeluaran pertanian serta penghijrahan bagi menjelaskan penghijrahan luar bandar di Sri Lanka. Kaedah keanjalan telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan data dari tahun 2005 hingga tahun 2010 serta temubual melalui kumpulan fokus. Hasil kajian mendapati bahawa kadar celik huruf, penggunaan baja serta racun perosak dan kaedah pengeluaran memberi kesan yang besar terhadap produktiviti pertanian. Struktur umur juga dilihat telah memberi kesan kepada migrasi dalaman dari luar bandar ke bandar. Pengurangan perbezaan sumber ekonomi dilihat mampu mengawal penghijrahan buruh dalaman ke bandar.

Sementara itu di Thailand, Badaoui, Strobl dan Walsh (2013) telah menganggarkan kesan migrasi dalaman dalam pasaran buruh di Thailand. Mereka telah

menggunakan data kaji selidik buruh di Thailand dari tahun 1991 sehingga tahun 2000. kaedah yang digunakan dalam kajian mereka adalah ujian kuasa dua terkecil (OLS). Hasil kajian mendapati wujud hubungan yang positif bagi pendapatan buruh lelaki. sebaliknya wujud kesan negatif yang kuat bagi pasaran buruh wanita kerana pihak majikan telah mengurangkan pendapatan serta mengurangkan jam bekerja mereka. Jitjan, Ieamvijarn dan Rittidech (2009) pula telah mengkaji status serta latar belakang migrasi buruh dalam penanaman getah, status semasa kemahiran buruh di ladang-ladang getah, strategi pembangunan kemahiran tenaga kerja dan pembangunan ekonomi masyarakat tempatan di Thailand. Kajian ini melibatkan enam buah kampung dan enam buah daerah di Thailand dengan menggunakan kaedah temubual terhadap 228 orang responden. Hasil kajian mendapati penghijrahan buruh telah mengubah produk pertanian. Ramai migran telah berhijrah semula dari kawasan selatan ke kawasan timur laut Thailand bagi membangunkan aktiviti penanaman getah ini.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Di Amerika Syarikat, Boustan, Fishback dan Kantor (2010) telah menyiasat sebab dan akibat kesan daripada migrasi di pasaran buruh tempatan. Kaedah kajian yang digunapakai dalam kajian ini adalah ujian kuasa dua terkecil dan data yang digunakan adalah dari tahun 1935 hingga tahun 1940. Hasil kajian mendapati migrasi memberi kesan yang kecil kepada pendapatan penduduk setiap jam sebaliknya migrasi mendorong beberapa penduduk untuk berhijrah bagi mengurangkan minggu bekerja dan berehat. Jika dilihat daripada 10 kedatangan migran, 1.9% penduduk akan berpindah keluar, 2.1% dihalang daripada berehat dan 1.9% lagi beralih dari sepenuh masa ke separuh masa bekerja. Kekurangan tindak balas gaji untuk migrasi masuk adalah konsisten dengan kehadiran upah tegar yang

semakin berkurangan kesan dari kemelesetan. Borjas (2006) pula telah melihat sejauhmana penghijrahan penduduk mempengaruhi penetapan struktur gaji serta tingkah laku migrasi dalaman bagi buruh di pasaran buruh Amerika Syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa kesan penghijrahan dikaitkan dengan pertumbuhan migrasi masuk yang rendah, pertumbuhan migrasi keluar yang tinggi serta penurunan dalam kadar pertumbuhan tenaga kerja asal. Tindak balas kesan penghijrahan asal adalah lemah jika diikut dari kesan penghijrahan ke atas tingkat upah di dalam pasaran buruh tempatan.

Bagi Monras (2014), Beliau telah mengkaji keputusan penghijrahan yang wujud di peringkat tempatan iaitu di kawasan metropolitan Amerika Syarikat. Sebanyak 263 kawasan metropolitan telah diambil kira dalam kajian Beliau dan data yang digunakan dalam kajian tersebut adalah dari tahun 2005 sehingga tahun 2011. Hasil kajian mendapati penduduk sukar untuk meninggalkan kawasan yang dianggap popular untuk berhijrah ke kawasan yang mengalami krisis. Keadaan ini penting bagi mengelakkan kekurangan bekalan buruh di kawasan metropolitan. Dari segi kemahiran, pekerja yang kurang berkemahiran lebih cenderung untuk menganggur berbanding pekerja yang berkemahiran tinggi. Justeru itu, pergerakan dalaman yang berlaku dapat mengurangkan kejutan negatif di pasaran buruh Amerika Syarikat. Piyapromdee (2014) pula telah melihat kesan penghijrahan kepada kumpulan yang berbeza pekerjaan dengan mengambil kira tindak balas pemindahan akaun di Amerika Syarikat. Anggaran keseimbangan model digunakan dalam kajian ini dan data yang digunakapai adalah dari tahun 1980, 1990, 2000 dan 2007. Beliau juga telah membangunkan serta menganggarkan model keseimbangan buruh mengikut tahap kemahiran, jantina, pengalaman dan kemahiran. Hasil kajian mendapati

berlakunya peningkatan sebanyak 30% bagi stok migran yang telah memberi kesan kecil ke atas tingkat upah dan kebajikan penduduk di kawasan asal.

Di Uganda, Strobl dan Valfort (2013) telah membuat penganggaran tentang iklim migrasi dalaman dalam mempengaruhi peluang pekerjaan penduduk tempatan di kawasan destinasi. Hasil kajian mendapati wujud kesan negatif di antara migrasi dalaman dengan penyertaan buruh di mana sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 10% bagi kadar penghijrahan bersih disebabkan oleh faktor iklim, maka pengambilan tenaga kerja penduduk asal akan berkurangan sebanyak 10%. Sementara itu, Saracoglu dan Roe (2013) telah mengkaji hubungan di antara pertumbuhan KDNK, ketidakseimbangan serantau serta penghijrahan dari kawasan luar bandar ke bandar bagi negara sedang membangun dengan menggunakan model pertumbuhan neoklasik berbilang daerah. Hasil kajian mendapati wujud sumbangan yang positif dan pengagihan semula pertumbuhan tenaga kerja antara wilayah secara keseluruhannya di samping mengambil kira penghijrahan buruh antara wilayah.

Di Afrika Selatan pula, Cornwell & Inder (2004) telah melihat tentang keadaan pengangguran di Afrika Selatan sama ada migran yang berasal dari luar bandar dan berhijrah ke kawasan bandar akan menjadi menganggur, bekerja dalam sektor tidak formal atau merupakan tenaga buruh sepenuhnya berbanding penduduk asal. Dengan menggunakan data kaji selidik isi rumah pada tahun 1993-1994 beserta model Harris-Todaro, hasil kajian mendapati wujud perbandingan di antara pencari kerja bukan migran di mana migran yang mencari pekerjaan formal dengan baik, maka risiko untuk menjadi penganggur adalah kurang.

Bagi kajian yang dijalankan oleh McCatty (2004) ke atas Negara Bolivia dan Peru pula, Beliau telah menganalisis model migrasi luar bandar ke bandar serta membangunkan kadar nisbah migrasi. Hasil kajian mendapati migran luar bandar Peru lebih berpendidikan daripada penduduk bandar dan mempunyai latar belakang yang lebih baik dan keadaan ini berbeza dengan Bolivia. Keadaan seperti ini terjadi kerana kerajaan Peru telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk pendidikan di luar bandar tetapi peluang pekerjaan di kawasan luar bandar didapati berkurang sehingga menyebabkan ramai penduduk Peru di luar bandar menganggur.


Sementara itu dalam kajian yang dijalankan oleh Awuse dan Tandoh-Offin (2014) di Ghana, Beliau telah mengkaji tentang bagaimana penghijrahan dalaman boleh digunakan untuk menggalakkan pembangunan di Ghana. Sebanyak 800 borang soal selidik telah diedarkan di tujuh kawasan bandar dan luar bandar Ghana. Hasil kajian mendapati wujud hubungan positif di antara migrasi dalaman dengan pembangunan sosio-ekonomi serta wujudnya peluang pekerjaan di kawasan destinasi.

Berdasarkan dapatan kajian lepas empirikal, hasil kajian mendapati terdapat kekurangan kajian yang melibatkan hubungan di antara migrasi dalaman dengan faktor pelaburan serta hubungan migrasi dalaman dengan pengangguran. Kaedah yang digunakan dalam kajian lepas pula lebih tertumpu kepada pengedaran borang soal selidik. Walaupun ada kajian yang bersifat makro telah dijalankan seperti 32 buah negeri di Mexico serta 100 buah kampung di China, namun di Malaysia, masih kurang lagi kajian bersifat makro dan berfokus kepada negeri dijalankan. Justeru itu, kajian ini cuba untuk menggabungkan kesemua pemboleh ubah iaitu migrasi masuk, populasi, pelaburan asing, pelaburan domestik, pendapatan isi rumah, pengangguran,

kemiskinan serta penyertaan tenaga buruh bagi setiap negeri di Malaysia dengan menggunakan data siri masa 33 tahun dengan menggunakan kaedah penganggaran kuasa dua terkecil (OLS), sebab-akibat, ARDL dan melihat unjuran migrasi masuk sehingga tahun 2020.

3.4 Rumusan

Dalam bab ini, teori-teori yang berkaitan dengan migrasi dalaman telah dibincangkan dengan lebih lanjut seperti teori model graviti/hukum migrasi, teori neoklasik, teori membuat keputusan Lee, dan teori Zelinky. Hasil kajian-kajian lepas juga turut diberi perhatian dan telah dipecahkan kepada lima bahagian iaitu i) faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman, ii) migrasi dan populasi penduduk, iii) migrasi dan pelaburan, iv) migrasi, pendapatan isi rumah dan kemiskinan, dan v) migrasi, pengangguran dan penyertaan tenaga buruh.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB EMPAT

METODOLOGI

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, fokus perbincangan adalah mengenai teori-teori yang berkaitan dengan migrasi dan juga teori yang akan diaplikasikan dalam kajian ini. Secara umumnya, teori-teori ini telah dikemukakan sejak sedekad yang lalu dan teori-teori itu masih lagi diguna pakai hingga ke hari ini. Selain itu, kaedah yang akan digunakan sepanjang kajian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Berdasarkan objektif yang telah disenaraikan dalam bab satu, pemboleh ubah yang berkaitan dengan kajian telah dipilih dan fungsi persamaan yang bersesuaian telah dibentuk. Empat kaedah utama akan digunakan sepanjang kajian ini iaitu model graviti, kaedah sebab-akibat (*Granger-Causality*), model Autoregresi Lat Tertabur (*Autoregressive Distributed Lag, ARDL*) dan kaedah unjuran (*forecasting*). Keempat-empat kaedah ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab empat ini. Selain itu, kerangka kajian juga turut dibincangkan dalam bab ini.


4.2 Kerangka Kajian

Kerangka kajian ini dihasilkan berdasarkan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Secara umumnya, bagi kajian ke atas faktor yang mempengaruhi migrasi, ia merangkumi beberapa faktor seperti faktor ekonomi, sosial, dasar kerajaan dan bencana alam. Wujud kesan positif dan kesan negatif akibat migrasi ke atas kawasan asal dan kawasan destinasi. Bagi kesan positif, masalah pengangguran dan kemiskinan di tempat asal dapat dikurangkan apabila penduduk mula berhijrah

keluar. Selain itu, masalah kekurangan tenaga kerja di kawasan destinasi dapat di atasi melalui kemasukan penduduk luar ke kawasan tersebut. Namun begitu, migrasi juga memberikan kesan negatif kepada kawasan destinasi dan kawasan asal seperti kawasan asal kehilangan tenaga kerja profesional dan juga berlakunya persaingan kerja di kawasan destinasi.

Migrasi penduduk juga secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi kawasan destinasi dan juga proses pambandaran di kawasan tersebut. Bagi kesan pertumbuhan ekonomi, sekiranya pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut kukuh maka ia akan menarik minat pelabur asing dan juga membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk kawasan tersebut. Dasar kerajaan juga dilihat memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi sesuatu kawasan di mana apabila kerajaan melaksanakan sesuatu dasar dan pembukaan tanah-tanah rancangan, maka dilihat ekonomi kawasan tersebut diperbaiki. Pertumbuhan ekonomi yang baik dan peluang pekerjaan yang banyak dilihat dapat mengatasi masalah kemiskinan dan pengangguran.

Bagi kesan ke atas pambandaran, migrasi ke kawasan destinasi seperti Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang telah berjaya menjadikan kawasan-kawasan tersebut membangun dan mempunyai pelbagai kemudahan infrastruktur. Perumahan terancang juga dilihat banyak didirikan di kawasan pambandaran walaupun masih terdapat rumah-rumah setinggan di tengah-tengah bandar metropolitan. Justeru itu, rajah 4.1 merupakan kerangka kajian migrasi dalaman dan hubungannya dengan pemboleh ubah makroekonomi di Malaysia yang akan diguna pakai dalam kajian ini.



Rajah 4.1

Kerangka Kajian Migrasi Dalam dan Hubungannya Dengan Pemboleh Ubah Makroekonomi di Malaysia

Setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian iaitu migrasi masuk, populasi, pelaburan asing, pelaburan domestik, pendapatan per kapita, pengangguran, kemiskinan dan jumlah guna tenaga mempunyai ukurannya yang tersendiri. Justeru itu, jadual 4.1 menunjukkan definisi dan ukuran pemboleh-pemboleh ubah berikut.

Jadual 4.1

Definisi dan Ukuran Pemboleh Ubah Kajian Migrasi Dalam dan Hubungannya Dengan Pemboleh Ubah Makroekonomi di Malaysia

Pemboleh Ubah	Definisi	Ukuran
Migrasi Masuk, (MM)	Mereka yang berhijrah dari kawasan lain dan tinggal di negeri yang dinyatakan	Nisbah Per 1000 Penduduk
Populasi Penduduk, (POP)	Jumlah keseluruhan penduduk yang tinggal di sesuatu kawasan	Jumlah (Orang)
Pelaburan Asing, (FDI)	Pelaburan yang dibuat oleh pihak dari negara luar	Ringgit Malaysia (RM)
Pelaburan Domestik, (DI)	Pelaburan yang dilaburkan oleh pihak kerajaan atau oleh pihak swasta (pelabur dalam negara)	Ringgit Malaysia (RM)
Pendapatan Isi Rumah, (HHI)	Purata pendapatan kasar bulanan isi rumah	Ringgit Malaysia (RM)
Pengangguran, (UN)	Mereka yang sedia mencari pekerjaan tetapi belum memperoleh pekerjaan	Jumlah (Orang)
Kemiskinan, (POV)	Pendapatan bulanan sesebuah isi rumah adalah kurang daripada PGK	Insiden kemiskinan (peratus)
Penyertaan Tenaga Buruh, (TB)	Mereka yang berumur antara 15 hingga 64 tahun sama ada sedang bekerja atau sedang mencari pekerjaan.	Jumlah (Orang)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013; Unit Perancangan Ekonomi, 2013

4.3 Metodologi Kajian

Migrasi yang berlaku di Malaysia bermula sejak sebelum merdeka lagi dan kebiasaannya migrasi ini dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut. Secara logiknya, apabila sesuatu kawasan itu berkembang maju dan juga kadar pertumbuhannya tumbuh dengan pesat, maka migrasi penduduk ke kawasan berkenaan berlaku. Migrasi ke kawasan desa dan pinggir bandar juga turut berlaku dengan pesat sejak kebelakangan ini. Ada juga sesetengah penduduk yang tinggal di kawasan pinggir bandar namun masih bekerja di kawasan bandar. Kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan ramai penduduk lebih suka berhijrah ke kawasan pinggir bandar tetapi sanggup berulang alik ke tempat kerja di bandar kerana pendapatan di bandar adalah lebih lumayan.

Justeru itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan di antara migrasi dalaman dengan pemboleh ubah makroekonomi yang berlaku di Malaysia. Analisis kajian ini menggunakan data siri masa berbentuk tahunan dan melibatkan 13 buah negeri (Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Maklumat migrasi penduduk di Wilayah Persekutuan Putrajaya tidak di ambil kira di dalam kajian ini kerana penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah kurang daripada 30 tahun (mula ditubuhkan pada 1 febuari 2001) manakala maklumat migrasi dalaman yang berlaku di Wilayah Persekutuan Labuan pula telah dimasukkan ke dalam negeri Sabah kerana sebelum penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan ini pada 16 April 1984, Wilayah Persekutuan ini berada di dalam negeri Sabah. Justeru itu, data statistik bagi Wilayah Persekutuan Labuan di ambilkira di dalam data statistik negeri Sabah.

Data statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah bermula dari tahun 1980 hingga tahun 2012. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 hingga 1990 telah mempengaruhi keputusan penduduk untuk berhijrah bagi memperbaiki taraf hidup. justeru itu, data statistik bermula dari tahun 1980 hingga 2012 dipilih kerana tahun 1980 hingga tahun 1990 merupakan tempoh pelaksanaan DEB manakala tempoh antara tahun 1991 hingga 2012 merupakan tempoh selepas DEB. tahun 2013 dan tahun 2014 tidak dipilih kerana wujudnya masalah kekangan data statistik bagi migrasi masuk serta data statistik bagi pemboleh-pemboleh ubah makroekonomi yang lain

Data yang digunakan adalah berbentuk sekunder yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan juga hasil rujukan dari perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia. Dengan merujuk kepada kerangka teori dalam Bab 3, teori yang dilihat bersesuaian dengan kajian ini adalah teori membuat keputusan Lee. Teori membuat keputusan Lee ini lebih menjurus kepada faktor penolak dan penarik migrasi. Berdasarkan objektif kajian, persamaan utama telah dibentuk dengan menggunakan pemboleh ubah yang sesuai iaitu:

$$MM_{it} = \beta_0 + \beta_1 POP_{it} + \beta_2 FDI_{it} + \beta_3 DI_{it} + \beta_4 HHI_{it} + \beta_5 UN_{it} + \beta_6 POV_{it} + \beta_7 TB_{it} + \varepsilon_t \quad (4.1)$$

di mana MM merupakan migrasi masuk, i merupakan negeri, t merupakan tahun, POP ialah jumlah populasi, FDI ialah pelaburan asing, DI ialah pelaburan domestik, HHI ialah jumlah pendapatan isi rumah bagi setiap negeri, UN ialah kadar pengangguran, POV ialah kadar kemiskinan, TB ialah jumlah tenaga buruh dan ε

ialah ralat. Seterusnya persamaan (4.1) ini di log bertujuan untuk mengukur keanjalan bagi kesemua pembolehubah. Jadi, persamaan (4.2) dibentuk seperti berikut:

$$\ln MM_{it} = \beta_0 + \beta_1 \ln POP_{it} + \beta_2 \ln FDI_{it} + \beta_3 \ln DI_{it} + \beta_4 \ln HHI_{it} + \beta_5 \ln UN_{it} + \beta_6 \ln POV_{it} + \beta_7 \ln TB_{it} + \ln \varepsilon_t \quad (4.2)$$

Bagi menjawab kesemua objektif kajian seperti di dalam bab 1, maka kaedah kuasa dua terkecil (*Ordinary Least Square*, OLS), kaedah sebab akibat (*granger causality*), kaedah model autoregresi lat tertabur (*Autoregressive Distributed Lag*, ARDL) dan kaedah unjuran (*forecasting*) akan digunakan. Justeru itu, persamaan (4.2) juga akan digunapakai di dalam ujian-ujian ini.

4.3.1 Prosedur Penganggaran Kuasa Dua Terkecil (*Ordinary Least Square*)

Bagi menjawab objektif 1, kaedah ujian kuasa dua terkecil (OLS) digunapakai dalam kajian ini. Tujuan penggunaan kaedah OLS ini adalah untuk melihat hubungan yang wujud di antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar (Rizaudin, 2010). Persamaan 4.2 diatas diolah bagi mendapatkan persamaan teranggar seperti didalam persamaan 4.3 dibawah:

$$\widehat{MM}_{it} = \hat{\beta}_0 + \hat{\beta}_1 POP_{it} + \hat{\beta}_2 FDI_{it} + \hat{\beta}_3 DI_{it} + \hat{\beta}_4 HHI_{it} + \hat{\beta}_5 UN_{it} + \hat{\beta}_6 POV_{it} + \hat{\beta}_7 TB_{it} \quad (4.3)$$

Ujian kuasa dua terkecil yang minimum adalah seperti berikut:

$$\sum_{i=1}^n \hat{\mu}_1^2 = \sum_{i=1}^n (MM_{it} - \widehat{MM}_{it})^2 \quad (i=1,2,3,\dots,n)$$

$$\sum_{i=1}^n \hat{\mu}_1^2 = \sum_{i=1}^n (MM_{it} - \hat{\beta}_0 - \hat{\beta}_1 POP_{it} - \hat{\beta}_2 FDI_{it} - \hat{\beta}_3 DI_{it} - \hat{\beta}_4 HHI_{it} - \hat{\beta}_5 UN_{it} - \hat{\beta}_6 POV_{it} - \hat{\beta}_7 TB_{it})^2 \quad (4.4)$$

4.3.2 Kaedah Sebab-Akibat

Bagi menjawab objektif kedua ini, terdapat beberapa ujian yang akan diaplikasikan merangkumi ujian punca unit dan ujian sebab-akibat. Ujian punca unit dilakukan bertujuan untuk melihat tahap kepegungan semua pembolehubah pada tingkat dan pembezaan pertama (Seddighi et al, 2000; Asteriou & Hall, 2007; Rizaudin, 2010). Kesemua pembolehubah yang terlibat akan diuji kepegungannya terlebih dahulu sebelum langkah seterusnya untuk melihat kointegrasi dan sebab-akibat diteruskan (Asteriou & Hall, 2007; Seddighi et al, 2000). Hipotesis bagi ujian punca unit ini ialah:

$$H_0 : \delta = 0 \text{ (wujud punca unit / tidak pegun)}$$

$$H_1 : \delta \neq 0 \text{ (tidak wujud punca unit / pegun)}$$

Bagi ujian punca unit ini, terdapat pelbagai jenis ujian yang boleh diaplikasikan namun bagi kajian ini, ujian Dickey Fuller Tambahan (ADF) 1979 akan digunakan kerana kaedah ini adalah kaedah yang popular dan sering digunakan oleh penyelidik. Kaedah ujian punca unit ADF adalah seperti berikut.

$$\Delta Y_t = \alpha_0 + \sum_{i=1}^a \phi_i Y_{t-1} + \sum_{j=1}^b \theta_j \Delta Y_{t-1} + \varepsilon_t \quad (4.5)$$

Tanpa konstan dan tren linear:

$$\Delta Y_t = \delta Y_{t-1} + \mu_t \quad (4.6)$$

Dengan konstan:

$$\Delta Y_t = \alpha + \delta Y_{t-1} + \mu_t \quad (4.7)$$

Konstan dan tren linear:

$$\Delta Y_t = \alpha + \beta T + \delta Y_{t-1} + \mu_t \quad (4.8)$$

dimana Y mewakili pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar, Δ merupakan pembezaan pertama, ε_t dan μ_t ialah ralat rawak yang pegun. Berdasarkan kepada hipotesis ujian punca unit ini, sekiranya nilai t-statistik yang diperolehi adalah lebih besar dari nilai kritikal ADF, maka hipotesis H_0 tidak akan ditolak (bermakna pembolehubah adalah tidak pegun dan wujud punca unit). Tetapi sekiranya nilai t-statistik adalah lebih kecil dari nilai kritikal ADF, maka tidak wujud punca unit (hipotesis H_0 ditolak). Ujian sebab-akibat juga turut dilakukan dalam kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan penyebab-akibat antara pembolehubah yang terlibat. Granger (1969) telah memperkenalkan ujian sebab-akibat ini dengan melihat tindakbalas antara dua pembolehubah. Manakala Sims telah memperkembangkan lagi model ini menjadi model penyebab alternatif pada tahun 1972 (Asteriou & Hall, 2007; Seddighi et al, 2000). Hipotesis bagi model penyebab-akibat ini adalah seperti berikut:

$$H_0 : \sum_{i=1}^n \beta_i = 0 \text{ atau } X_t \text{ bukan penyebab-akibat bagi } Y_t$$

$$H_1 : \sum_{i=1}^n \beta_i \neq 0 \text{ atau } X_t \text{ adalah penyebab-akibat bagi } Y_t$$

Jika pembolehubah X menjadi penyebab kepada Y dan Y juga penyebab kepada X , ini bermakna nilai lepas X membantu dalam menjangka nilai masa hadapan Y . Begitu juga dengan nilai lepas Y turut membantu dalam menjangka nilai masa depan bagi X . Berikut merupakan formula regresi bagi ujian sebab-akibat bagi dua hala (melibatkan pembolehubah X dan pembolehubah Y):

$$Y_t = \sum_{i=1}^p \sigma_i Y_{t-1} + \sum_{j=1}^q \beta_j X_{t-j} + \mu_{1t} \quad (4.9)$$

$$X_t = \sum_{i=1}^p \gamma_i Y_{t-1} + \sum_{j=1}^q \delta_j X_{t-j} + \mu_{2t} \quad (4.10)$$

dan formula bagi pengiraan ujian F (F-statistik) adalah seperti berikut:

$$F = \frac{[RSS_R - RSS_u]/m}{RSS_u/(n-k)} \quad (4.11)$$

dimana n ialah bilangan taburan dan k ialah bilangan pembolehubah. Bagi menentukan nilai F-kritikal, formula $F_{m,n-k}$ (dimana nilai k adalah bersamaan dengan $m+n+1$) akan digunakan dan ianya perlu merujuk kepada jadual taburan F. jika nilai F-statistik lebih besar dari F-kritikal, maka H_0 akan ditolak (dapat disimpulkan bahawa X_t adalah penyebab kepada Y_t dan begitu juga sebaliknya)

4.3.3 Kaedah Autoregresi Lat Tertabur (ARDL)

Kaedah autoregresi lat tertabur ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan jangka pendek dan jangka panjang antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. Jadi model asal bagi kaedah autoregrasi lat tertabur ini ialah:

$$\begin{aligned} \ln MM_t = & \alpha + \beta_1 \ln POP_t + \beta_2 \ln POP_{t-1} + \beta_3 \ln FDI_t + \beta_4 \ln FDI_{t-1} + \beta_5 \ln DI_t + \\ & \beta_6 \ln DI_{t-1} + \beta_7 \ln HHI_t + \beta_8 \ln HHI_{t-1} + \beta_9 \ln UN_t + \beta_{10} \ln UN_{t-1} + \\ & \beta_{11} \ln POV_t + \beta_{12} \ln POV_{t-1} + \beta_{13} \ln TB_t + \beta_{14} \ln TB_{t-1} + \delta_1 \ln MM_{t-1} + \mu_t \end{aligned} \quad (4.12)$$

Apabila lat masa ialah 1, maka:

$$\begin{aligned}
\ln MM_{t-1} = & \alpha + \beta_1 \ln POP_{t-1} + \beta_2 \ln POP_{t-2} + \beta_3 \ln FDI_{t-1} + \beta_4 \ln FDI_{t-2} \\
& + \beta_5 \ln DI_{t-1} + \beta_6 \ln DI_{t-2} + \beta_7 \ln HHI_{t-1} + \beta_8 \ln HHI_{t-2} \\
& + \beta_9 \ln UN_{t-1} + \beta_{10} \ln UN_{t-2} + \beta_{11} \ln POV_{t-1} + \beta_{12} \ln POV_{t-2} \\
& + \beta_{13} \ln TB_{t-1} + \beta_{14} \ln TB_{t-2} + \delta_1 \ln MM_{t-2} + \mu_{t-1}
\end{aligned}
\tag{4.12}$$

Seterusnya, gantikan MM_{t-1} iaitu persamaan (4.11) ke dalam persamaan (4.12).

Maka:

$$\begin{aligned}
\ln MM_t = & \alpha + \beta_1 \ln POP_t + \beta_2 \ln POP_{t-1} + \beta_3 \ln FDI_t + \beta_4 \ln FDI_{t-1} + \beta_5 \ln DI_t \\
& + \beta_6 \ln DI_{t-1} + \beta_7 \ln HHI_t + \beta_8 \ln HHI_{t-1} + \beta_9 \ln UN_t + \beta_{10} \ln UN_{t-1} \\
& + \beta_{11} \ln POV_t + \beta_{12} \ln POV_{t-1} + \beta_{13} \ln TB_t + \beta_{14} \ln TB_{t-1} + \delta_1 [\alpha \\
& + \beta_1 \ln POP_{t-1} + \beta_2 \ln POP_{t-2} + \beta_3 \ln FDI_{t-1} + \beta_4 \ln FDI_{t-2} \\
& + \beta_5 \ln DI_{t-1} + \beta_6 \ln DI_{t-2} + \beta_7 \ln HHI_{t-1} + \beta_8 \ln HHI_{t-2} \\
& + \beta_9 \ln UN_{t-1} + \beta_{10} \ln UN_{t-2} + \beta_{11} \ln POV_{t-1} + \beta_{12} \ln POV_{t-2} \\
& + \beta_{13} \ln TB_{t-1} + \beta_{14} \ln TB_{t-2} + \ln MM_{t-2} + \mu_{t-1}] + \mu_t
\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
\ln MM_t = & \alpha + \beta_1 \ln POP_t + \beta_2 \ln POP_{t-1} + \beta_3 \ln FDI_t + \beta_4 \ln FDI_{t-1} + \beta_5 \ln DI_t \\
& + \beta_6 \ln DI_{t-1} + \beta_7 \ln HHI_t + \beta_8 \ln HHI_{t-1} + \beta_9 \ln UN_t + \beta_{10} \ln UN_{t-1} \\
& + \beta_{11} \ln POV_t + \beta_{12} \ln POV_{t-1} + \beta_{13} \ln TB_t + \beta_{14} \ln TB_{t-1} + \delta_1 \alpha \\
& + \delta_1 \beta_1 \ln POP_{t-1} + \delta_1 \beta_2 \ln POP_{t-2} + \delta_1 \beta_3 \ln FDI_{t-1} + \delta_1 \beta_4 \ln FDI_{t-2} \\
& + \delta_1 \beta_5 \ln DI_{t-1} + \delta_1 \beta_6 \ln DI_{t-2} + \delta_1 \beta_7 \ln HHI_{t-1} + \delta_1 \beta_8 \ln HHI_{t-2} \\
& + \delta_1 \beta_9 \ln UN_{t-1} + \delta_1 \beta_{10} \ln UN_{t-2} + \delta_1 \beta_{11} \ln POV_{t-1} \\
& + \delta_1 \beta_{12} \ln POV_{t-2} + \delta_1 \beta_{13} \ln TB_{t-1} + \delta_1 \beta_{14} \ln TB_{t-2} + \delta_1 \ln MM_{t-2} \\
& + \delta_1 \mu_{t-1} + \mu_t
\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
\ln MM_t = & \alpha[1 + \delta_1] + \beta_1 \ln POP_t + (\beta_2 + \beta_1 \delta_1) \ln POP_{t-1} + \beta_3 \ln FDI_t \\
& + (\beta_4 + \beta_3 \delta_1) \ln FDI_{t-1} + \beta_5 \ln DI_t + (\beta_6 + \beta_5 \delta_1) \ln DI_{t-1} \\
& + \beta_7 \ln HHI_t + (\beta_8 + \beta_7 \delta_1) \ln HHI_{t-1} + \beta_9 \ln UN_t \\
& + (\beta_{10} + \beta_9 \delta_1) \ln UN_{t-1} + \beta_{11} \ln POV_t + (\beta_{12} + \beta_{11} \delta_1) \ln POV_{t-1} \\
& + \beta_{13} \ln TB_t + (\beta_{14} + \beta_{13} \delta_1) \ln TB_{t-1} + \delta_1 \beta_2 \ln POP_{t-2} \\
& + \delta_1 \beta_4 \ln FDI_{t-2} + \delta_1 \beta_6 \ln DI_{t-2} + \delta_1 \beta_8 \ln HHI_{t-2} + \delta_1 \beta_{10} \ln UN_{t-2} \\
& + \delta_1 \beta_{12} \ln POV_{t-2} + \delta_1 \beta_{14} \ln TB_{t-2} + \delta_1 \ln MM_{t-2} + \delta_1 \mu_{t-1} + \mu_t
\end{aligned} \tag{4.13}$$

Proses seperti persamaan (4.13) diteruskan sehingga kita mengandaikan bahwa $|\beta_2| < 1$ dan persamaan (4.14) berikut diperoleh:

$$\begin{aligned}
\ln MM_t = & \gamma + \beta_1 \ln POP_t + \beta_3 \ln FDI_t + \beta_5 \ln DI_t + \beta_7 \ln HHI_t + \beta_9 \ln UN_t \\
& + \beta_{11} \ln POV_t + \beta_{13} \ln TB_t + \sum_{i=1}^{\infty} \delta_1^{i-1} (\beta_2 - \delta_1 \beta_1) \ln POP_{t-i} \\
& + \sum_{i=1}^{\infty} \delta_1^{i-1} (\beta_4 - \delta_1 \beta_3) \ln FDI_{t-i} + \sum_{i=1}^{\infty} \delta_1^{i-1} (\beta_6 - \delta_1 \beta_5) \ln DI_{t-i} \\
& + \sum_{i=1}^{\infty} \delta_1^{i-1} (\beta_8 - \delta_1 \beta_7) \ln HHI_{t-i} + \sum_{i=1}^{\infty} \delta_1^{i-1} (\beta_{10} - \delta_1 \beta_9) \ln UN_{t-i} \\
& + \sum_{i=1}^{\infty} \delta_1^{i-1} (\beta_{12} - \delta_1 \beta_{11}) \ln POV_{t-i} + \sum_{i=1}^{\infty} \delta_1^{i-1} (\beta_{14} - \delta_1 \beta_{13}) \ln TB_{t-i} \\
& + \varepsilon_t
\end{aligned} \tag{4.14}$$

dimana $\gamma = \alpha(1 + \delta_2 + \delta_1^2 + \delta_2^2 + \dots \infty) = \alpha/(1 - \delta_1)$ dan $\varepsilon_t = \mu_t + \delta_1 \mu_{t-1} + \delta_1^2 \mu_{t-2} + \dots \infty$. Manakala model pembezaan yang terbentuk adalah seperti berikut:

$$\Delta \ln MM_t = \alpha + \beta_1 \Delta \ln POP_t + \beta_2 \Delta \ln FDI_t + \beta_3 \Delta \ln DI_t + \beta_4 \Delta \ln HHI_t + \beta_5 \Delta \ln UN_t + \beta_6 \Delta \ln POV_t + \beta_7 \Delta \ln TB_t + \mu_t \quad (4.15)$$

Ujian sempadan telah dijalankan bertujuan untuk melihat perbezaan di antara nilai F-statistik dengan nilai kritikal (dengan merujuk kepada jadual Pesaran). Sekiranya didapati nilai F-statistik adalah lebih kecil daripada nilai kritikal, maka H_0 akan diterima pada aras yang tertentu, dan begitu juga sebaliknya. Jadi, model pembetulan ralat bagi ujian ARDL ini boleh diterangkan melalui seperti berikut:

$$\begin{aligned} \ln MM_t = \mu + & \sum_{i=1}^p \phi_i \Delta \ln MM_{t-i} + \sum_{j=1}^{q=1} \varphi_j \Delta \ln POP_{t-j} + \sum_{m=1}^{q=2} \gamma_m \Delta \ln FDI_{t-m} \\ & + \sum_{p=1}^{q=3} \eta_p \Delta \ln DI_{t-p} + \sum_{r=1}^{q=4} \mu_r \Delta \ln HHI_{t-r} + \sum_{s=1}^{q=5} \tau_s \Delta \ln UN_{t-s} \\ & + \sum_{u=1}^{q=6} \vartheta_u \Delta \ln POP_{t-u} + \sum_{v=1}^{q=7} \kappa_v \Delta \ln TB_{t-v} + vecm_{t-1} + \varepsilon_t \end{aligned} \quad (4.16)$$

dimana $\phi, \varphi, \gamma, \eta, \mu, \tau, \vartheta$ dan κ di dalam persamaan (4.16) merujuk kepada pekali jangka pendek yang dinamik dan v merupakan pelarasan kelajuan bagi model di atas (Norhayati, Ishak dan Rahmah, 2012). Justeru itu, hipotesis bagi ujian sempadan ini adalah seperti berikut:

$$H_0 = \text{tidak wujud hubungan kointegrasi}$$

$$H_a = \text{wujud hubungan kointegrasi}$$

Ujian seterusnya dijalankan dengan menggunakan teknik-teknik kointegrasi yang telah diperkenalkan oleh Pesaran dan Shin (1995) dan Pesaran et al (2001) bertujuan untuk menguji autoregresi lat tertabur (ARDL). Langkah pertama untuk menguji ARDL adalah dengan mengangalkan setiap persamaan dengan menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (OLS). Dan diikuti dengan ujian Wald (dengan melihat nilai F-statistik) bertujuan untuk mengenal pasti hubungan jangka panjang antara pembolehubah (Hussin dan Muzafar, 2008). Dengan menggunakan andaian yang telah dibuat oleh Pesaran et al (2001), hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \ln MM_t = & \beta_0 + \beta_1 \ln MM_{t-1} + \beta_2 \ln POP_{t-1} + \beta_3 \ln FDI_{t-1} + \beta_4 \ln DI_{t-1} \\
 & + \beta_5 \ln HHI_{t-1} + \beta_6 \ln UN_{t-1} + \beta_7 \ln POV_{t-1} + \beta_8 \ln TB_{t-1} \\
 & + \beta_9 \sum_{i=1}^p \Delta \ln MM_{t-i} + \beta_{10} \sum_{i=1}^{q1} \Delta \ln POP_{t-i} + \beta_{11} \sum_{i=1}^{q2} \Delta \ln FDI_{t-i} \\
 & + \beta_{12} \sum_{i=1}^{q3} \Delta \ln DI_{t-i} + \beta_{13} \sum_{i=1}^{q4} \Delta \ln HHI_{t-i} + \beta_{14} \sum_{i=1}^{q5} \Delta \ln UN_{t-i} \\
 & + \beta_{15} \sum_{i=1}^{q6} \Delta \ln POV_{t-i} + \beta_{16} \sum_{i=1}^{q7} \Delta \ln TB_{t-i} + \beta U_t
 \end{aligned}
 \tag{4.17}$$

dimana Δ merupakan tahap pembezaan pertama dan persamaan (4.17) juga boleh dianggap sebagai model ARDL mana model ini dikenali sebagai model ($p, q1, q2, q3, q4, q5, q6, q7$). Kriteria maklumat Alkaike (AIC) digunakan bagi memilih lat untuk meneruskan kajian ini. Seterusnya, ujian Wald dilakukan dan hipotesis ujian ini adalah seperti berikut:

$$H_0: \beta_1 = 0 \text{ and } \beta_2 = \beta_3 = \beta_4 = 0 \text{ (tiada hubungan jangka panjang)}$$

$H_1: \beta_1 \neq 0$ and $\beta_2 \neq \beta_3 \neq \beta_4 \neq 0$ (wujud hubungan jangka panjang)

Bagi ujian model pembedulan ralat (ECM) pula, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengesan kewujudan model pembedulan ralat jangka panjang bagi setiap negeri di samping melihat hubungan jangka pendek yang wujud di antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar (Hussin dan Muzafar, 2008).

Model pembedulan ralat adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \ln MM_t = & \mu + \sum_{i=1}^p \phi_i \Delta \ln MM_{t-i} + \sum_{j=1}^{q1} \varphi_j \Delta \ln POP_{t-j} + \sum_{k=1}^{q2} \gamma_k \Delta \ln FDI_{t-k} \\ & + \sum_{m=1}^{q3} \theta_m \Delta \ln DI_{t-m} + \sum_{n=1}^{q4} \eta_n \Delta \ln HHI_{t-n} + \sum_{r=1}^{q5} \omega_r \Delta \ln UN_{t-r} \\ & + \sum_{s=1}^{q6} \zeta_s \Delta \ln POV_{t-s} + \sum_{u=1}^{q7} \delta_u \Delta \ln TB_{t-u} + vecm_{t-1} + \varepsilon_t \end{aligned} \quad (4.18)$$

dimana ϕ , φ , γ , θ , η , ω , ζ dan δ merupakan koefisien dinamik bagi jangka pendek manakala v merupakan kelarasan kelajuan bagi pembedulan ralat jangka panjang. Akhir sekali, ujian diagnostik serta *ujian cumulative sum of recursive residual* (CUSUM) dan *cumulative sum of square of recursive residuals* (CUSUMSQ) akan dijalankan. Terdapat dua kaedah pengukuran ujian diagnostik iaitu LM dan F-statistik di mana empat ujian yang dijalankan bagi menguji keteguhan model ARDL ini iaitu merangkumi ujian ujian LM (menguji korelasi bersiri), ujian Ramsey's RESET (menguji regresi spesifikasi ralat), ujian Jarque-Bera (menguji taburan normal) dan ujian ARCH (menguji heterokedastisiti). Manakala ujian CUSUM dan CUSUMSQ pula dijalankan bertujuan untuk mengesahkan kestabilan model ini dalam jangka masa panjang.

4.3.4 Kaedah Unjuran (*Forecasting*)

Tujuan unjuran ini dijalankan adalah untuk melihat tren yang berlaku pada hadapan berdasarkan data yang diperoleh pada hari ini. Bagi ujian ini, tempoh masa untuk melihat ramalan masa hadapan migrasi masuk telah diunjurkan sehingga tahun 2020. Kaedah unjuran sehingga tahun 2020 telah dijalankan dengan menggunakan kaedah ARIMA di mana model autoregresi (AR) ialah:

$$y_t = \theta_1 y_{t-1} + \theta_2 y_{t-2} + \dots + \theta_p y_{t-p} + \epsilon_t \quad (4.19)$$

dimana y_t ialah fungsi linear dan p ialah lat. Nilai p yang asal adalah seperti berikut: $y_{-(p-1)}, y_{-(p-2)}, \dots, y_{-1}, y_0$. Model purata pergerakan (MA) pula ialah:

$$y_t = \epsilon_t + \alpha_1 \epsilon_{t-1} + \alpha_2 \epsilon_{t-2} + \dots + \alpha_q \epsilon_{t-q} \quad (4.20)$$

dimana y_t merupakan purata pergerakan bagi proses kelajuan. Nilai q asal ialah $\epsilon_{-(p-1)} = \epsilon_{-(p-2)} = \dots = \epsilon_{-1} = \epsilon_0 = 0$. Bagi membentuk persamaan model ARMA (p,q) pula, persamaan (4.19) dan (4.20) digabungkan dan menjadi:

$$y_t = \theta_1 y_{t-1} + \dots + \theta_p y_{t-p} + \epsilon_t + \alpha_1 \epsilon_{t-1} + \dots + \alpha_q \epsilon_{t-q} \quad (4.21)$$

Bagi melihat bagaimana proses ciri dinamik model AR(1) terhasil, andaikan model AR(1) ialah:

$$Y_t = \delta + \theta Y_{t-1} + \epsilon_t \quad (4.22)$$

Model (4.22) di atas diandaikan pegun dan $|\theta| < 1$. Pertama sekali, jangkaan awal perlu dilakukan terlebih dahulu. Kepegunan bermaksud $E[Y_t] = E[Y_{t-1}] = \mu$. Dan penyelesaian bagi ujian kepegunan ini adalah seperti berikut:

$$E[Y_t] = E[\delta + \theta Y_{t-1} + \epsilon_t]$$

$$E[Y_t] = \delta + \theta E[Y_{t-1}] + E[\epsilon_t]$$

$$(1 - \theta)\mu = \delta$$

$$\mu = \frac{\delta}{1 - \theta}$$

(4.23)

Seterusnya, nilai varians dan autokovarians perlu dikira bagi menentukan sisihan daripada nilai purata min, $y_t = Y_t - \mu$, jadi:

$$Y_t = \delta + \theta Y_{t-1} + \epsilon_t$$

$$Y_t = (1 - \theta)\mu + \theta Y_{t-1} + \epsilon_t$$

$$Y_t - \mu = \theta(Y_{t-1} - \mu) + \epsilon_t$$

$$y_t = \theta y_{t-1} + \epsilon_t$$

(4.24)

Perhatikan bahawa $\gamma_t = v[Y_t] = v[y_t]$, jadi:

$$v[y_t] = E[y_t^2]$$

$$= E[(\theta y_{t-1} + \epsilon_t)^2]$$

$$= E[\theta^2 y_{t-1}^2 + \epsilon_t^2 + 2\theta y_{t-1} \epsilon_t]$$

$$= \theta^2 E[y_{t-1}^2] + E[\epsilon_t^2] + 2\theta E[y_{t-1} \epsilon_t]$$

$$= \theta^2 v[y_t] + \sigma^2 + 0$$

(4.25)

Dengan kepegunan $\gamma_0 = v[y_t] = v[y_{t-1}]$, kita dapati $\gamma_0(1 - \theta^2) = \sigma^2$ atau $\gamma_0 = \frac{\sigma^2}{1 - \theta^2}$. Persamaan kovarians, $cov[y_t, y_{t-k}] = E[y_t y_{t-k}]$ pula adalah seperti berikut:

$$\gamma_1 = E[y_t y_{t-1}] = E[(\theta y_{t-1} + \epsilon_t) y_{t-1}] = \theta E[y_{t-1}^2] + E[y_{t-1} \epsilon_t] = \theta \gamma_0 = \theta \frac{\sigma^2}{1 - \theta^2}$$

$$\gamma_2 = E[y_t y_{t-2}] = E[(\theta y_{t-1} + \epsilon_t) y_{t-2}] = \theta E[y_{t-1} y_{t-2}] + E[y_{t-2} \epsilon_t] = \theta \gamma_1 = \theta^2 \frac{\sigma^2}{1 - \theta^2}$$

:

:

$$\gamma_k = E[y_t y_{t-k}] = \theta^k \gamma_0 \tag{4.26}$$

Dengan menggunakan lat polinomial, kita dapat menulis semula kepegunan model ARMA (p,q) seperti berikut:

$$y_t - \theta_1 y_{t-1} - \dots - \theta_p y_{t-p} = \epsilon_t + \alpha_1 \epsilon_{t-1} + \dots + \alpha_q \epsilon_{t-q}$$

$$\theta(L)y_t = \alpha(L)\epsilon_t \tag{4.27}$$

Dimana $\theta(L)$ dan $\alpha(L)$ merupakan polynomial terbatas. Jika $\theta(L)$ disongsangkan, (*) boleh ditulis model MA (∞) sehingga infiniti.

$$y_t = \theta^{-1}(L)\alpha(L)\epsilon_t$$

$$y_t = \epsilon_t + \gamma_1 \epsilon_{t-1} + \gamma_2 \epsilon_{t-2} + \dots \tag{4.28}$$

Jika $\alpha(L)$ disongsangkan, (*) boleh ditulis model AR (∞) sehingga infiniti.

$$\alpha^{-1}(L)\theta(L)y_t = \epsilon_t$$

$$y_t - \gamma_1 y_{t-1} - \gamma_2 y_{t-2} - \dots = \epsilon_t \tag{4.29}$$

Model AR diubahsuai menjadi:

$$Y_t = \delta + \theta Y_{t-1} + \epsilon_t$$

$$(1 - \theta)Y_t = \delta + \epsilon_t \tag{4.30}$$

Penyelesaian masalah adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 Y_t &= (1 + \theta L)^{-1}(\delta + \epsilon_t) \\
 &= (1 + \theta L + \theta^2 L^2 + \theta^3 L^3 + \dots)(\delta + \epsilon_t) \\
 &= (1 + \theta + \theta^2 + \theta^3 + \dots)\delta + \epsilon_t + \theta\epsilon_{t-1} + \theta^2\epsilon_{t-2} + \theta^3\epsilon_{t-3} + \dots
 \end{aligned}
 \tag{4.31}$$

Jangkaan bagi MA adalah seperti berikut:

$$E[Y_t] = (1 + \theta + \theta^2 + \theta^3 + \dots)\delta \rightarrow \frac{\delta}{1 - \theta}
 \tag{4.32}$$

Salah satu penyelesaian alternatif ialah dengan menggantikan persamaan berikut:

$$\begin{aligned}
 Y_t &= \delta + \theta Y_{t-1} + \epsilon_t \\
 &= \delta + \theta(\delta + \theta Y_{t-2} + \epsilon_{t-1}) + \epsilon_t \\
 &= (1 - \theta)\delta + \epsilon_t + \theta\epsilon_{t-1} + \theta^2 Y_{t-2} \\
 &= (1 - \theta)\delta + \epsilon_t + \theta\epsilon_{t-1} + \theta^2(\delta + \theta Y_{t-3} + \epsilon_{t-2}) \\
 &= (1 + \theta + \theta^2)\delta + \epsilon_t + \theta\epsilon_{t-1} + \theta^2\epsilon_{t-2} + \theta^3 Y_{t-3} \\
 &= (1 + \theta + \theta^2 + \theta^3 + \dots)\delta + \epsilon_t + \theta\epsilon_{t-1} + \theta^2\epsilon_{t-2} + \dots + \theta^{t-1} Y_1
 \end{aligned}
 \tag{4.33}$$

Jangkaan yang akan diperolehi adalah seperti $E[Y_t] = (1 + \theta + \theta^2 + \theta^3 + \dots)\delta + \theta^{t-1} Y_1 \rightarrow \frac{\delta}{1 - \theta}$. Pertimbangkan kepegungan model ARMA (p,q) seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 y_t - \theta_1 y_{t-1} - \dots - \theta_p y_{t-p} &= \epsilon_t + \alpha_1 \epsilon_{t-1} + \dots + \alpha_q \epsilon_{t-q} \\
 \theta(L)y_t &= \alpha(L)\epsilon_t \\
 (1 - \phi_1 L)(1 - \phi_2 L) \dots (1 - \phi_p L)y_t &= (1 - \zeta_1 L)(1 - \zeta_2 L) \dots (1 - \zeta_q L)\epsilon_q
 \end{aligned}
 \tag{4.34}$$

Jika $\phi_i = \zeta_j$ bagi i, j , ia melambangkan punca yang sama atau pembatalan punca. Model ARIMA diwakili oleh punca unit. Dengan menganggap kesan yang terhasil adalah kemudian dan bukan pada masa kini, maka pembezaan pertama telah dijalankan. Andaikan model ARMA (p,q) ialah $\theta(L)y_t = \alpha(L)\epsilon_t$. Sekiranya punca unit berada di dalam polynomial AR, kita boleh masukkan ke dalam $\theta(L) = (1 - L)(1 - \phi_2L) \dots (1 - \phi_pL) = (1 - L)\theta^*(L)$, dan kita boleh menulis model seperti berikut:

$$\begin{aligned}\theta^*(L)(1 - L)y_t &= \alpha(L)\epsilon_t \\ \theta^*(L)\Delta y_t &= \alpha(L)\epsilon_t\end{aligned}\tag{4.35}$$

Model ARMA (p,q) bagi $\Delta^d y_t$ diwakili oleh model ARIMA (p,d,q) bagi y_t . Pengukur asal ialah kebarangkalian yang maksimum. Dengan ralat biasa, persamaan (4.38) dibawah diperoleh:

$$\log L(\theta, \alpha, \sigma^2) = -\frac{T}{2} \log(2\pi\sigma^2) - \sum_{t=1}^T \frac{\epsilon_t^2}{2\sigma^2}\tag{4.36}$$

dimana ϵ_t ialah residual. Bagi model AR (1), kita boleh menulis residual sebagai $\epsilon_t = Y_t - \delta - \theta_1 Y_{t-1}$ dan kuasa dua terkecil bersamaan dengan kebarangkalian maksimum. Secara alternatif, taburan bagi pemerhatian awal boleh ditulis seperti berikut $Y_1 \sim N\left(\frac{\delta}{1-\theta}, \frac{\sigma^2}{1-\theta^2}\right)$. Di mana nilai min dan varians yang dipilih adalah seperti yang diandaikan oleh model untuk sepanjang tempoh pemerhatian. Kita menyatakan bahawa Y_1 dipilih daripada taburan bukan varians. Bagi model MA (1)

seperti berikut $Y_t = \mu + \epsilon_t + \alpha\epsilon_{t-1}$. Residual boleh dilihat sebagai satu fungsi parameter seperti berikut:

$$\begin{aligned}\epsilon_1 &= Y_1 - \mu \\ \epsilon_2 &= Y_2 - \mu - \alpha\epsilon_1 \\ \epsilon_3 &= Y_3 - \mu - \alpha\epsilon_2 \\ &\vdots\end{aligned}$$

dimana, nilai asal ialah $\epsilon_0=0$, namun ia boleh dikendurkan sekiranya diperlukan dengan menggunakan taburan bukan varian. Fungsi kebarangkalian boleh memaksimumkan α dan μ . Bagi membuat jangkaan masa hadapan, kita boleh meramalkan y_{T+K} memberi segala maklumat sehingga masa T, berdasarkan maklumat yang ada iaitu $I_T = \{y_{-\infty}, \dots, y_{T-1}, y_T\}$. Syarat jangkaan yang optimum ialah $y_{T+K}|T = E[y_{T+K}|I_T]$. Dengan mengandaikan model ARMA (1,1) seperti berikut:

$$y_t = \theta y_{t-1} + \epsilon_t + \alpha\epsilon_{t-1}, \quad t = 1, 2, \dots, T \quad (4.37)$$

Untuk membuat ramalan, kita perlu menggantikan parameter anggaran yang asal dengan menggunakan anggaran residual sehingga tempoh masa T dan ramalan terbaik kita ialah 0. Unjuran optimum adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}y_{T+1}|T &= E[\theta \cdot y_T + \epsilon_{T+1} + \alpha\epsilon_T|I_T] \\ &= \hat{\theta}y_T + \hat{\alpha}\hat{\epsilon}_T \\ y_{T+2}|T &= E[\theta \cdot y_{T+1} + \epsilon_{T+2} + \alpha\epsilon_{T+1}|I_T] \\ &= \hat{\theta}y_{T+1}|T\end{aligned} \quad (4.38)$$

Ujian ini diteruskan dengan membuat graf actual, fitted dan residual bagi tempoh masa antara tahun 1980 hinggan unjuran tahun 2020. Seterusnya ujian ramalan dibuat sehingga unjuran tahun 2020. Terdapat dua cara untuk menjalankan ujian penghalusan (*smoothing*) terhadap data-data masa lepas iaitu melalui kaedah model purata pergerakan (MA) dan juga eksponen penghalusan (*exponential smoothing*). Tujuan ramalan melalui kaedah MA dijalankan adalah untuk menentukan ramalan pada jangka masa akan datang dan semakin panjang tempoh masa untuk model purata pergerakan ini, maka berkesan dan jurang perbezaan yang wujud bagi ramalan terkecil dan ramalan terbesar akan menjadi kecil. Bagi menghitung kesalahan meramal ini, persamaan berikut digunakan:

$$\epsilon = X_t - F_t \quad (4.39)$$

dimana ϵ ialah ralat, X_t ialah data asal pada jangka masa t dan F_t ialah ramalan pada jangka masa t . dalam menghitung kesalahan ralat ini, terdapat empat kaedah kesalahan ralat yang akan digunakan iaitu ralat mutlak min (MAE) bertujuan untuk melihat keseluruhan mutlak dari kesalahan meramal tanpa mengambilkira nilai positif atau negatif, ralat min kuasa dua (RMSE) untuk melihat nilai keseluruhan ramalan, peratusan ralat mutlak min (MAPE) merupakan titik tengah bagi kesalahan peratusan mutlak dari suatu ramalan dan pekali ketidaksamaan theil (U) merupakan kesalahan peratusan dari suatu ramalan.

$$MAE = \frac{1}{T} \sum_{t=1}^T |e_t|$$

$$RMSE = \sqrt{\frac{1}{T} \sum_{t=1}^T e_t^2}$$

$$MAPE = \frac{1}{T} \sum_{t=1}^T \left| \frac{e_t}{Y_t} \right| \times 100$$

$$U = \frac{\sqrt{\frac{1}{T} \sum_{t=1}^T (Y_t - \hat{Y}_t)^2}}{\sqrt{\frac{1}{T} \sum_{t=1}^T \hat{Y}_t^2 + \frac{1}{T} \sum_{t=1}^T Y_t^2}}$$

Jika nilai $U=0$ maka teknik ramalan yang digunakan dalam kajian ini adalah yang paling tepat iaitu pada $\hat{Y}_t = Y_t$. Sekiranya nilai $U=1$, maka teknik ramalan yang digunakan dalam kajian ini adalah sama baik dengan kaedah nai've. Sementara itu jika nilai $U<1$, maka teknik ramalan yang digunakan dalam kajian ini adalah lebih baik daripada kaedah nai've dan semakin kecil nilai u , bermakna semakin baik tahap prestasi ujian ramalan ini berbanding kaedah naïve. Dan sekiranya nilai $U>1$, maka teknik ramalan yang digunakan dalam kajian ini tidak dapat digunakan kerana keputusan dengan menggunakan kaedah nai've adalah lebih baik. Kaedah nai've merujuk kepada teknik ramalan nilai suatu siri masa atau pemboleh ubah berdasarkan kepada tempoh masa tertentu berdasarkan kepada nilai terkini suatu siri masa atau pemboleh ubah tersebut iaitu $\hat{Y}_{t+1} = Y_t$ (Fatmawati, 2013).

Manakala bagi ujian eksponen penghalusan pula, ianya merupakan pengembangan daripada model MA dan ujian ramalan menggunakan kaedah ini melibatkan data yang terbaru. Berdasarkan persamaan MA, persamaan 4.42 berikut dibentuk:

$$F_{t+1} = \frac{X_1 + X_2 + \dots + X_T}{T} \quad (4.40)$$

dimana F_{t+1} ialah ramalan untuk tempoh masa $t+1$, X_t ialah nilai asal pada tempoh masa t dan T ialah jangka masa pergerakan. Nilai pemberat bagi ujian eksponen penghalusan ini ialah α , $\alpha(1-\alpha)$, $\alpha(1-\alpha)^2$, Nilai α adalah di antara 0 hingga 1 dan

jika nilai α ini semakin menghampiri 1, maka data terbaru lebih diperhatikan. Berikut merupakan persamaan ramalan bagi kaedah eksponen penghalusan:

$$\begin{aligned}F_{t+1} &= \alpha X_t + (1 - \alpha)F_t \\F_{t+1} &= \alpha X_t + F_t - \alpha F_t \\F_{t+1} &= F_t + \alpha(X_t - F_t)\end{aligned}\tag{4.41}$$

Gantikan persamaan (4.37) ke dalam persamaan (4.41). Maka, persamaan (4.42) yang merupakan persamaan eksponen penghalusan berjaya dibentuk seperti berikut:

$$F_{t+1} = F_t + \alpha(\epsilon_t)\tag{4.42}$$

Selepas melakukan ujian-ujian berikut, maka ujian kuasa dua terkecil dengan pecahan (BREAKLS) dijalankan bagi melihat sama ada migrasi masuk adalah signifikan atau tidak bagi tempoh berlakunya kemelesetan ekonomi. Sepanjang tempoh antara tahun 1980 sehingga 2012, wujud tiga tempoh masa kemelesetan ekonomi yang berlaku iaitu pada tahun 1985, tahun 1997-1998 dan pada tahun 2008. Justeru itu, ujian BREAKLS ini dipecahkan kepada empat tempoh masa iaitu dari tahun 1980 sehingga tahun 1985, tahun 1986 sehingga tahun 1998, tahun 1999 sehingga tahun 2008 dan tahun 2009 sehingga unjuran tahun 2020 bagi setiap negeri.

4.3 Rumusan

Bab ini telah membincangkan kaedah dan pemboleh ubah yang akan digunakan dalam kajian penyelidikan menggunakan data sekunder yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi bagi 14 negeri di Malaysia dari tahun 1980 hingga 2012. Pemboleh ubah dipilih adalah jumlah migrasi masuk, jumlah populasi, jumlah pelaburan asing, jumlah pelaburan domestik, pendapatan

purata penduduk, bilangan penduduk yang menganggur, bilangan penduduk miskin dan jumlah tenaga buruh bagi setiap negeri. Bagi menjawab objektif 1, kaedah ujian kuasa dua terkecil (*Ordinary Least Square, OLS*) akan digunapakai dalam ujian tersebut. Seterusnya ujian sebab-akibat akan digunakan bagi menjawab objektif 2 manakala ujian autoregrasi lat tertabur (*Autoregressive Distributed Lag, ARDL*) digunakan untuk menjawab objektif 3. Dan bagi menjawab objektif 4, kaedah unjuran (*Forecasting*) akan digunakan bagi menjawab objektif tersebut.



BAB LIMA

ANALISIS PENENTU MIGRASI DAN HUBUNGAN SEBAB-AKIBAT

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan hasil kajian bagi ujian kuasa dua terkecil (OLS) dan ujian sebab akibat bagi menjawab objektif pertama dan kedua. Manakala Bab enam akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang hasil ujian Autoregresi Lat Tertabur (ARDL) dan juga ujian ramalan (*forecasting*) serta unjuran bagi menjawab objektif ketiga dan keempat. Sebelum menjalankan ujian sebab akibat ini, terdapat beberapa ujian lain yang perlu dijalankan terlebih dahulu bagi menguji tahap signifikan sesuatu pemboleh ubah. Kajian ini melibatkan tiga belas buah negeri beserta sebuah Wilayah Persekutuan di Malaysia dan dijalankan secara siri masa. Dapatan hasil kajian bagi ujian kuasa dua terkecil dan ujian sebab-akibat untuk semua negeri dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bab ini.

5.2 Faktor Penentu Migrasi

Bagi menjawab objektif 1, ujian kuasa dua terkecil dijalankan dan kaedah ujian kuasa dua terkecil ini merupakan salah satu cara untuk mendapatkan padanan penganggar regresi yang terbaik. Tujuan utama penganggar regresi ini digunakan adalah untuk melihat hubungan yang wujud di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas (Rizaudin, 2010) berdasarkan kepada persamaan yang telah dibentuk di dalam bab 4. Nilai R kuasa dua (R^2) bagi kesemua negeri dalam kajian ini berada di antara 0.52 hingga 0.92 dan ini menunjukkan kesemua pemboleh ubah ini sesuai digunakan dalam kajian ini walaupun terdapat beberapa negeri yang

mempunyai nilai R^2 yang agak lemah. Nilai R^2 yang berada di antara 0.5 hingga 0.6 adalah negeri Sabah dan Terengganu manakala negeri yang mempunyai julat R^2 di antara 0.6 hingga 0.7 ialah Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Kelantan dan Perlis. Bagi negeri Pulau Pinang, Pahang dan Sarawak pula, julat R^2 bagi ketiga-tiga negeri ini adalah di antara 0.7 hingga 0.8 manakala julat R^2 bagi negeri Johor dan Selangor pula adalah di antara 0.8 hingga 0.9. Selain itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai nilai R^2 yang paling tinggi iaitu 0.9122.

Sementara itu, dapatan hasil kajian ini mendapati nilai konstan (C) bagi empat negeri adalah positif iaitu negeri Johor (29.43%), Kuala Lumpur (88.69%), Sabah (8.42%) dan Terengganu (8.69%) manakala nilai C negeri-negeri lain dilihat mempunyai hubungan negatif dengan migrasi masuk. Justeru itu, dengan mengandaikan faktor-faktor penentu lain adalah C, maka peratusan migrasi masuk bagi keempat-empat negeri tersebut iaitu Johor, Kuala Lumpur, Sabah dan Terengganu dilihat mengalami peningkatan tetapi bagi sepuluh negeri yang lain, peratusan migrasi masuk ke negeri-negeri tersebut dilihat mengalami pengurangan. Peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi (dengan andaian faktor penentu lain adalah tidak berubah) ialah Kuala Lumpur iaitu sebanyak 88.68% manakala peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling rendah ialah negeri Sabah iaitu sebanyak 8.42%. Sementara itu, negeri yang mencatatkan peratusan pengurangan migrasi masuk yang tinggi ialah negeri Sarawak iaitu sebanyak 144.79% manakala negeri Kelantan mencatatkan peratusan pengurangan migrasi masuk yang rendah iaitu sebanyak 7.79%.

Seterusnya untuk pemboleh ubah populasi pula, sekiranya berlaku peningkatan 1% bagi populasi penduduk (dengan andaian pemboleh ubah lain adalah tetap), ia akan

menyebabkan peratusan migrasi masuk bagi lapan buah negeri (Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pahang, Perlis, Sarawak dan Terengganu) meningkat manakala peratusan migrasi masuk bagi enam buah negeri lagi iaitu Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Kelantan dan Sabah mengalami pengurangan. Peratusan migrasi masuk paling tinggi kesan daripada pengaruh pemboleh ubah populasi ialah negeri Sarawak di mana peningkatan 1% bagi populasi penduduk negeri ini adalah disebabkan oleh berlakunya peningkatan migrasi masuk sebanyak 12.46%. Manakala negeri Melaka mencatatkan peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling rendah dan sekiranya berlaku peningkatan 1% bagi populasi penduduk negeri Melaka ini adalah disebabkan oleh peningkatan sebanyak 0.33% bagi migrasi masuk ke negeri ini. Sementara itu, pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling rendah ialah negeri Pulau Pinang dan apabila berlakunya peningkatan 1% populasi penduduk negeri ini, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan sebanyak 0.16%.

Negeri Johor pula mencatatkan pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi dan apabila berlakunya peningkatan populasi penduduk sebanyak 1%, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan sebanyak 8.54%. Pengurangan peratusan migrasi masuk bagi Kuala Lumpur adalah disebabkan berlakunya penghijrahan keluar penduduk ke kawasan pinggir bandar kesan daripada kos sara hidup yang mahal dan keinginan untuk memiliki rumah kediaman (Katiman, 2006; Katiman, Mohd Fuad dan Aishah, 2010). Selain kos hidup yang tinggi, kepadatan penduduk juga telah menyebabkan penduduk mengambil keputusan untuk berhijrah keluar dan jika dilihat kepada Laporan Banci Penduduk 2010, kepadatan penduduk di Kuala Lumpur ialah 6,891 orang per km² manakala

kepadatan penduduk Pulau Pinang ialah sebanyak 1,490 orang per km² (Bernama, 2011).

Sementara itu bagi pemboleh ubah pelaburan asing, terdapat tujuh negeri yang mempunyai hubungan yang positif dengan migrasi masuk di mana enam daripadanya merupakan negeri maju (Johor, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor) dan sebuah lagi adalah negeri kurang maju iaitu Kedah. Ini kerana kedudukan negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur sebagai kawasan perindustrian utama di Malaysia dan telah menarik minat pelabur asing untuk membuat pelaburan di kawasan tersebut dan kenyataan ini disokong oleh Usman dan Tarmiji (2010). Dan bagi negeri Kedah pula, sebanyak RM 13.1 bilion pelaburan asing telah direkodkan pada tahun 2013 dan keadaan ini dilihat amat memberangsangkan kerana mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk (Safina Ramli, 2014). Negeri yang mencatatkan peningkatan peratusan yang paling tinggi kesan daripada pemboleh ubah pelaburan asing ini ialah Johor. Apabila berlakunya peningkatan 1% di dalam pelaburan asing negeri Johor, maka peratusan migrasi masuk ke negeri ini dilihat meningkat sebanyak 0.2%. Semenjak kebelakangan ini, banyak pelabur asing berminat untuk melabur di negeri ini dan pelaburan asing yang paling banyak diterima adalah dari Jepun di mana pada tahun 2012, sebanyak RM 454 juta jumlah pelaburan asing telah diterima dari Negara Jepun ini dan jumlah ini meningkat kepada RM 528 juta pada tahun 2013 (Mohd Khairul, 2013).

Kuala Lumpur pula merupakan negeri yang mencatatkan peningkatan peratusan yang paling rendah di mana peningkatan 1% bagi pelaburan asing negeri ini akan

menyebabkan peratusan migrasi masuk ke Kuala Lumpur meningkat sebanyak 0.02%. Sementara itu, negeri yang mencatatkan pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi ialah negeri Sarawak dan apabila berlakunya peningkatan sebanyak 1% bagi pemboleh ubah pelaburan asing, maka peratusan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan sebanyak 0.07%. Dan negeri yang mencatatkan pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling rendah ialah negeri Kelantan di mana berlakunya pengurangan migrasi masuk sebanyak 0.001% bagi negeri ini sekiranya pelaburan asing meningkat sebanyak 1%. Punca kemasukan pelaburan asing ke negeri Kelantan ini berkurang adalah disebabkan oleh kekurangan jaringan infrastruktur serta insentif yang menarik di negeri ini dan menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Cawangan Kelantan, Azran Derahman, sepanjang tempoh 20 tahun kebelakangan ini lebih kurang 250 buah kilang yang beroperasi di Kelantan telah ditutup dan berpindah ke kawasan lain disebabkan faktor tersebut (Bernama, 2013)

Bagi pengaruh pemboleh ubah pelaburan domestik pula, terdapat sembilan negeri yang mempunyai hubungan yang positif dengan migrasi masuk manakala lima negeri lagi mempunyai hubungan yang negatif dengan migrasi masuk. Bagi negeri maju, hanya pelaburan domestik Kuala Lumpur dan Selangor dilihat mempunyai negatif dengan migrasi masuk manakala bagi negeri kurang maju pula, pelaburan domestik negeri Kedah, Kelantan dan Sabah dilihat mempunyai hubungan songsang dengan migrasi masuk. Peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi kesan daripada pemboleh ubah ini ialah negeri Johor dan sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 1% bagi suntikan pelaburan domestik, maka peratusan migrasi masuk ke negeri ini dijangka meningkat sebanyak 0.23%. Berdasarkan laporan yang

dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), tingkat pelaburan negeri Johor berada pada kedudukan yang pertama pada tahun 2014 ini dan sebanyak RM 10.07 bilion pelaburan domestik berjaya diperoleh dalam tempoh lima bulan sejak Januari 2014 sehingga Mei 2014 dan diikuti oleh negeri Sarawak dan Pahang (Mstaronline, 2014). Manakala peningkatan peratusan migrasi yang paling rendah adalah negeri Perak, apabila berlakunya peningkatan suntikan pelaburan domestik ke negeri ini, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke Perak meningkat sebanyak 0.03%.

Jika dilihat kepada peratusan pengurangan yang paling rendah pula, hasil kajian mendapati bahawa Kuala Lumpur telah mencatatkan pengurangan migrasi masuk terendah. Sekiranya berlaku peningkatan 1% bagi pelaburan domestik Kuala Lumpur, maka peratusan migrasi masuk ke negeri ini dijangka berkurangan sebanyak 0.007%. Sementara itu, negeri yang mencatatkan pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi kesan daripada pembolehubah pelaburan domestik ini ialah negeri Selangor dan sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 1% bagi pelaburan domestik, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan sebanyak 0.11%. Pengurangan pelaburan domestik bagi negeri kurang maju iaitu Kedah, Kelantan dan Sabah adalah disebabkan oleh kekurangan kemajuan serta kekurangan kemudahan infrastruktur di kawasan tersebut. Pihak kerajaan Persekutuan juga telah menubuhkan beberapa agensi bagi membantu pembangunan di negeri-negeri ini iaitu ECER (Kelantan, Pahang dan Terengganu), NCER (Kedah, Perlis, Pulau Pinang, dan Perak utara), SDC (Sabah), SCORE (Sarawak) serta IDR ditubuhkan untuk membangunkan kawasan Johor (Datuk Faizah Mohd Tahir; 2008). Bagi meningkatkan pelaburan domestik di negeri Kelantan pula, kerajaan

persekutuan telah memberi suntikan dana berjumlah RM 6.2 juta bagi membantu pertumbuhan ekonomi di Kelantan (Anwar, Khairul dan Norliza, 2012).

Jika dilihat kepada hubungan di antara pemboleh ubah pendapatan isi rumah dengan migrasi masuk pula, walaupun pendapatan isi rumah bagi setiap negeri dilihat meningkat hampir setiap tahun namun bagi sesetengah negeri, pemboleh ubah ini dilihat mempunyai hubungan negatif dengan migrasi masuk. Hasil kajian mendapati hanya lima negeri yang wujud hubungan positif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini iaitu negeri Johor, Kuala Lumpur, Selangor, Kedah dan Kelantan manakala bagi lain-lain negeri, kedua-dua pemboleh ubah ini dilihat mempunyai hubungan yang songsang di antara satu sama lain. Negeri Johor telah mencatatkan peningkatan peratusan migrasi masuk paling tinggi dan sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 1% bagi pendapatan isi rumah maka peratusan migrasi masuk ke negeri ini dilihat meningkat sebanyak 5.99% manakala peningkatan peratusan migrasi masuk paling rendah ialah Kuala Lumpur di mana peningkatan sebanyak 1% bagi pendapatan isi rumah negeri ini akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke Kuala Lumpur meningkat sebanyak 0.33%.

Bagi pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi, hasil kajian mendapati negeri Sarawak telah mencatatkan pengurangan peratusan yang paling tinggi dan sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 1% bagi pendapatan isi rumah negeri ini, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk berkurang sebanyak 6.38%. Manakala negeri Terengganu telah mencatatkan peratusan pengurangan migrasi masuk yang paling rendah di mana apabila peningkatan sebanyak 1% bagi purata pendapatan isi rumah negeri ini akan menyebabkan peratusan migrasi masuk

ke Terengganu berkurangan sebanyak 0.007%. Menurut Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, lebih kurang 28.7% isi rumah di Malaysia mempunyai pendapatan bawah dari RM 3000 dan pihak kerajaan telah menyediakan serta melaksanakan beberapa pelan tindakan serta pelaksanaan bagi membantu golongan kurang berkemampuan ini serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi kepada rakyat melalui pelaksanaan pembangunan modal insan melalui peningkatan dalam produktiviti, kreativiti dan inovasi (Bernama, 2014). Sepanjang tempoh antara tahun 2009 hingga 2012, pendapatan isi rumah Kuala Lumpur telah mencatatkan peratusan peningkatan yang paling tinggi iaitu 14.9% manakala negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Sabah mencatatkan kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah melebihi 7.2% (Chong, 2013).

Seterusnya adalah hubungan yang wujud di antara pemboleh ubah pengangguran dengan migrasi masuk (dengan andaian pemboleh ubah lain adalah tetap). Hasil kajian mendapati tujuh negeri yang wujud hubungan positif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini dan salah satu daripadanya adalah dari negeri maju iaitu negeri Johor. Berdasarkan Jadual 5.1, peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi kesan daripada pemboleh ubah ini ialah negeri Sabah di mana peningkatan sebanyak 1% bagi pemboleh ubah pengangguran akan menyebabkan peratusan migrasi masuk meningkat sebanyak 1.28%. Manakala peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling rendah ialah negeri Terengganu dan sekiranya berlaku peningkatan peratusan sebanyak 1% bagi pemboleh ubah pengangguran maka peratusan migrasi masuk ke negeri ini dijangka meningkat sebanyak 0.004%.

Pengangguran yang berlaku di kebanyakan negeri adalah berpunca daripada sikap sesetengah graduan yang memilih pekerjaan dan hanya mahu bekerja di kawasan yang mereka inginkan tanpa mahu mencuba sesuatu yang baru (Bernama, 2012). Justeru itu bagi mengurangkan kadar pengangguran graduan di Terengganu, kerajaan negeri ini telah melaksanakan program Pembangunan Modal Insan dibawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dengan menempatkan graduan yang menganggur ini untuk menimba ilmu serta bekerja dengan 18 syarikat berpotensi (Bernama, 2010). Bagi pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling rendah kesan daripada pemboleh ubah pengangguran ini pula, negeri Melaka telah mencatatkan pengurangan peratusan migrasi masuk yang terendah. Peningkatan peratusan pengangguran di negeri ini sebanyak 1% menyebabkan berlakunya pengurangan migrasi masuk sebanyak 0.19%, begitu juga sebaliknya. Manakala pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi ialah negeri Pahang di mana peningkatan 1% bagi pengangguran akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan sebanyak 0.94%.

Bagi pemboleh ubah kemiskinan pula, hasil kajian mendapati pemboleh ubah kemiskinan bagi kebanyakan daripada negeri di Malaysia ini adalah berhubungan positif dengan migrasi masuk (sebanyak sebelas negeri) manakala tiga negeri lagi dilihat mempunyai hubungan negatif. Negeri Selangor mencatatkan peningkatan peratusan migrasi masuk paling tinggi kesan daripada pemboleh ubah ini dan sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 1% bagi pemboleh ubah kemiskinan ini, maka peratusan migrasi masuk ke negeri Selangor ini dijangka meningkat sebanyak 2.42%. Manakala Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling rendah kesan daripada kemiskinan ini. Sekiranya berlaku peningkatan

sebanyak 1% bagi pemboleh ubah kemiskinan negeri ini, maka peratusan migrasi masuk ke Kuala Lumpur dilihat meningkat sebanyak 0.005%.

Jika dilihat kepada dapatan hasil kajian, enam negeri maju mempunyai hubungan yang positif di antara pemboleh ubah kemiskinan dengan migrasi masuk dan Gulam Muszahr Gulam Mustakim menyarankan agar garis kemiskinan di kawasan maju perlu dinaikkan (Bernama, 2013). Kemiskinan yang berlaku di kawasan maju khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor adalah disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi, pendapatan yang rendah serta masalah perumahan yang dihadapi penduduk. Justeru itu, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan bandar dibentuk bagi memperkukuh serta membasmi kemiskinan di kawasan bandar (Sakina, 2009). Bagi pengurangan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi pula, hasil kajian mendapati negeri Sarawak telah mencatatkan pengurangan yang paling tinggi di mana peningkatan sebanyak 1% bagi kemiskinan, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan sebanyak 0.97% manakala negeri Perak mencatatkan pengurangan peratusan migrasi masuk paling rendah di mana peningkatan 1% bagi kemiskinan akan menyebabkan peratusan migrasi masuk berkurangan sebanyak 0.34%.

Dan seterusnya bagi pemboleh ubah penyertaan tenaga buruh pula, hasil kajian mendapati hanya satu negeri yang mempunyai hubungan negatif dengan migrasi masuk iaitu Kuala Lumpur. Sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 1% bagi penyertaan tenaga buruh di Kuala Lumpur, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan sebanyak 1.45%. Bagi peningkatan peratusan migrasi masuk kesan daripada pemboleh ubah penyertaan tenaga buruh ini, negeri

Selangor telah mencatatkan peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling tinggi. Sekiranya berlaku peningkatan penyertaan tenaga buruh sebanyak 1% maka peratusan migrasi masuk ke negeri Selangor ini akan meningkat sebanyak 16.9%. Manakala negeri Kedah mencatatkan peningkatan peratusan migrasi masuk yang paling rendah di mana peningkatan sebanyak 1% bagi penyertaan tenaga buruh negeri ini, ia akan menyebabkan peratusan migrasi masuk ke Kedah meningkat sebanyak 0.98%.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), terdapat peluang pekerjaan yang tinggi mendapati Negeri Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang kerana pencapaian pembangunan ekonomi bagi kelima-lima negeri ini dilihat amat memberangsangkan sehingga menyebabkan kadar migrasi masuk ke negeri-negeri ini meningkat (Datuk Aminah Abdul Rahman, 2011). Bagi negeri Kedah pula, peningkatan penyertaan buruh di negeri ini disebabkan peningkatan dalam pelaburan asing dan domestik seterusnya telah berjaya membuka lebih dari 3,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan sederhana dan dijangka akan terus meningkat kerana kerajaan negeri telah merancang untuk meningkatkan pelaburan domestik dalam pelbagai bidang (Bernama, 2014). Justeru itu, Jadual 5.1 menunjukkan perbezaan ujian persamaan kuasa dua terkecil bagi semua negeri di Malaysia.

Jadual 5.1
Ujian Kuasa Dua Terkecil Bagi Semua Negeri di Malaysia

Negeri	C	lnPOP	lnFDI	lnDI	lnHHI	lnUN	lnPOV	lnTB	Nilai R ²
Negeri Maju									
Johor	29.43276**	-8.535927**	0.200109**	0.232745**	5.988148**	0.31137	2.202456**	9.680526**	0.8929
Kuala Lumpur	88.6858**	-5.848557**	0.0206228*	-0.006601*	0.328047**	-0.435844*	0.131652*	-1.452784**	0.9122
Melaka	-30.03395**	0.325426	0.074088*	0.13367	-1.54235*	-0.19013*	0.005077	8.787116*	0.6942
Negeri Sembilan	-52.52956**	2.763351	0.038915	0.107555	-0.292886	-0.393401	0.673935*	4.074908	0.6978
Perak	-58.82154*	4.652039**	-0.057682*	0.028963*	-0.006774*	-0.208132*	-0.335869*	1.942714*	0.6665
Pulau Pinang	-19.21194**	-0.159828**	0.085435*	0.038584*	-1.263302*	-0.513565*	0.016063	7.664276*	0.7231
Selangor	-84.58694**	-1.06496*	0.153276**	-0.113855*	4.525685**	-0.287529*	2.417455*	16.90201**	0.8680
Negeri Kurang Maju									
Kedah	-37.84303*	2.100496*	0.085904	-0.08998	0.426512	0.439939	1.071937*	0.981133*	0.6343
Kelantan	-7.79191*	-0.693641**	-0.001147	-0.007695	0.798117	0.031481	0.292137	3.38683**	0.6756
Pahang	-64.53744**	2.808336*	-0.054419*	0.03604	-1.433401**	-0.936899**	0.112572	9.758934**	0.7997
Perlis	-28.43293*	2.122119	-0.00207	0.043889*	-0.818152*	0.051053*	0.111368*	2.472177	0.6419
Sabah	8.419368	-0.919868	-0.014408	-0.075396**	-0.141607	1.278164**	-0.555243	2.083437*	0.5575
Sarawak	-144.791**	12.461635**	-0.065622*	0.087618*	-6.383406**	0.40054*	-0.970699**	3.682973**	0.7285
Terengganu	8.691751	0.900751*	-0.00131	0.02963	-0.006774	0.003512	0.111948	1.324604	0.5218

Nota: ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

5.3 Hubungan Sebab-Akibat

Seterusnya, bagi menjawab objektif ke-2, ujian sebab-akibat dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan dua hala yang wujud di antara dua pembolehubah. Sebelum melakukan ujian sebab akibat ini, ujian punca unit telah dilakukan terlebih dahulu bertujuan untuk menguji tahap kepegunan kesemua pembolehubah. Kemudiannya, barulah ujian sebab akibat dijalankan bagi melihat hubungan dua hala yang wujud di antara dua pembolehubah. Lampiran 2 merupakan dapatan hasil kajian punca unit dan didapati kesemua negeri berada pada keadaan yang tidak signifikan pada bentuk tingkat bagi keadaan konstan. Pada keadaan ini, hipotesis nol bagi kesemua negeri ini gagal untuk ditolak pada bentuk tingkat dan konstan. Namun pada peringkat pembezaan pertama dan konstan, kesemua pemboleh ubah bagi kesemua negeri dilihat berada pada keadaan yang signifikan pada aras keertian 5% dan 10%. Justeru itu, hipotesis nol bagi kesemua negeri di dalam ujian punca unit ini berjaya ditolak pada bentuk pembezaan pertama dan konstan.

Ujian punca unit bagi menentukan tahap kepegunan pemboleh ubah diteruskan lagi dengan melakukan ujian punca unit pada keadaan konstan dan tren linear. Hasil kajian mendapati pada bentuk tingkat, kesemua pemboleh ubah adalah tidak signifikan tetapi pada bentuk pembezaan pertama, hasil kajian mendapati kesemua pemboleh ubah bagi kesemua negeri ini adalah signifikan pada aras keertian 5% dan 10%. Justeru itu, hipotesis nol bagi kesemua negeri gagal untuk ditolak pada bentuk tingkat bagi keadaan konstan dan tren linear namun hipotesis nol berjaya ditolak pada bentuk pembezaan pertama bagi keadaan konstan dan tren linear.

Setelah itu barulah ujian sebab-akibat dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan dua hala yang wujud di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas. Berdasarkan jadual 5.2 dan 5.3, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan sebab-akibat di antara migrasi masuk dengan populasi penduduk bagi 10 buah negeri. Wujudnya hubungan dua hala di antara migrasi masuk dengan populasi bagi negeri Perak dan Selangor ($MM \leftrightarrow POP$) manakala 8 lagi negeri dilihat mempunyai hubungan sehala di mana migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada populasi penduduk negeri Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Sarawak ($MM \rightarrow POP$). Populasi penduduk pula dilihat menjadi penyebab kepada migrasi masuk bagi negeri Pahang dan Terengganu ($POP \rightarrow MM$). Sementara itu, penghijrahan keluar penduduk khususnya di Kuala Lumpur telah menyebabkan berlakunya pengurangan populasi disebabkan oleh penghijrahan keluar penduduk dari kepadatan penduduk dan ke kawasan berkepadatan rendah seperti di Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang (Katiman, Mohd Fuad dan Aishah, 2010). Jika dilihat kepada populasi penduduk di negeri Pulau Pinang ini, berlaku penghijrahan keluar penduduk bandar ke kawasan luar bandar Pulau Pinang atau ke negeri-negeri yang berhampiran kerana kos sara hidup yang tinggi sehingga menyebabkan penduduk terpaksa berhijrah keluar. Harga rumah yang mencecah sehingga RM 500,000 seunit telah membantutkan niat penduduk tempatan untuk tinggal di situ (Mohamed Farid, 2012).

Sementara itu bagi hubungan di antara migrasi masuk dengan kemasukan pelaburan asing, hasil kajian mendapati wujud hubungan sehala bagi 8 buah negeri di mana kemasukan pelaburan asing bagi 6 negeri iaitu Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Pahang dan Sarawak dilihat menjadi penyebab kepada migrasi masuk ke

negeri-negeri ini (FDI→MM). Manakala migrasi masuk bagi 2 negeri lagi iaitu Melaka dan Perak dilihat menjadi penyebab kepada kemasukan pelaburan asing ke negeri tersebut (MM→FDI). Bagi faktor pelaburan asing di negeri Selangor, negeri ini dilihat mampu untuk menarik lebih banyak pelaburan asing untuk terus melabur di negeri ini kerana negeri Selangor ini merupakan negeri perindustrian utama Malaysia dan mempunyai kelebihan terutamanya dari segi kemudahan infrastruktur, perbankan, pengurusan teknikal serta pengurusan sumber manusia yang baik (Usman dan Tarmiji, 2010).

Jika dilihat kepada hubungan sebab-akibat di antara migrasi masuk dengan pelaburan domestik pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan sehalu di antara pelaburan domestik dengan migrasi masuk bagi 5 negeri iaitu Johor, Melaka, Selangor, Perlis dan Sabah (DI→MM) manakala migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada pelaburan domestik bagi 4 negeri lagi iaitu Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak (MM→DI). Sementara itu, pelbagai usaha juga dijalankan oleh kerajaan pusat untuk memajukan ekonomi negeri Sabah antaranya dengan memberi inisiatif pelaburan langsung domestik dengan menekankan potensi sektor hiliran dalam industri minyak sawit di Sabah, status tenaga diperbaharui di Malaysia, polisi, garis panduan dan peluang potensi pelancongan di Sabah, serta reka bentuk dan pembangunan dalam industri perabot untuk peluang potensi masa depan di Sabah (Bernama, 2012). Pendapatan isi rumah bagi 9 negeri iaitu Johor, Kuala Lumpur, Melaka, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Perlis dan Sarawak dilihat mempunyai hubungan sehalu dengan migrasi masuk (HHI→MM). Jika dilihat kepada pendapatan isi rumah di negeri Pulau Pinang, kerajaan negeri ini telah memperuntukkan sebanyak RM 20 juta bagi tujuan membasmi kemiskinan dan juga

menyeimbangkan pendapatan isi rumah di negeri ini pada tahun 2012 di mana tingkat pendapatan isi rumah yang berpendapatan RM 600 ditingkatkan kepada RM 770 (Winnie, 2012).

Bagi hubungan sebab-akibat di antara pengangguran dengan migrasi masuk pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan sehalu di antara pengangguran dengan migrasi masuk bagi negeri Melaka, Pahang dan Sarawak (UN→MM) manakala migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada pengangguran bagi negeri Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Perlis (MM→UN). Selain itu, hasil kajian juga mendapati wujudnya hubungan sehalu di antara migrasi masuk dengan kadar kemiskinan bagi beberapa buah negeri iaitu Johor dan Kuala Lumpur (MM→POV) manakala kadar kemiskinan di kawasan destinasi dilihat menjadi penyebab kepada migrasi masuk ke negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Perlis dan Sarawak (POV→MM).

Terdapat 3 negeri yang mempunyai hubungan sehalu di antara penyertaan tenaga buruh dengan migrasi masuk iaitu negeri Perak, Pahang dan Sarawak (TB→MM) manakala migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada penyertaan tenaga buruh di kawasan destinasi bagi negeri Johor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor dan Sabah (MM→TB). Di Sarawak, selain daripada pelaburan dalam empangan hidro Bakun dan Murum, loji rawatan air, lapangan terbang serta beberapa projek lain telah membuka lebih 16,000 peluang pekerjaan kepada penduduk (Laporan MITI, 2012; Bernama, 2014). Justeru itu, Jadual 5.2 merupakan dapatan hasil kajian bagi ujian sebab-akibat negeri maju manakala Jadual 5.3 pula merupakan dapatan hasil kajian bagi ujian sebab-akibat negeri kurang maju.

Jadual 5.2

Ujian Sebab-Akibat Negeri Maju

Hipotesis Nol	Johor	Kuala Lumpur	Melaka	Negeri Sembilan	Perak	Pulau Pinang	Selangor
lnPOP → lnMM	1.0048	0.7528	2.1563	2.2873	7.8062**	1.8600	6.3460**
lnMM → lnPOP	2.6297*	4.9492**	2.4219	0.2756	15.7066**	4.8663**	3.1322*
lnFDI → lnMM	4.8303**	5.8600**	0.7976	1.2108	1.3248	5.6685**	5.8600**
lnMM → lnFDI	0.4102	0.4958	7.1908**	0.5972	3.5572**	2.1782	0.1049
lnDI → lnMM	2.2734*	1.6335	7.3499**	2.4961	1.7021	0.8894	3.3707**
lnMM → lnDI	2.4762	5.6046**	1.6733	1.2792	3.5634**	5.5695**	0.0539
lnHHI → lnMM	2.7490*	8.3002**	5.3843**	2.2163	3.1222*	3.0686*	4.7232**
lnMM → lnHHI	0.0873	1.1887	0.1602	0.1844	0.8525	0.0203	0.0797
lnUN → lnMM	1.0148	1.1433	4.0692**	0.7656	1.0930	0.3523	2.0996
lnMM → lnUN	1.3516	2.6617*	0.3147	0.0916	3.1704*	4.7070**	2.6617*
lnPOV → lnMM	0.4356	1.8234	4.7641**	3.1473*	3.9573**	0.8487	3.9522**
lnMM → lnPOV	4.2216**	5.0895**	0.1571	0.0827	1.5942	0.3751	1.2177
lnTB → lnMM	0.6851	2.4470	0.4223	1.0410	3.6856**	2.4031	1.2231
lnMM → lnTB	9.9113**	2.6644*	2.4160	3.6908**	0.4409	3.0860*	2.6644*

Nota: ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

Jadual 5.3


Ujian Sebab-Akibat Negeri Kurang Maju

Hipotesis Nol	Kedah	Kelantan	Pahang	Perlis	Sabah	Sarawak	Terengganu
lnPOP → lnMM	1.1940	0.1533	3.7489**	0.2150	1.9126	1.3416	5.0738**
lnMM → lnPOP	8.6088**	4.4414**	0.1060	0.2610	0.0078	4.4942**	0.9194
lnFDI → lnMM	0.3762	0.3444	6.7756**	0.2529	0.6279	4.1757**	0.3457
lnMM → lnFDI	2.1509	0.5551	0.4933	0.2524	0.1377	0.0023	0.0107
lnDI → lnMM	0.9593	0.6410	0.2856	5.9165**	2.8306*	0.3342	1.5000
lnMM → lnDI	0.1264	1.2994	2.3443	1.5441	0.1377	4.4906**	0.4433
lnHHI → lnMM	2.0736	0.5020	4.8696**	3.9808**	1.7198	5.7369**	1.7907
lnMM → lnHHI	1.8209	0.0571	0.0256	0.2168	0.3610	0.6123	1.5247
lnUN → lnMM	0.3844	2.5090	3.1018*	1.8874	1.1662	4.9894**	1.3771
lnMM → lnUN	0.1700	0.5031	0.7414	4.3396**	2.5103	1.8638	1.7030
lnPOV → lnMM	2.6385*	0.9614	0.3870	4.4627**	1.8689	5.4942**	1.5910
lnMM → lnPOV	0.2554	0.0224	0.1877	0.1182	0.3492	0.7407	0.0390
lnTB → lnMM	0.2101	2.4250	3.3607*	0.8623	0.0083	7.9276**	1.0640
lnMM → lnTB	4.2989**	0.8093	0.2807	0.7656	3.3904**	0.1051	0.3731

Nota: ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

5.4 Rumusan

Dapatan hasil kajian bagi menjawab objektif 1 dan 2 bagi setiap negeri telah dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bab ini. Ujian kuasa dua terkecil dijalankan bagi menjawab objektif 1 manakala ujian sebab akibat pula dibuat bagi menjawab objektif 2. Bagi ujian kuasa dua terkecil, kesemua negeri memperolehi dapatan hasil kajian yang berbeza mengikut negeri berdasarkan persamaan yang telah dibentuk. Manakala bagi ujian sebab akibat pula, sekurang-kurangnya terdapat satu hubungan sehalu yang wujud di antara migrasi masuk dengan pemboleh ubah bebas bagi semua negeri di Malaysia. Populasi penduduk dilihat mempunyai hubungan sebab-akibat dengan migrasi masuk bagi sepuluh negeri iaitu wujud hubungan dua hala ujian sebab-akibat di antara migrasi masuk dengan populasi penduduk di Selangor dan Perak manakala wujud hubungan sehalu ujian sebab-akibat di antara migrasi masuk dengan populasi penduduk di negeri Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Pahang, Sarawak dan Terengganu.



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB ENAM

ANALISIS HUBUNGAN JANGKA PANJANG, JANGKA PENDEK DAN UNJURAN

6.1 Pengenalan

Bab ini menganalisis dapatan hasil kajian bagi menjawab objektif 3 dan objektif 4. Kaedah yang digunakan bagi menjawab objektif ke-3 ialah kaedah autoregresi lat tertabur manakala bagi menjawab objektif ke-4, kaedah yang digunakan ialah ujian ramalan. Ujian ini masih lagi melibatkan kesemua negeri (14 negeri) dan dapatan hasil kajian diterangkan di dalam topik 6.1 (bagi kaedah autoregresi lat tertabur, ARDL) dan 6.2 (bagi kaedah ramalan, *forecasting*). Bagi kaedah unjuran ini, unjuran sebanyak 8 tahun (sehingga tahun 2020) telah dibuat bagi melihat tren migrasi masuk yang akan berlaku pada masa hadapan. Dapatan hasil kajian akan diuraikan dengan lebih lanjut dalam topik ini.

6.2 Hubungan Jangka Panjang dan Jangka Pendek

Seterusnya, ujian autoregresi lat tertabur (ARDL) dijalankan bagi melihat hubungan jangka pendek dan jangka panjang yang wujud di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas. Kaedah autoregresi lat tertabur ini melibatkan beberapa langkah utama iaitu i) ujian sempadan untuk kewujudan hubungan jangka panjang, ii) ujian anggaran koefisien jangka panjang bagi mengesahkan kestabilan model, iii) ujian penganggaran model pembetulan ralat (VECM) bagi pilihan model ARDL bertujuan untuk melihat pembetulan ralat yang berlaku disamping hubungan jangka pendek antara pembolehubah, iv) ujian diagnostik bertujuan untuk menguji

keteguhan model ARDL dan v) ujian CUSUM dan CUSUMSQ bertujuan untuk menguji kestabilan model.

Langkah pertama ujian bagi ARDL ini adalah dengan melakukan ujian sempadan bertujuan untuk melihat kewujudan hubungan jangka panjang bagi semua negeri di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua negeri mempunyai kewujudan hubungan jangka panjang dan signifikan sekurang-kurangnya pada aras keertian 1%, 5% atau 10%. Dapatan hasil kajian F-statistik bagi ujian sempadan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Kelantan, Pahang, Perlis, Sabah dan Sarawak dilihat berada atas daripada nilai kritikal 1% (4.26) dan ini menunjukkan bahawa wujudnya hubungan jangka panjang bagi kelapan-lapan negeri ini pada aras keertian 1%. Sementara itu bagi negeri Johor dan Kedah, hasil kajian mendapati nilai F-statistik bagi kedua-dua negeri ini berada atas dari nilai kritikal 5% iaitu atas daripada nilai 3.50.

Justeru itu, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka panjang bagi kedua-dua negeri ini pada aras keertian 5%. Manakala bagi negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Terengganu pula, hasil kajian mendapati nilai F-statistik bagi keempat-empat negeri ini berada di atas daripada nilai kritikal 10% iaitu lebih daripada nilai 3.13. Justeru itu, keempat-empat negeri ini dilihat signifikan pada aras keertian 10%. Nilai F-statistik yang signifikan ini menunjukkan bahawa wujud hubungan jangka panjang hubungan di antara pemboleh ubah bersandnr dengan sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah bebas dan hipotesis nol berjaya ditolak (Maamor dan Abdullah, 2009). Jadual 6.1 menunjukkan dapatan hasil kajian bagi

ujian sempadan untuk melihat kewujudan hubungan jangka panjang bagi semua negeri di Malaysia.

Jadual 6.1

Ujian Sempadan Untuk Melihat Kewujudan Hubungan Jangka Panjang Bagi Semua Negeri di Malaysia

Negeri	F-statistik	Kebarangkalian
Negeri Maju		
Johor	4.7960 **	0.029
Kuala Lumpur	60.0820 ***	0.000
Melaka	3.4611 *	0.063
Negeri Sembilan	3.0998 *	0.078
Perak	3.0608 *	0.080
Pulau Pinang	4.6554 ***	0.031
Selangor	43.2347 ***	0.000
Negeri Kurang Maju		
Kedah	4.2165 **	0.040
Kelantan	47.3978 ***	0.000
Pahang	10.1635 ***	0.001
Perlis	6.1978 ***	0.013
Sabah	44.2453 ***	0.000
Sarawak	124.6138 ***	0.000
Terengganu	3.6904 *	0.055
Nilai kritikal		
	Bawah	Atas
Aras keertian 1%	2.96	4.26
Aras keertian 5%	2.32	3.50
Aras keertian 10%	2.03	3.13

Nota: Nilai kritikal diperoleh daripada Pesaran et al (2001), berdasarkan kepada jadual CI (iii) bagi kes III (tanpa kekangan konstan dan tiada tren), () merupakan kebarangkalian manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% and 10%.

Selepas ujian sempadan dijalankan, ujian anggaran koefisien jangka panjang bagi mengesahkan kestabilan model telah dijalankan. Berdasarkan kepada jadual 6.2 dan jadual 6.3, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka panjang di antara migrasi masuk dengan sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah bagi setiap negeri. Jika dilihat kepada hubungan migrasi masuk dengan pemboleh ubah populasi penduduk, hasil kajian mendapati terdapat 5 negeri yang mempunyai hubungan jangka panjang di antara kedua-dua pemboleh ubah ini di mana hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka panjang yang positif di antara migrasi masuk dengan populasi bagi negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu manakala wujudnya

hubungan yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Seterusnya bagi hubungan jangka panjang di antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan pelaburan asing, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan positif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang dan Selangor. Hubungan positif yang wujud di antara pelaburan asing dengan migrasi masuk ini adalah disebabkan oleh kedudukan negeri Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kawasan perindustrian utama di Malaysia dan ia telah menarik minat pelabur asing untuk membuat pelaburan di kawasan tersebut dan kenyataan ini disokong oleh Usman dan Tarmiji (2010). Manakala bagi negeri Perak, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan yang negatif di antara migrasi masuk dengan pelaburan asing dalam jangka panjang.

Bagi hubungan jangka panjang di antara migrasi masuk dengan pelaburan domestik pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka panjang yang negatif bagi negeri Sabah manakala terdapat 4 negeri yang mempunyai hubungan jangka panjang yang positif bagi kedua-dua pemboleh ubah ini iaitu negeri Johor, Melaka, Perlis dan Sarawak. Sementara itu menurut Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron, sebanyak RM 3.02 bilion merupakan pelaburan domestik yang diterima daripada syarikat tempatan manakala bakinya sebanyak RM 6.95 bilion merupakan pelaburan asing yang diterima daripada Amerika Syarikat (RM 2.17 bilion), Taiwan (RM 1.24 bilion), Jepun (RM 1.3 bilion), Singapura (RM 588.51 juta) dan China sebanyak RM 5.96 juta (Bernama, 2013).

Pelaburan ini juga telah membuka peluang pekerjaan sebanyak 82,100 pekerjaan dalam pelbagai sektor kepada masyarakat. Justeru itu, peningkatan pelaburan di negeri ini dilihat menjadi penyebab kepada penghijrahan penduduk untuk masuk ke negeri ini. Bagi memajukan pertumbuhan ekonomi Perlis pula, kerajaan negeri telah mensasarkan sebanyak RM 10 bilion dana dari pelaburan domestik dan asing untuk melabur dalam Pembangunan Lembah Chuping di samping membuka lebih dari 16,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan (Bernama, 2014).

Jika dilihat kepada hubungan jangka panjang di antara migrasi masuk dengan pemboleh ubah pendapatan isi rumah pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka panjang yang positif bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Sarawak. Manakala bagi negeri Melaka, Perak dan Pulau Pinang, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan yang negatif di antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan pendapatan isi rumah.

Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan yang positif di antara migrasi masuk dengan pemboleh ubah pengangguran bagi negeri Sarawak manakala wujudnya hubungan yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang dan Selangor.

Bagi hubungan jangka panjang di antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan pemboleh ubah kemiskinan pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka panjang yang positif bagi negeri Melaka dan Sarawak. Manakala hasil kajian mendapati hanya satu negeri iaitu negeri Perlis yang mempunyai hubungan jangka panjang negatif bagi kedua-dua pemboleh ubah ini.

Sementara itu, hasil kajian mendapati terdapat 6 negeri yang wujud hubungan jangka panjang di antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan penyertaan tenaga buruh. Bagi hubungan jangka panjang yang positif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini, hasil kajian mendapati Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah dan Pahang mempunyai hubungan yang positif manakala wujudnya hubungan yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi negeri Sabah. Justeru itu, Jadual 6.2 merupakan dapatan hasil kajian bagi anggaran koefisien jangka panjang negeri maju manakala jadual 6.3 pula merupakan dapatan hasil kajian bagi anggaran koefisien jangka panjang negeri kurang maju.



Jadual 6.2

Anggaran Koefisien Jangka Panjang Negeri Maju

Pemboleh ubah	Johor	Kuala Lumpur	Melaka	Negeri Sembilan	Perak	Pulau Pinang	Selangor
lnPOP	-5.5803 (0.634)	-18.0122** (0.010)	-3.6151 (0.249)	4.8311 (0.340)	1.7479 (0.703)	6.7322 (0.419)	-19.1778** (0.006)
lnFDI	0.1686 (0.291)	1.1374** (0.023)	3.1743* (0.051)	0.0464 (0.727)	-0.2953** (0.049)	0.4101* (0.091)	4.1329** (0.029)
lnDI	4.2415** (0.046)	1.0047 (0.170)	0.1786** (0.048)	0.0275 (0.903)	0.1435 (0.273)	0.0329 (0.863)	0.8983 (0.163)
lnHHI	1.3725 (0.604)	12.8501* (0.090)	-10.0567** (0.001)	-1.1780 (0.753)	-5.4905** (0.043)	-9.3427** (0.017)	12.6052* (0.057)
lnUN	-0.1787 (0.451)	-1.1924* (0.087)	-1.4690** (0.002)	0.1747 (0.889)	-0.1176 (0.756)	-0.8775** (0.033)	-2.1644** (0.004)
lnPOV	1.1883 (0.117)	1.9459 (0.319)	0.8677** (0.027)	0.7069 (0.452)	-0.3921 (0.624)	-0.1840 (0.544)	1.8658 (0.256)
lnTB	4.3335 (0.285)	30.8783** (0.021)	-1.5442 (0.750)	21.3037** (0.062)	3.1084 (0.307)	3.2085 (0.480)	23.8703** (0.021)
C	83.0968 (0.107)	-519.4968** (0.009)	-75.3485** (0.048)	-105.3396 (0.180)	19.8503 (0.669)	-30.7156 (0.443)	-530.4449** (0.05)

Nota: () merupakan nilai kebarangkalian manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% and 10%.

Jadual 6.3

Anggaran Koefisien Jangka Panjang Negeri Kurang Maju

Pemboleh ubah	Kedah	Kelantan	Pahang	Perlis	Sabah	Sarawak	Terengganu
lnPOP	-3.5529 (0.550)	40.8366** (0.001)	28.3916** (0.030)	19.7856 (0.286)	-1.3640 (0.786)	-17.5569 (0.461)	0.1781** (0.021)
lnFDI	-0.0505 (0.624)	-0.0538 (0.154)	-0.6615E-4 (1.00)	0.0687 (0.187)	0.0442 (0.822)	-0.0958 (0.172)	0.0124 (0.780)
lnDI	-0.2208 (0.158)	-0.0457 (0.461)	-0.0953 (0.244)	0.1471** (0.008)	-0.3739* (0.060)	0.3244** (0.005)	0.1963 (0.239)
lnHHI	3.7856 (0.465)	8.5874 (0.215)	3.7711 (0.179)	-5.7346 (0.334)	7.6235 (0.237)	22.0005** (0.021)	-10.0430 (0.148)
lnUN	0.5361 (0.486)	-0.0854 (0.897)	-0.3824 (0.418)	-1.5215 (0.265)	-0.5477 (0.700)	3.0823** (0.013)	-1.0528 (0.385)
lnPOV	-0.2580 (0.753)	2.0008 (0.351)	0.0993 (0.866)	-0.4372** (0.025)	-0.0471 (0.973)	4.7479** (0.021)	0.3719 (0.532)
lnTB	17.7789** (0.031)	0.1412 (0.958)	11.2133** (0.000)	0.2194 (0.980)	-18.2744** (0.024)	4.4999 (0.375)	-19.1182 (0.449)
C	-78.5478 (0.265)	-3.4085 (0.917)	-136.0912** (0.016)	-145.5171 (0.345)	18.0098 (0.630)	-707.9513** (0.004)	104.4680 (0.238)

Nota: () merupakan nilai kebarangkalian manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% and 10%.

Seterusnya kajian ini diteruskan lagi dengan melakukan ujian penganggaran model pembetulan ralat (VECM) bagi pilihan model ARDL. Hasil kajian mendapati wujud pembetulan ralat jangka panjang bagi kesemua negeri maju tetapi bagi negeri kurang maju, hanya negeri Perlis dan Terengganu yang wujud pembetulan ralat jangka panjang. Berdasarkan jadual 6.4 dan jadual 6.5, hasil kajian mendapati hampir kesemua negeri (kecuali negeri Sabah dan Kelantan) mempunyai hubungan jangka pendek di antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan sekurang-kurangnya satu pemboleh ubah bersandar. Jika dilihat kepada hubungan jangka pendek yang wujud di antara migrasi masuk dengan populasi penduduk, didapati 4 negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pahang dan Sarawak mempunyai hubungan jangka pendek bagi kedua-dua pemboleh ubah ini. Manakala wujudnya hubungan jangka pendek yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi negeri Johor dan Terengganu.

Selain itu bagi hubungan jangka pendek di antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan pelaburan asing, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka pendek yang positif bagi negeri Johor dan Pulau Pinang manakala bagi negeri Selangor, Pahang dan Sarawak, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka pendek yang negatif bagi kedua-dua pemboleh ubah ini. Peningkatan pelaburan asing ke negeri ini adalah kerana Pulau Pinang dilihat mempunyai kelebihan sumber manusia serta kemudahan infrastruktur dan juga kemajuan teknologi yang boleh menjadi faktor pendorong kepada pembangunan sosioekonomi penduduk di samping sektor perindustrian dan pembuatan (Bernama, 2013).

Bagi pemboleh ubah pelaburan domestik pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan yang positif di antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan pelaburan domestik bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak. Manakala hasil kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini dalam jangka pendek bagi negeri Perak.

Sementara itu, hasil kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan jangka pendek yang positif di antara migrasi masuk dengan pemboleh ubah pendapatan isi rumah bagi negeri Johor dan Perak manakala wujudnya hubungan jangka pendek yang negatif bagi negeri Pulau Pinang, Pahang, Perlis dan Sarawak.

Jika dilihat kepada hubungan jangka pendek bagi pemboleh ubah migrasi masuk dengan pengangguran pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan jangka pendek yang negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Pahang. Manakala hasil kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan yang negatif di antara pemboleh ubah migrasi masuk ini dengan pengangguran bagi negeri Sarawak.

Selain itu, pemboleh ubah kemiskinan dilihat mempunyai hubungan jangka pendek yang negatif dengan migrasi masuk ke negeri Sarawak manakala wujudnya hubungan yang positif bagi kedua-dua pemboleh ubah ini bagi negeri Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Perak, Selangor dan Perlis.

Bagi hubungan jangka pendek di antara migrasi masuk dengan penyertaan tenaga buruh pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan yang positif di antara kedua-

dua pemboleh ubah ini bagi 9 buah negeri iaitu Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Pahang dan Sarawak. Oleh kerana negeri Perak merupakan salah satu negeri pengeluar bijih timah, maka ia telah berjaya menarik minat syarikat pengeluar bijih timah terbesar dunia, iaitu Vale S.A untuk melabur di sini. Pemilihan Teluk Rubiah di Lumut, Perak ini untuk dijadikan lokasi perindustrian ini kerana kedudukannya yang strategik di selat Melaka dan juga mempunyai tenaga buruh yang berkemahiran (Utusan, 2012). Selain itu, sebanyak RM 1.1 bilion pelaburan asing telah dilaburkan di negeri ini dan peningkatan dalam pelaburan ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk (Peraknews, 2014). Jadual 6.4 dan jadual 6.5 merupakan dapatan hasil kajian bagi ujian penganggaran model pembetulan ralat (VECM) bagi pilihan model ARDL negeri maju serta negeri kurang maju.



UUM
Universiti Utara Malaysia

Jadual 6.4

Penganggaran Model Pembedulan Ralat (VECM) Bagi Pilihan Model ARDL Negeri Maju

Pemboleh ubah	Johor	Kuala Lumpur	Melaka	Negeri Sembilan	Perak	Pulau Pinang	Selangor
	(0,0,0,1,0,1,0,0)	(0,1,0,0,1,0,0,0)	(0,0,0,0,0,1,1,0)	(0,0,0,0,1,0,0,0)	(1,1,1,1,1,0,0,0)	(0,1,0,1,0,0,0,0)	(1,1,1,0,1,1,0,1)
C	83.0968	-375.4129**	-75.3485**	-105.3396	31.1309	-30.7156	-421.0152
$\Delta \ln \text{POP}$	-5.5803	-0.1148	-3.6151	4.8322	-5.5100	6.7322	-1.6670
$\Delta \ln \text{FDI}$	0.1686	0.5056**	3.1743*	0.0464	-0.0913	0.4101*	0.6996
$\Delta \ln \text{DI}$	0.5197	0.7254*	0.1786**	0.0275	-0.3738	0.0329	0.7130*
$\Delta \ln \text{HHI}$	1.3725	1.8576	-10.0567**	-1.1780	-0.2690	-9.3427**	3.4533
$\Delta \ln \text{UN}$	0.0209	-0.5024	-0.8369**	0.1747	-0.1844	-0.8775**	0.1102
$\Delta \ln \text{POV}$	1.1883	1.4048	0.5149**	0.7069	-0.6149	-0.1840**	1.4809
$\Delta \ln \text{TB}$	4.3335	34.1876**	-1.5442	3.8753	4.8749	3.2085	34.8037**
$\Delta \ln \text{MM}(-1)$	-1.5642**	-1.7566**	-1.5390**	-1.3303**	-0.6709**	-1.4720**	-1.6866**
$\Delta \ln \text{POP}(-1)$	-15.9377**	8.7041**	3.8068	6.0309	-8.5680	0.8423	7.3323**
$\Delta \ln \text{FDI}(-1)$	0.3442**	-0.2298	0.0979	0.1507	0.2768	0.5480**	-0.4495**
$\Delta \ln \text{DI}(-1)$	0.2999	1.4516**	0.2226	0.0073	-1.0870*	0.7148**	1.3819**
$\Delta \ln \text{HHI}(-1)$	12.0548**	-1.5057	0.2893	-1.4250	6.0456*	-5.1494**	2.8387
$\Delta \ln \text{UN}(-1)$	0.8451	-1.4124**	-0.1678	-0.6202	-3.3308**	-1.4477**	-0.9918**
$\Delta \ln \text{POV}(-1)$	4.3029**	4.6874**	1.7135**	0.7868	3.2352*	-0.2230	5.9390**
$\Delta \ln \text{TB}(-1)$	10.2986**	55.6691**	4.5055	26.4469**	15.8574**	9.3424**	64.1811**
$\text{ECM}(-1)$	-0.7555**	-0.7220**	-0.7095**	-0.6969**	-1.5683**	-0.7095**	-0.7937**
R^2 Terlaras	0.9567	0.9363	0.9685	0.8893	0.9595	0.8097	0.9873
Statistik-DW	1.8970	2.5671	2.3497	2.2068	1.9234	2.4868	3.1356
Kriteria Maklumat Akaike	-7.9873	-33.0426	-17.8387	-30.6550	-12.9678	-17.5297	-7.6074

Nota: ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% and 10%.

Jadual 6.5

Penganggaran Model Pembedulan Ralat (VECM) Bagi Pilihan Model ARDL Negeri Kurang Maju

Pemboleh ubah	Kedah	Kelantan	Pahang	Perlis	Sabah	Sarawak	Terengganu
	(0,0,0,1,0,0,0)	(0,0,0,0,1,0,0)	(0,0,1,1,1,0,0)	(1,0,0,0,0,1,1,0)	(0,0,1,1,1,0,0,0)	(1,1,1,0,1,1,1,1)	(1,1,0,1,1,1,0,1)
C	-78.5478	-3.4085	-136.0912**	-82.7267	18.0098	-433.8594**	67.3171
$\Delta \ln \text{POP}$	-3.5529	40.8366**	28.3916**	11.2481	-1.3640	14.2704	0.1781**
$\Delta \ln \text{FDI}$	-0.0505	-0.0538	-0.1753	0.0391	-0.1470	-0.1310**	0.0080
$\Delta \ln \text{DI}$	0.0082	-0.0457	0.0317	0.1471**	-0.2085	0.1988**	0.0415
$\Delta \ln \text{HHI}$	3.7856	8.5874	0.3441	-3.2601	-0.2421	2.0656	-3.0540
$\Delta \ln \text{UN}$	0.5361	0.7635	-0.3824	0.1459	-0.5477	1.2148**	0.1485
$\Delta \ln \text{POV}$	-0.2580	2.0008	0.0993	-2.9607**	-0.0471	1.5131**	0.2396
$\Delta \ln \text{TB}$	17.7789**	0.1412	11.2133**	0.1248	-18.2744**	11.2568**	0.3623
$\Delta \ln \text{MM}(-1)$	-1.2264**	-0.9035**	-1.0824**	-1.9163**	-0.8812**	-2.0106**	-1.3002**
$\Delta \ln \text{POP}(-1)$	-1.0365	-0.9926	9.4183**	9.3488	-0.9980	26.7856**	-8.0166*
$\Delta \ln \text{FDI}(-1)$	0.1301	-0.0751	-0.3767*	0.0707	-0.0784	-0.2894**	0.02318
$\Delta \ln \text{DI}(-1)$	0.3887	0.0194	0.2323	0.0864	-0.2715	0.2616**	0.0669
$\Delta \ln \text{HHI}(-1)$	1.0934	1.0638	-4.5987*	-4.0475**	1.4844	-9.0489**	3.3056
$\Delta \ln \text{UN}(-1)$	1.2206	0.7202	-1.0632*	-0.7469	0.8698	0.8488**	0.0364
$\Delta \ln \text{POV}(-1)$	1.1573	0.0177	-0.6528	1.2270**	1.9437	-10.0233**	0.7632
$\Delta \ln \text{TB}(-1)$	17.8781*	2.8339	11.0219**	0.2822	-3.4437	27.9599**	4.3286
ECM(-1)	-1.0000	-1.0000	-1.0000	-0.5685**	-1.0000	-0.6128**	-0.6444**
R ² Terlaras	0.9009	0.8973	0.9445	0.9596	0.9003	0.9958	0.9281
Statistik-DW	2.3655	2.4777	2.2956	1.8200	2.7154	2.4021	1.9631
Kriteria Maklumat Akaike	-22.4930	-16.5081	-23.2821	-24.0097	-26.1697	23.5881	-22.1546

Nota: ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% and 10%.

Seterusnya bagi menguji keteguhan model ARDL ini, ujian diagnostik dijalankan dan dapatan hasil kajian ditunjukkan dalam lampiran 3. Hasil kajian bagi ujian diagnostik LM dan F-statistik ini mendapati kesemua ujian iaitu ujian LM, ujian Ramsey's RESET, ujian Jarque-Bera dan ujian ARCH adalah tidak signifikan pada mana-mana aras keertian. Ini menunjukkan bahawa model ARDL bagi setiap negeri adalah kukuh dan ujian *Cumulative Sum of Recursive Residual* (CUSUM) serta *Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals* (CUSUMSQ) dapat diteruskan bertujuan untuk menguji kesabilan model ini.

Bagi dapatan hasil kajian bagi ujian CUSUM dan CUSUMSQ pula, hasil kajian mendapati kedua-dua ujian ini berada di dalam garisan kritikal pada aras keertian 5% bagi kesemua negeri (rujuk lampiran 3). Ini menunjukkan bahawa wujud kestabilan koefisien jangka panjang model ARDL ini bagi setiap negeri dan menurut Pesaran dan Pesaran (1997), kestabilan anggaran koefisien jangka panjang ini perlu dijalankan bagi mengesahkan kesesuaian model yang digunakan (Maamor dan Abdullah, 2009).

6.3 Unjuran (*Forecasting*)

Ujian unjuran ini dijalankan bertujuan untuk melihat ramalan yang mungkin terjadi kepada migrasi masuk bagi setiap negeri berdasarkan data yang ada pada hari ini. Terdapat lima langkah utama untuk kaedah ini iaitu i) ujian menggunakan kaedah ARIMA dan pecahan tempoh masa bertujuan untuk mengenalpasi parameter pembolehubah yang sesuai, ii) graf *actual*, *fitted* dan *residual* bertujuan untuk melihat tren migrasi masuk ke setiap negeri sehingga tahun yang telah diunjurkan, iii) graf ramalan migrasi masuk, iv) eksponen penghalusan bertujuan untuk melihat

nilai tempoh unjuran berdasarkan nilai bermusim yang bersesuaian dan v) ujian pecahan tempoh masa bertujuan untuk melihat tren migrasi masuk mengikut tempoh masa tertentu kerana kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1985, antara 1997-1998 dan juga pada tahun 2008 mungkin menjadi penyebab kepada pertambahan atau pengurangan migrasi masuk ini

Berdasarkan dapatan hasil kajian bagi ujian ARIMA, hasil kajian dalam Jadual 6.6 mendapati kesemua negeri adalah signifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10%. Kombinasi ARIMA bagi negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Terengganu adalah signifikan pada kombinasi ARIMA (0,1,1). Manakala negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Pahang dan Perlis dilihat signifikan pada kombinasi ARIMA (1,1,1). Justeru itu, wujud perubahan terhadap struktur model yang telah dibangunkan bagi setiap negeri. Jadual 6.6 merupakan dapatan hasil kajian bagi ujian ARIMA bagi migrasi masuk negeri maju dan kurang maju.

Jadual 6.6
Ujian ARIMA bagi Negeri Maju dan Kurang Maju

Negeri	Kombinasi ARIMA	C	AR(1)	MA(1)
Negeri Maju				
Johor	(1,1,1)	1.4969 [0.6931] (0.4938)	0.9511** [4.4416] (0.0000)	-0.3797* [-1.7489] (0.0909)
Kuala Lumpur	(0,1,1)	-	-	-0.7812** [7.0053] (0.0000)
Melaka	(1,1,1)	-5.3932 [-0.0948] (0.9251)	0.9934** [22.0681] (0.0000)	-0.9999** [-23898.1] (0.0000)
Negeri Sembilan	(1,1,1)	3.5638** [8.5713] (0.0000)	1.0979** [15.3405] (0.0000)	-0.9999** [-7.1054] (0.0000)
Perak	(1,1,1)	-1.0379 [-0.1463] (0.8847)	0.9881** [39.1852] (0.0000)	-0.9999** [-13.1306] (0.0000)
Pulau Pinang	(0,1,1)	-	-	0.8322** [8.5525] (0.0000)

Jadual 6.6 (Sambungan)

Negeri	Kombinasi ARIMA	C	AR(1)	MA(1)
Selangor	(1,1,1)	2.4743** [2.1028] (0.0443)	0.9139** [7.3190] (0.0000)	-0.4628* [-1.8418] (0.0758)
Negeri Kurang Maju				
Kedah	(0,1,1)	-	-	2.4940** [12.6941] (0.0000)
Kelantan	(0,1,1)	-	-	0.8882** [11.0059] (0.0000)
Pahang	(1,1,1)	-0.4095 [-0.0488] (0.9615)	0.9846** [23.0240] (0.0000)	-0.9999** [-6.1309] (0.0000)
Perlis	(1,1,1)	-1.9678 [-0.0921] (0.9273)	0.9892** [19.5682] (0.0000)	-0.9999** [-9.4651] (0.0000)
Sabah	(0,1,1)	-	-	0.7436** [6.1438] (0.0000)
Sarawak	(0,1,1)	-	-	0.8882** [7.7973] (0.0000)
Terengganu	(0,1,1)	-	-	0.9542** [20.6307] (0.0000)

Nota: [] merupakan nisbah t, () merupakan kebarangkalian manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% and 10%.

Seterusnya graf *actual*, *fitted* dan *residual* bagi semua negeri telah dilakukan sehingga unjuran tahun 2020. Hasil kajian (Rujuk lampiran 7) mendapati graf *actual*, *fitted* dan *residual* bagi kesemua negeri mengalami keadaan yang fluktuasi. Hasil kajian mendapati graf *actual*, *fitted* dan *residual* bagi kesemua negeri mengalami peningkatan yang paling ketara pada tahun 1991 dan hanya graf *residual* negeri Pulau Pinang serta Terengganu berada di atas nilai 0 bagi tempoh antara tahun 1980 hingga 2012. Manakala bagi graf *actual* dan *fitted* pula, hasil kajian mendapati tren graf ini bagi kesemua berada di atas dari nilai 0 dan di atas dari graf *residual* bagi tempoh masa antara tahun 1980 hingga 2012.

Seterusnya unjuran dan eksponen penghalusan (*exponential smoothing*) Bagi semua negeri ini telah dijalankan dan hasil kajian adalah seperti di jadual 6.7 dan di

lampiran 8. Jika dilihat kepada dapatan hasil unjuran, hasil kajian mendapati nilai ralat min kuasa dua (RMSE) negeri Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Pahang dan Perlis berada di bawah nilai 1 manakala nilai RMSE negeri Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Terengganu berada di atas dari nilai 1. Negeri yang mencatatkan nilai RMSE paling tinggi ialah negeri Pulau Pinang dengan mencatatkan nilai RMSE sebanyak 1.7421 manakala negeri Perak telah mencatatkan nilai RMSE yang paling rendah iaitu 0.4057.

Bagi nilai ralat mutlak min pula, hasil kajian mendapati negeri Pulau Pinang telah mencatatkan nilai MAE yang paling tinggi iaitu 1.5875 manakala negeri Perak telah mencatatkan nilai MAE yang paling rendah iaitu 0.2597. Sementara itu bagi nilai peratusan ralat mutlak min, negeri Sarawak mencatatkan nilai MAPE yang paling tinggi iaitu 505.7403 manakala nilai MAPE yang paling rendah direkodkan adalah Negeri Sembilan bernilai 0.0765.

Bagi ujian pekali ketidaksamaan theil, hasil kajian mendapati keputusan ujian theil bagi kesemua negeri adalah bernilai lebih dari sifar namun tidak menghampiri angka 1. Nilai ujian theil yang paling tinggi adalah negeri Perlis iaitu sebanyak 0.8890 manakala ujian yang theil paling rendah direkodkan adalah Negeri Sembilan dengan nilai theil sebanyak 0.0685. Walaupun ujian theil negeri Perlis, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, Selangor dan Kedah bernilai lebih dari 0.1, namun ia dilihat jauh lebih baik berbanding nilai nai've. Begitu juga dengan negeri-negeri lain, dapatan hasil kajian ujian theil's bagi kesemua negeri adalah kurang dari 1 dan teknik

ramalan yang digunakan dalam kajian ini adalah lebih baik dari kaedah nai've (Fatmawati, 2013).

Sementara itu bagi ujian eksponen penghalusan pula, hasil kajian mendapati negeri yang mencatatkan nilai SSR yang paling tinggi adalah negeri Sabah dengan nilai SSR sebanyak 30.6121 manakala negeri Perak mencatatkan nilai SSR yang paling rendah iaitu 6.6141. Jadual 6.7 merupakan perbandingan dapatan hasil bagi unjuran dan eksponen penghalusan bagi semua negeri.

Jadual 6.7
Perbandingan Ujian Ramalan dan Eksponen Penghalusan Bagi Semua Negeri


Negeri	Jenis Ujian				
	RMSE	MAE	MAPE	U	SSR
Negeri Maju					
Johor	0.6794	0.5165	23.8916	0.1496	7.3370
Kuala Lumpur	0.6455	0.3954	17.3145	0.1158	17.5393
Melaka	0.5943	0.4067	22.8478	0.1031	12.6757
Negeri Sembilan	0.4890	0.3149	10.5412	0.0765	8.4703
Perak	0.4057	0.2597	10.4571	0.0815	6.6141
Pulau Pinang	1.7421	1.5875	54.1452	0.3963	8.4559
Selangor	0.9730	0.7186	39.1487	0.1678	18.3117
Negeri Kurang Maju					
Kedah	1.4737	1.3553	70.5137	0.3665	15.6211
Kelantan	1.4618	1.3371	52.8302	0.3826	6.9329
Pahang	0.5623	0.2944	9.9882	0.0999	12.6768
Perlis	0.5362	0.3223	10.6446	0.0967	10.3554
Sabah	1.0086	0.8855	70.0353	0.4461	30.6121
Sarawak	1.0491	0.9431	505.7403	0.3864	8.7126
Terengganu	1.5092	1.3977	51.5970	0.3583	6.7692

Nota: RMSE = ralat min kuasa dua, MAE = ralat mutlak min, MAPE = peratusan ralat mutlak min, U=pekali ketidaksamaan theil dan SSR = jumlah ralat kuasa dua





Kajian diteruskan lagi dengan melihat kepada tren ramalan beserta unjuran migrasi masuk sehingga tahun 2020 bagi kesemua negeri. Hasil kajian mendapati lapan negeri mengalami jangkakan penurunan peratusan migrasi masuk dari tahun 2013 sehingga unjuran tahun 2020 iaitu negeri Johor, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis dan Terengganu. Sementara itu, lima lagi negeri iaitu negeri Perak, Pulau Pinang, Pahang, Sabah dan Sarawak diljangkakan akan

mengalami peningkatan peratusan migrasi masuk dari tahun 2013 sehingga unjuran tahun 2020.





Negeri yang dijangkakan mengalami peratusan peningkatan migrasi masuk yang paling ketara bagi tempoh lapan tahun unjuran tersebut adalah negeri Sabah (rujuk rajah 6.1). Manakala bagi negeri Kelantan, hasil kajian menjangkakan peratusan migrasi masuk ke negeri adalah tidak berubah dari tahun 2013 sehingga unjuran tahun 2020. Rajah 6.1 merupakan gambaran tren migrasi masuk beserta unjuran sehingga tahun 2020.






Rajah 6.1 (a)
Unjuran Migrasi Masuk Bagi Negeri Johor, Kuala Lumpur dan Melaka.



Rajah 6.1(b)
Unjuran Migrasi Masuk Bagi Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor.



Rajah 6.1 (c)
Unjuran Migrasi Masuk Bagi Negeri Kedah, Kelantan, Pahang dan Perlis.



Rajah 6.2 (d)
Unjuran Migrasi Masuk Bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu

Bagi pecahan tempoh masa pula, hasil kajian mendapati nilai migrasi masuk bagi semua negeri adalah signifikan pada aras keertian tertentu bagi semua tempoh masa iaitu antara tahun 1980 hingga tahun 1985, tahun 1986 hingga tahun 1998, tahun 1999 hingga tahun 2008 dan tahun 2009 hingga jangkaan tahun 2020. Jika dilihat kepada tempoh masa antara tahun 1980 hingga tahun 1985, hasil kajian mendapati nilai koefisien Kuala Lumpur adalah yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri

lain dengan nilai koefisien sebanyak 3.7118. Bagi tempoh masa antara tahun 1986 sehingga 1998 pula, hasil kajian mendapati nilai koefisien negeri Selangor adalah yang paling tinggi dengan nilai koefisien sebanyak 3.5104.

Sementara itu bagi tempoh masa antara tahun 1999 hingga tahun 2008, Negeri Sembilan mencatatkan nilai koefisien yang paling tinggi iaitu 2.8336 manakala bagi tempoh masa antara tahun 2009 sehingga unjuran tahun 2020, hasil kajian menjangkakan nilai koefisien negeri Sabah adalah yang paling tinggi dengan nilai koefisien sebanyak 3.8899. Walaupun kesemua tempoh masa dilihat signifikan namun nilai koefisien bagi kesemua negeri dan juga tempoh masa dilihat semakin menurun. Justeru itu, migrasi masuk bagi kesemua negeri turut menerima kesan daripada kemelesetan ekonomi kerana semua negeri dilihat signifikan bagi kesemua tempoh masa iaitu antara tahun 1980 hingga tahun 1985, tahun 1986 hingga tahun 1998, tahun 1999 hingga tahun 2008 dan tahun 2009 hingga tahun 2020. Jadual 6.8 berikut merupakan ujian pecahan tempoh masa bagi migrasi masuk setiap negeri.

Jadual 6.7
Ujian Pecahan Tempoh Masa Bagi Migrasi Masuk

Negeri	Koefisien			
	Tahun 1980-1985	Tahun 1986-1998	Tahun 1999-2008	Tahun 2009-2020
Negeri Maju				
Johor	2.6776** [72.9256]	2.8439** [12.9390]	1.9657** [6.7869]	1.1104** [17.2700]
Kuala Lumpur	3.7118** [76.8256]	3.2071** [14.0113]	1.6035** [33.0585]	1.8852** [15.9828]
Melaka	3.1834** [52.9299]	3.3169** [23.8568]	2.3280** [14.5027]	1.9699** [25.4133]
Negeri Sembilan	3.2319** [48.6426]	3.4018** [27.6301]	2.8336** [18.2026]	1.9520** [28.3937]
Perak	2.8808** [83.9395]	2.7703** [19.0007]	1.9681** [13.5054]	2.0259** [36.1483]
Pulau Pinang	3.0323** [35.6516]	3.1109** [17.4755]	2.7343** [15.8764]	2.8389** [21.8829]
Selangor	3.6123** [20.1512]	3.5104** [17.0593]	2.2987** [6.2802]	1.0301** [4.6244]
Negeri Kurang Maju				
Kedah	2.7971** [67.6526]	2.7083** [8.7263]	2.2902** [14.3868]	2.4079** [13.8570]

Jadual 6.7 (Sambungan)

Negeri	Koefisien			
	Tahun 1980-1985	Tahun 1986-1998	Tahun 1999-2008	Tahun 2009-2020
Negeri Maju				
Johor	2.6776** [72.9256]	2.8439** [12.9390]	1.9657** [6.7869]	1.1104** [17.2700]
Kuala Lumpur	3.7118** [76.8256]	3.2071** [14.0113]	1.6035** [33.0585]	1.8852** [15.9828]
Melaka	3.1834** [52.9299]	3.3169** [23.8568]	2.3280** [14.5027]	1.9699** [25.4133]
Negeri Sembilan	3.2319** [48.6426]	3.4018** [27.6301]	2.8336** [18.2026]	1.9520** [28.3937]
Perak	2.8808** [83.9395]	2.7703** [19.0007]	1.9681** [13.5054]	2.0259** [36.1483]
Pulau Pinang	3.0323** [35.6516]	3.1109** [17.4755]	2.7343** [15.8764]	2.8389** [21.8829]
Selangor	3.6123** [20.1512]	3.5104** [17.0593]	2.2987** [6.2802]	1.0301** [4.6244]
Negeri Kurang Maju				
Kedah	2.7971** [67.6526]	2.7083** [8.7263]	2.2902** [14.3868]	2.4079** [13.8570]
Kelantan	2.5110** [22.2467]	2.6285** [31.6098]	2.4381** [26.8868]	1.3718** [4.3608]
Pahang	3.2858** [13.2656]	3.0702** [13.1472]	2.3665** [13.3688]	2.2415** [40.5014]
Perlis	2.9227** [41.1714]	3.1316** [14.2816]	2.3773** [30.3460]	2.0204** [63.0955]
Sabah	1.3220** [5.5728]	1.6719** [5.1255]	1.1668** [7.6850]	3.8899** [3.8196]
Sarawak	1.7164** [9.2789]	2.0461** [8.7369]	1.3983** [28.5930]	1.4121** [11.1799]
Terengganu	3.1510** [35.5649]	2.8568** [15.7317]	2.6010** [23.5540]	1.9238** [47.8994]

Nota: [] merupakan nisbah t, () merupakan kebarangkalian manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% and 10%.

6.4 Rumusan

Untuk menjawab objektif 3 dan objektif 4, ujian Autoregresi Lat Tertabur (ARDL) dan unjuran telah dijalankan dan dapatan hasil kajian telah dibentangkan seperti di dalam topik di atas. Secara keseluruhannya, model ARDL bagi kesemua negeri ini dilihat teguh dan terdapat sekurang-kurangnya satu pembolehubah bebas mempunyai hubungan jangka panjang dengan migrasi masuk. Manakala bagi unjuran pula, dijangkakan lima negeri akan mengalami peningkatan migrasi masuk bagi tempoh antara tahun 2013 hingga 2020 iaitu Pulau Pinang, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak. Bilangan migrasi masuk ke negeri Kelantan dijangkakan tidak berubah

untuk tempoh lapan tahun tersebut manakala negeri-negeri lain yang tidak dinyatakan dijangka mengalami penurunan bilangan migrasi masuk ke negeri masing-masing bagi tempoh unjuran dari tahun 2013 hingga 2020.



BAB TUJUH

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

7.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang dapatan hasil kajian secara menyeluruh di samping mengenalpasti implikasi kajian yang dijalankan. Di dalam bab ini juga, penyelidik akan mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan kepada pihak pentadbiran negeri khususnya agar mereka dapat mencari jalan yang terbaik sama ada untuk menggalakkan atau mengawal migrasi keluar dan masuk ke negeri masing-masing di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi di sesebuah negeri.

7.2 Kesimpulan

Jika dilihat kepada dapatan hasil kajian di dalam Bab lima dan Bab enam, semua pembolehubah dilihat mempunyai hubungan yang positif atau negatif dengan migrasi masuk dan beberapa pembolehubah dilihat menjadi penyebab kepada migrasi masuk dan begitu juga sebaliknya. Hasil kajian bagi ujian penganggaran kuasa dua terkecil secara keseluruhannya mendapati hubungan di antara migrasi masuk dengan setiap pemboleh ubah mengikut negeri adalah berbeza di mana wujud hubungan yang positif dan negatif di antara pemboleh ubah tersebut. Bagi pemboleh ubah populasi penduduk, hasil kajian mendapati hanya negeri Pahang yang mempunyai hubungan jangka pendek yang positif di mana populasi penduduk dilihat menjadi penyebab kepada migrasi masuk ke negeri ini manakala bagi hubungan jangka panjang pula, hasil kajian mendapati populasi penduduk di negeri Pahang dan

Terengganu menjadi penyebab kepada migrasi masuk ke negeri-negeri ini dalam jangka panjang.

Sementara itu, migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada peningkatan populasi dalam jangka pendek bagi negeri Johor dan Sarawak manakala migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada peningkatan populasi penduduk ke negeri Kelantan dalam jangka panjang. Bagi hubungan negatif pula, hasil kajian mendapati populasi penduduk yang tinggi menjadi penyebab kepada pengurangan migrasi masuk dalam jangka pendek dan jangka panjang bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor manakala migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada pengurangan populasi di Terengganu dalam jangka pendek.

Seterusnya bagi pemboleh ubah pelaburan asing, hasil kajian mendapati wujudnya positif dan negatif di antara pemboleh ubah ini dengan migrasi masuk. Jika dilihat kepada hubungan positif yang wujud, kemasukan pelaburan asing akan menyebabkan migrasi masuk ke negeri Johor dan Pulau Pinang meningkat bagi jangka pendek serta berlaku peningkatan migrasi masuk ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor bagi jangka panjang. Hubungan positif yang wujud di mana kemasukan pelaburan asing akan menyebabkan migrasi masuk ini meningkat dilihat sama seperti kajian yang dijalankan oleh Aroca dan Maloney (2002) di Amerika Syarikat, Buch, Klienert dan Toubal (2003) di Jerman serta Badvarsson, Hou dan Zhao (2009) di 29 wilayah China.

Migrasi masuk juga dilihat menjadi penyebab kepada peningkatan pelaburan asing dalam jangka panjang negeri Melaka dan situasi ini sama seperti kajian yang pernah

dijalankan oleh Foad (2011) ke atas 50 buah negeri di Amerika Syarikat. Jika dilihat kepada hubungan negatif yang wujud di antara pemboleh ubah pelaburan asing dengan migrasi masuk pula, hasil kajian mendapati dalam jangka pendek, kemasukan pelaburan asing ke negeri Selangor, Pahang dan Sarawak dilihat menjadi penyebab kepada pengurangan migrasi masuk ke negeri-negeri ini manakala migrasi masuk yang berlaku di negeri Perak dalam jangka panjang akan menyebabkan kemasukan pelaburan asing ke negeri ini akan berkurangan dalam jangka panjang.

Bagi hubungan migrasi masuk dengan pelaburan domestik pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan positif dan negatif bagi kedua-dua pemboleh ubah ini bagi beberapa negeri. kemasukan pelaburan domestik ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dalam jangka pendek dilihat menjadi penyebab kepada pertambahan migrasi masuk ke negeri ini manakala dalam jangka panjang, hasil kajian mendapati kemasukan pelaburan domestik ke negeri Johor, Melaka dan Perlis akan menyebabkan berlakunya pertambahan migrasi masuk ke negeri-negeri ini. Sementara itu, migrasi masuk ke negeri Pulau Pinang dan Sarawak dalam jangka pendek akan menyebabkan berlakunya peningkatan kemasukan pelabur domestik manakala migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada peningkatan pelaburan domestik bagi negeri Sarawak dalam jangka panjang. Jika dilihat kepada hubungan negatif bagi kedua-dua pemboleh ubah ini, hasil kajian mendapati kemasukan pelaburan domestik ke negeri Sabah dalam jangka pendek akan menyebabkan migrasi masuk ke negeri ini berkurangan manakala migrasi masuk ke negeri Perak dalam jangka pendek juga akan menyebabkan pelaburan domestik di negeri ini berkurang.

Selain itu, jika dilihat kepada hubungan yang wujud di antara migrasi masuk dengan pengangguran, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan negatif dan positif dalam jangka pendek dan jangka panjang bagi kedua-dua pemboleh ubah ini. Migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada pengurangan pengangguran bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor dalam jangka pendek dan jangka panjang manakala, migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada pengurangan kadar pengangguran bagi negeri Perak dalam jangka pendek sahaja. Keadaan ini di mana migrasi masuk ke kawasan destinasi telah menyebabkan pengangguran berkurangan adalah sama seperti dapatan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Cornwell & Inder (2004) di Afrika Selatan serta kajian yang telah dijalankan oleh McCatty (2004) di Peru. Sementara itu, pengurangan pengangguran di Pahang dalam jangka pendek serta di Melaka dalam jangka panjang akan menyebabkan migrasi masuk ke negeri ini meningkat. Bagi hubungan positif bagi kedua-dua pemboleh ubah ini pula, hasil kajian mendapati peningkatan pengangguran akan menyebabkan berlakunya peningkatan migrasi masuk ke negeri Sarawak dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Jika dilihat kepada dapatan hasil kajian bagi hubungan yang wujud di antara migrasi masuk dengan pendapatan isi rumah pula, hasil kajian mendapati bahawa peningkatan pendapatan isi rumah bagi negeri Johor dan Perak dalam jangka pendek serta peningkatan pendapatan isi rumah dalam jangka panjang bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Sarawak akan menyebabkan migrasi masuk ke negeri ini meningkat. Keadaan seperti ini dilihat menyerupai kajian yang telah dijalankan oleh Gransow (2012) di China. Bagi hubungan negatif yang wujud pula, hasil kajian mendapati peningkatan dalam pendapatan isi rumah bagi negeri

Pulau Pinang dalam jangka pendek dan jangka panjang serta negeri Melaka dan Perak dalam jangka panjang akan menyebabkan migrasi masuk ke negeri ini berkurang.

Sementara itu bagi hubungan di antara kemiskinan dengan migrasi masuk pula, hasil kajian mendapati peningkatan kemiskinan dalam jangka pendek bagi negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Perlis serta ke Melaka dan Sarawak dalam jangka panjang akan menyebabkan migrasi masuk ke negeri-negeri ini. Manakala peningkatan migrasi masuk akan menyebabkan berlakunya peningkatan kemiskinan bagi negeri Johor dan Kuala Lumpur dalam jangka pendek. Bagi hubungan negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini pula, hasil kajian mendapati peningkatan dalam kemiskinan akan menyebabkan migrasi masuk ke negeri Sarawak berkurang dalam jangka pendek serta ke negeri Perlis dalam jangka panjang. Situasi yang terjadi bagi negeri Sarawak dan Perlis ini dilihat hampir menyamai dengan dapatan kajian yang diperoleh dari Chowdhury et al (2012) serta Gransow (2012) ke atas Bangladesh dan China.

Jika dilihat kepada hubungan yang wujud di antara migrasi masuk dengan penyertaan tenaga buruh pula, hasil kajian mendapati wujudnya hubungan positif dan negatif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi beberapa negeri. Berdasarkan hasil kajian, migrasi masuk ke negeri Johor dan Pulau Pinang dalam jangka pendek serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Selangor dan Kedah dalam jangka pendek dan panjang akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam penyertaan tenaga buruh. Keadaan ini dilihat hampir sama

dengan kajian yang dijalankan oleh Yusnita Sari (2009) di Pulau Sumatera serta Zhang dan Meng (2010) di China.

Seterusnya hasil kajian mendapati peningkatan penyertaan tenaga buruh akan menyebabkan berlakunya peningkatan migrasi masuk bagi negeri Perak, Pahang dan Sarawak dalam jangka pendek manakala berlakunya peningkatan migrasi masuk ke negeri Sarawak dalam jangka panjang. Dapatan hasil kajian ini dilihat hampir menyerupai dapatan hasil kajian yang dijalankan oleh Bullington (2002) melibatkan 32 buah negeri di Mexico. Manakala migrasi masuk dilihat menjadi penyebab kepada pengurangan penyertaan tenaga buruh dalam jangka panjang bagi negeri Sabah dan dapatan hasil kajian ini dilihat hampir sama dengan kajian yang telah dijalankan oleh Stroble dan Valfort (2013) di Uganda.

Sementara itu bagi ujian unjuran dan pecahan tempoh masa, didapati kesan kemelesetan ekonomi sememangnya memberi kesan kepada migrasi masuk bagi semua negeri. Penghijrahan yang berlaku kesan dari kemelesetan ekonomi tersebut adalah disebabkan oleh penduduk ingin mencari pekerjaan yang baru dan juga ingin memperbaiki taraf hidup. Dan jika dilihat kepada tren migrasi masuk bagi unjuran tempoh lapan tahun sehingga 2020 pula, tren migrasi masuk dijangka mengalami penurunan bagi lapan negeri iaitu negeri Kedah, Perlis, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Kuala Lumpur manakala tren migrasi masuk ke negeri Kelantan dilihat tidak berubah. Bagi negeri Pulau Pinang, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak, didapati tren migrasi masuk ke negeri-negeri ini meningkat sehingga tahun 2020.

7.3 Implikasi Dasar dan Cadangan Penambahbaikan

Secara amnya, migrasi dalaman yang berlaku khususnya penghijrahan migrasi masuk ke kawasan maju mungkin akan menyebabkan berlakunya pelbagai masalah yang sukar untuk diatasi sekiranya ia tidak dikawal dari mula seperti masalah kemiskinan bandar, pengangguran dan masalah sosial. Di Malaysia, penduduk lebih gemar berhijrah ke Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang kerana di negeri ini dikatakan mempunyai peluang pekerjaan yang cerah dan dapat meningkatkan taraf hidup. Namun bagi negeri khususnya di Sabah dan Sarawak (kawasan pedalaman), tidak ramai yang sanggup untuk berhijrah dan menyumbang tenaga mereka di sana kerana tidak sanggup untuk tinggal di kawasan pedalaman.

Kemasukan pelaburan asing juga dilihat tidak sekata dan hanya tertumpu di kawasan maju sahaja. Sekiranya negeri kurang maju ingin meningkatkan pertumbuhan ekonomi mereka, sebenarnya faktor pelaburan asing dilihat menjadi salah satu faktor penarik kepada pertumbuhan ekonomi dan seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Jadi beberapa cadangan telah dikemukakan bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di kawasan kurang membangun di samping untuk mengurangkan kepadatan penduduk serta mengawal kadar migrasi masuk ke kawasan maju di samping mengurangkan penghijrahan penduduk dari kawasan asal. Justeru itu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan bagi hubungan migrasi masuk bagi setiap negeri dengan pemboleh ubah bebas.

